ABD AL-SALAM YASIN

KONSEPSI FIQAH DAN SEJARAH

ABD AL-SALAM YASIN

KONSEPSI
FIQAH DAN SEJARAH

Terjemahan:

Adnan bin Mohamed Yusoff, Abd Muhaimin bin Ahmad, Syed Ahmad Tarmizi bin Syed Omar, Muhammad Widus Sempo, Robiatul Adawiyah Mohd @ Amat, Norzulaili Mohd Ghazali

Suntingun dan semakan transliterasi Arab:

Muhammad Widus Sempo

Seliaan:

Abdul Rahman Hussein Obeid

KANDUNGAN

PENGHARGAAN

Buku terjemahan ini adalah hasil penyelidikan di bawah geran internasional dengan kod: USIM/INT_SIRAJ/FPQS/053000/41319. Oleh itu, ribuan terima kasih dirakamkan kepada SIRAJ CENTRE FOR RESEARCH AND STUDIES yang memberi sokongan bermakna dalam menyempurnakan penulisan terjemahan buku ini ‘نظـرات فــي التاريــخ والفقــه’) ke dalam bahasa Melayu sehingga dapat diterbitkan.

Seterusnya, ucapan terima kasih dan penghargaan juga diberikan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak dalam penerbitan buku terjemahan ini.

Mereka adalah cahaya maknawi yang menyumbang kepada kehadiran terjemahan buku ini di hadapan para pembaca sekalian.

Kami berharap agar setiap tenaga dan buah fikiran yang telah disumbangkan bersama oleh pelbagai pihak dalam penghasilan terjemahan buku ini mendapat keredhaan Allah ﷿ dan dicatat dalam kitab amal kebaikan di akhirat kelak. Amin.

Edisi pertama - Ogos 2019

PRAKATA

الحَمْدُ لِلهِ القَايِلِ لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِأُولِي الْأَلْبَابِ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى خَيْرِ مَنْ أَنْزَلَ عَلَيْهِ الكِتَابَ، وَعَلَى جَمِيْعِ الآلِ وَالأَصْحَابِ وَالتَّابِعِيْنَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الحِسَابِ.

Al-Syeikh al-Allamah Abdul Salam Yasin (1928-2012) merupakan salah seorang tokoh pembaharuan pemikiran Islam abad ini yang menabur bakti di bumi Maghribi dan wilayah utara benua Afrika. Dalam usianya yang panjang, beliau melalui berbagai fasa kehidupan sehinggalah beliau sampai ke suatu tahap mengabdikan diri kepada sebuah perjuangan untuk memartabatkan ajaran Quran dan Sunnah dalam kehidupan masyarakat secara holistik. Bermula dengan kerjaya rasmi sebagai guru di Kementerian Pendidikan, beliau memberikan sepenuh komitmen dan dedikasi tidak berbelah bahagi dalam mendidik anak bangsa, sehingga beliau mendapat peluang malanjutkan pengajian ke peringkat ikhtisas dalam bidang Pendidikan Bahasa Arab dan terjemahan. Atas kecemerlangannya, beliau dinaikkan pangkat sebagai nazir hanya selepas tiga tahun berkhidmat sebagai guru.

Sebaik negara Maghribi mencapai kemerdekaan pada tahun 1956, beliau antara kakitangan pendidikan generasi pertama warga Maghribi yang menerima tanggungjawab menguruskan hal ehwal pendidikan rakyat dari bekas penjajah Peranchis. Selain meneruskan tanggungjawab penaziran di sekolah-sekolah seluruh negara, beliau turut terlibat dalam pembangunan modul pendidikan guru. Bagi membantu para guru, beliau mengarang beberapa buku berkaitan pendidikan dan keguruan sebagai panduan dan rujukan mereka. Antaranya

Kayf Aktub Insya'a Pedagogiyyan, Muzakkirat Fi al-Tarbiyah dan al-Nusus al-Tarbawiyyah. Beliau juga pernah menyandang jawatan Pengarah Institut Pendidikan Guru dan terlibat secara langsung dalam kursus-kursus keguruan di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Antara negara yang beliau lawati dan inapi bagi tujuan ini ialah Algeria, Tunisia, Lubnan, Peranchis, Amerika Syarikat dan lain-lain. Peluang ini digunakan sepenuhnya oleh beliau untuk mendalami ilmu, menimba pengalaman dan meningkatkan kemahiran bahasa antarabangsa seperti bahasa Peranchis, Inggeris dan Rusia.

Pada tahun 1965, ketika berada di puncak kecemerlangan kerjaya, beliau telah mengalami suatu perubahan dalaman yang mendorong beliau untuk melakukan pencarian terhadap makna sebuah perjuangan dan kemanisan dalam beramal. Pencarian ini telah membawa beliau kepada perguruan bersama seorang tokoh murabbi al-Syeikh Abbas bin al-Mukhtar al-Butshishiy selama enam tahun, sehingga beliau sampai kepada keyakinan bahawa jalan kebenaran yang dicarinya ada pada ilmu tasawuf dan ahlinya yang benar, sebagaimana al-Ghazali menemuinya melalui sebuah pencarian yang hampir sama. Penemuan ini menjadi inspirasi kepada beliau untuk membawa perubahan ke arah kebaikan personal seperti yang difokuskan dalam ajaran kebanyakan kumpulan tasawuf kepada perubahan ke arah kebaikan dan kecemerlangan untuk umat Nabi Muhammad ﷺ secara menyeluruh. Perubahan yang didambakan ini merupakan sebuah usaha yang menggabungkan antara tarbiah dan jihad. Bagi merealisasikan cita-citanya ini, beliau telah menghasilkan sebuah karya berjudul al-Islam Bayn al-Da'wah Wa al-Dawlah al-Minhaj al-Nabawiy li Taghyir al-Insan pada tahun 1972.

Pada tahun 1974, beliau menghasilkan sebuah lagi buku yang berjudul al-Islam Aw al-Tufan Risalah Maftuhah Ila Malik

al-Maghrib. Buku ini adalah pelengkap kepada buku pertama dalam usaha untuk membawa perubahan ke arah kebaikan dan kesejahteraan kepada ummah. Ia ditujukan khusus kepada Raja Maghribi ketika itu untuk menyerunya supaya bertaubat dan kembali kepada pegangan agama, menghentikan kezaliman dan kekerasan terhadap rakyat, serta berusaha menegakkan syariah dan peraturannya dalam sistem pentadbiran dan pemerintahan agar negara dan rakyat berubah ke arah kebaikan dan kebajikan sebagaimana yang terzahir di bawah payung pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz. Walau bagaimanapun buku ini telah menyebabkan beliau ditangkap dan dihumban ke dalam penjara tanpa sebarang bicara selama tiga tahun enam bulan. Sebaik dibebaskan dari penjara pada tahun 1978, beliau kembali bangkit meneruskan usaha dakwahnya melalui kuliah di masjid-masjid seterusnya di rumah beliau sendiri setelah dihalang dari menyampaikan kuliah dan ceramah di masjid. Pada tahun 1979, beliau bersama pengikut setianya berjaya menerbitkan sebuah majalah bernama al-Jama'ah yang menjadi medium baru dakwah mereka kepada seluruh warga di segenap pelusuk Maghribi. Walaupun mendapat berbagai tekanan dan sekatan, majalah ini berjaya menarik dan mengumpul ramai para ilmuwan, aktivis dan golongan muda yang prihatin untuk sama-sama terlibat dalam perjuangan yang dibawa dan mereka saling berhubungan antara satu sama lain melalui berbagai cara.

Pada tahun 1981 al-Syeikh Abdul Salam mengisytiharkan hasrat penubuhan sebuah jemaah bagi mengumpulkan para aktivis dan pencinta perjuangan yang terbentuk, dalam satu wadah yang lebih tersusun bagi menyelaraskan aktiviti serta sumbangan masing-masing dengan lebih efisen. Pada tahun 1983, beliau berjaya memuktamadkan perlembagaan dan peraturan jemaah dan permohonan rasmi penubuhan jemaah dikemukakan kepada pihak berwajib. Walau bagaimanapun

pada tahun yang sama beliau sekali lagi ditangkap ekoran sebuah artikelnya dalam majalah al-Jamaah yang mengkritik perutusan kurun baharu hijrah ke-15 Raja Maghribi. Sebaik dibebaskan dari penjara pada tahun 1985, beliau telah mengumpulkan pimpinan jemaah untuk menyusun semula barisan kepimpinan dan struktur organisasinya. Kepesatan aktiviti serta kehebatan sambutan masyarakat terhadap pemikiran, pendekatan dan dakwah yang dibawa oleh al-Syeikh Abdul Salam mendorong pihak berkuasa mengambil tindakan drastik bagi menyekat dan menghalang pengaruh jemaah ini kepada masyarakat. Ekoran itu, pada tahun 1989, beliau dikenakan tahanan rumah dan dihalang dari keluar untuk bertemu dengan orang lain atau menerima kunjungan tetamu.

Pada 10hb. Mei 2000, pihak berkuasa telah menamatkan tahanan rumah ke atas al-Syeikh Abdul Salam. Pembebasan ini menzahirkan rasa syukur tidak terhingga pengikut-pengikutnya yang merindui sosok kepemimpinan dan keilmuannya dalam mendidik dan membimbing mereka serta masyarakat umumnya ke arah masa depan yang lebih baik dan selesa. Ia juga turut mengundang sambutan luar biasa dari pihak media dari dalam dan luar negara yang datang mengadakan wawancara dengan beliau. Para pemimpin gerakan Islam dan aktivis dari dalam dan luar negara juga tidak putus berkunjung ke kediamannya untuk mengucapkan selamat, bertukar-tukar fikiran dan menjalinkan kerjasama antara pelbagai jemaah dan pertubuhan. Beliau juga kembali menyampaikan kuliah serta ceramah yang mendapat sambutan luar biasa dari segenap lapisan masyarakat dan ianya disiarkan secara langsung melalui rangkaian internet dan kemudahan media baharu ke seluruh dunia. Beliau terus dengan perjuangannya bersama jemaah al-Adl Wa al-Ihsan sebagai murabbi, pemimpin dan pemikir menerusi berbagai medium seperti syarahan, tulisan,

temu bual, khidmat nasihat dan lain-lain sehinggalah beliau dijemput Ilahi pada 13hb. Disember 2012.

Di sebalik cabaran dan rintangan yang dihadapi oleh al-Syeikh Abdul Salam sepanjang perjuangan panjangnya, beliau berjaya menampilkan kepada umum kekentalan perjuangannya, kehebatan pemikirannya, keluasan ilmunya, kemuliaan peribadinya, keluhuran akhlaknya, kepintaran strateginya, ketinggian wawasannya dalam merealisasikan tuntutan Kitab Suci al-Quran dan meneruskan perjuangan baginda Rasulullah ﷺ seperti yang tersurat dan tersirat dalam hadis dan sunnah demi kesejahteraan hidup insani di dunia dan akhirat. Nilai yang tersirat di sebalik sosok tokoh ini sangat signifikan untuk dikaji dan diangkat sebagai panduan atau kajian kepada para ilmuwan, agamawan, sejarawan, aktivis, reformis dan pencinta kebenaran seluruhnya, lebih-lebih lagi kehidupan dan perjuangannya merentasi dua abad dan sempat menjengah dan berinteraksi dengan tuntutan dan cabaran perjuangan di alaf baharu ini. Perjuangan beliau adalah lanjutan dari perjuangan para reformis Islam sebelumnya dengan kebanyakan mereka berakhir menjelang pertengahan kurun lalu, yang masih belum menyaksikan kemunculan teknologi canggih seperti teknologi komunikasi dan maklumat, mewarnai kehidupan masyarakat.

Bagi Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) yang memayungi pengajian dan pengkajian dalam dua bidang teras di pentas keiluman Islam ini, ketokohan al-Syeikh Abdul Salam amat signifikan untuk diselidiki memandangkan dua bidang teras ini merupakan asas utama yang membentuk dan mendasari pemikiran, perjuangan dan perwatakan beliau. Sejak dari awal pertumbuhan beliau, kecemerlangan pendidikannya bermula dengan hafazan Quran, seterusnya kecemerlangan beliau dalam penguasaan ilmu didasarkan kepada pemahaman mendalamnya terhadap Quran, ketabahan serta kekentalannya

dalam menghadapi berbagai tekanan termasuk dipenjara adalah kerana ditemani oleh bacaan dan murajaah Qurannya, kesempurnaan peribadi dan keluhuran sahsiahnya adalah dari penghayatan serta amalannya dengan wirid-wirid dari Quran. Begitu juga dengan Sunnah Rasulullah ﷺ yang merupakan sandaran utama beliau dalam pengamalan dan pembentukan peribadi, dari Sunnah Rasulullah ﷺ juga beliau menghasilkan karya yang menjadi rujukan dan panduan Jamaah al-Adl Wa al-Ihsan dan para da'i dan pengkaji, dari sirah perjuangan dan sunnah Rasulullah ﷺ jugalah beliau membina pemikiran dan wawasan perjuangan.

Selain itu, dari sudut pengintegrasian ilmu-ilmu agama (naqli) dengan ilmu-ilmu kemanusiaan (aqli) dan teknologi semasa, beliau sangat prihatin dalam memberi dorongan dan galakan supaya masyarakat Islam terutama para da'i dan generasi muda supaya tidak ketinggalan untuk menguasai kedua-dua bidang ilmu ini. Beliau juga sangat peka dengan perkembangan teknologi semasa dan sentiasa berpesan kepada para pendokong jemaahnya supaya tidak ketinggalan untuk mengemaskini kemudahan data maklumat, sistem pengurusan dan peralatan teknologi terkini yang diperlukan dalam menggerakkan institusi dan organisasi. Aspek ini juga merupakan fokus utama FPQS dalam menjamin sistem penyampaian serta tahap keilmuan yang disampaiakan oleh fakulti adalah sesuai untuk para bakal graduannya menempuhi kehidupan dan menghadapi cabaran alam kerjaya dan kehidupan yang pantas bergerak selepas bergraduasi nanti.

Justeru, penyelidikan yang dilaksanakan oleh para penyelidik dengan diketuai oleh rakan seperjuangan YBrs. Dr Abdul Rahman Husein ini amat bermakna bagi meluaskan lagi korpus ilmu dalam bidang pengajian Quran dan Sunnah seperti yang dihasratkan oleh fakulti. Ia juga dapat membuka sebahagian

lagi dimensi penyelidikan bagi warga akademik di fakulti, serta meluaskan jaringan menerusi jalinan kerjasama bersama Imam Abdessalam Yassine Fondation serta para pengkaji atau institusi yang menyokong perjuangan beliau. Penyelidikan yang berjaya dihasilkan ini memberikan banyak pendedahan serta pengenalan mengenai tokoh ini kepada para pengkaji dirantau ini. Lebih dari itu, sebagai output dari penyelidikan ini, sebuah karya unggul al-Syeikh Abdul Salam sendiri Nazarat Fi al-Fiqh Wa al-Tarikh berjaya diterbitkan dalam versi Bahasa Melayu untuk tatapan dan rujukan pembaca di Nusantara.

Setinggi-tinggi tahniah kepada ahli penyelidik atas kejayaan menyelesaikan penyelidikan ini, sekalung penghargaan kepada Imam Abdessalam Yassine Fondation atas kesudiaan membiayai penyelidikan ini dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terutama Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi dan FPQS atas sokongan dan kemudahan yang disediakan. Semoga ia menjadi titik tolak yang baik untuk meneroka ruang kerjasama lebih besar dalam penyelidikan berikutnya, serta program-program lain berkaitan seperti penganjuran seminar atau wacana, terutama dalam menelusuri dan menekuni khazanah peninggalan al-Syeikh Abdul Salam Yasin.

وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه وسلم

ALUAN

Saudara-saudariku yang dikasihi;

Wahai para mukminin dan mukminat;

Firman Allah سبحانه وتعالى:

إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُ بِٱلۡعَدۡلِ وَٱلۡإِحۡسَٰنِ وَإِيتَآيِٕ ذِي ٱلۡقُرۡبَىٰ
وَيَنۡهَىٰ عَنِ ٱلۡفَحۡشَآءِ وَٱلۡمُنكَرِ وَٱلۡبَغۡيِۚ يَعِظُكُمۡ
لَعَلَّكُمۡ تَذَكَّرُونَ ٩٠

Maksudnya:

"Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya."

(Q.S. Al-Nahl 16:90).

Saya berhasrat untuk memperkatakan kepada tuan-puan sekalian insya-Allah dalam risalah saya ini tentang dimensi amalan kita yang sukses dengan kemuliaan Allah dan kurniaan-Nya seraya meletakkan metod nabawi di tempat sebuah cahaya yang menyerlahkan apa yang kita dambakan, iaitu sebuah khilafah di atas manhaj nabawi. Itulah janji benar daripada Allah سبحانه وتعالى dan Rasul-Nya ﷺ yang memandu jihad kita.

Berdasarkan cahaya ini kita melihat peristiwa-peristiwa bersejarah masa kini. Kita lihat perkembangan menakjubkan dalam bidang sains dan teknologi yang dikuasai secara eksklusif

oleh musuh-musuh Islam bukan kita, kita lihat kesepakatan antara dua blok jahiliah untuk menghalang kebangkitan Islam dengan penuh perseteruan, kita lihat perpecahan umat Islam dan kehancuran mereka, kita lihat penguasaan materealistik jahiliah dan budayanya di seluruh alam, kita lihat penjajahan musuh ke atas tanah umat Islam serta ekonomi dan pemikiran mereka, kita lihat sistem pemerintahan di negara umat Islam yang telah dipecah-pecah kepada wilayah-wilayah dan negara-negara kecil mewakili bentuk pemerintahan secara paksaan yang diungkapkan oleh Rasulullah ﷺ dalam sebuah hadis sahih yang memberikan khabar gembira kepada kita tentang kemunculan sinar pemerintahan secara khilafah pasca kegelapan pemerintahan secara kongkongan dan paksaan.

Saya mengingatkan tuan-puan kepada hadis yang kita jadikan sebagai teras kepada cara berfikir kita, serta panduan kepada susun atur langkah kita. Al-Imam Ahmad meriwayatkan dengan sanad yang sahih daripada Hudhayfah r.a. bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

«تَكُونُ النُّبُوَّةُ فِيكُمْ مَا شَاءَ اللهُ أَنْ تَكُونَ، ثُمَّ يَرْفَعُهَا إِذَا شَاءَ أَنْ يَرْفَعَهَا، ثُمَّ تَكُونُ خِلَافَةٌ عَلَى مِنْهَاجِ النُّبُوَّةِ، فَتَكُونُ مَا شَاءَ اللهُ أَنْ تَكُونَ، ثُمَّ يَرْفَعُهَا إِذَا شَاءَ اللهُ أَنْ يَرْفَعَهَا، ثُمَّ تَكُونُ مُلْكًا عَاضًّا، فَيَكُونُ مَا شَاءَ اللهُ أَنْ يَكُونَ، ثُمَّ يَرْفَعُهَا إِذَا شَاءَ أَنْ يَرْفَعَهَا، ثُمَّ تَكُونُ مُلْكًا جَبْرِيَّةً، فَتَكُونُ مَا شَاءَ اللهُ أَنْ تَكُونَ، ثُمَّ يَرْفَعُهَا إِذَا شَاءَ أَنْ يَرْفَعَهَا، ثُمَّ تَكُونُ خِلَافَةً عَلَى مِنْهَاجِ نُبُوَّةٍ ثُمَّ سَكَتَ».

Maksudnya:

"Akan berlangsung zaman kenabian pada kamu selama mana Allah kehendaki ianya berlangsung. Kemudian Allah akan angkatkannya apabila Ia kehendaki untuk mengangkatnya. Kemudian akan berlangsung khilafah di atas manhaj kenabian. Lalu berlangsunglah ia selama mana Allah kehendaki ianya berlangsung. Kemudian Allah akan angkatkannya apabila Ia kehendaki untuk mengangkatnya. Kemudian berlangsunglah kerajaan yang mengongkong dan menindas. Lalu berlangsunglah ia selama mana Allah kehendaki ianya berlangsung. Kemudian Allah akan angkatkannya apabila Ia kehendaki untuk mengangkatnya. Kemudian berlangsunglah kerajaan yang memaksa dan melampau. Lalu berlangsunglah ia selama mana Allah kehendaki ianya berlangsung. Kemudian Allah akan angkatkannya apabila Ia kehendaki untuk mengangkatnya. Kemudian akan berlangsunglah khilafah mengikut manhaj kenabian. Kemudian baginda diam."

(Ahmad bin Hanbal. Hudhayfah. Juz' 30. Hadis, no: 18406).

DULUAN
PENYIMPANGAN YANG MERBAHAYA

Sesungguhnya kita, tatkala melihat kepada peristiwa-peristiwa yang bergelojak di zaman kita, dan kita hidup bersama harapan ummah agar Allah ﷻ menzahirkan agama-Nya ke atas sekalian agama sebagaimana yang Ia janjikan dan janji-Nya adalah pasti, kita tidak sekali-kali akan pernah melepasi pelbagai persinggahan cita-cita yang menyimpang dan mengecewakan. Ia terbang melayang melampaui realiti. Terbangan yang memberikan kesegaran yang membius, tetapi tidak memberikan kenampakan sekiranya kita tidak menjadikan hadis yang bernilai ini serta hadis-hadis lain seumpamanya sebagai petunjuk bagi mengetahui penyimpangan sejarah yang mengubah landasan kehidupan kita, lalu kita kehilangan prinsip-prinsip teras jati diri kita.

Syura hilang bersama hilangnya *khilafah rashidah* (kerajaan khalifah yang mengikut manhaj Rasulullah ﷺ). Adil lesap. Ihsan lenyap. Kekejaman datang bersama pemerintahan Bani Umayyah.. dan setelah berkurun-kurun ia menjadi semakin berleluasa, lalu menjajah muka bumi dan menjajah akal fikiran. Menjadi kebiasaan manusia mendengar tentang pemerintahan Bani Umayyah, Abbasiyyah dan seterusnya mereka hidup dalam fatamorgana nama-nama besar tanpa penilaian kritis terhadap penama-penama.

Rasulullah ﷺ menamakannya sebagai kerajaan yang mengongkong dan menindas dan kerajaan yang memaksa dan melampau. Akan tetapi sejarawan rasmi menamakannya sebagai khilafah. Maka terpalitlah suatu penipuan kepada generasi-generasi. Lalu kita terhibur sehingga kini dengan keagungan khilafah ini. Memang benar pada realitinya ia

merupakan benteng kekuatan Islam dan pelindungnya dari serangan luar. Akan tetapi di bawah naungannya menular serangan dalaman apabila suara-suara yang menegah dari kemungkaran disenyapkan, kebebasan pendapat dimatikan dan pintu ijtihad ditutup. Di bawah naungannya dan di sebalik pertelingkahan terselindung terbentuknya mazhab-mazhab yang dibawa masuk secara halus dari luar. Maka terpecahlah umat kepada Sunni dan Syiah. Terpisahlah ilmu kepada bahagian-bahagian pengkhususan sehingga ahli-ahli pengkhususan tidak mampu lagi menguasainya secara holistik. Tiada lagi orang yang berani meredah laluan berlandaskan manhaj al-Quran dan Sunah kerana takutkan penguasa. Peperangan di bawah naungannya ketika itu berakhir dengan memerosokkan al-Quran serta ahlinya ke ceruk-ceruk pengabaian atau membinasakan mereka menerusi kebangkitan-kebangkitan seperti kebangkitan berdarah Husayn bin Ali r.a.. Di bawah naungannya pedang menjadi sangat berkuasa dengan penuh keangkuhan. Pejuang *asabiyyah* perkauman mara ke persada. Berbagai kabilah muncul seperti Banu Buwaih, Salajiqah, Abidiyyun dan begitulah seterusnya. Setiap kabilah saling mengambil alih kuasa di bawah naungannya. Para mufti di bawah naungannya mengeluarkan fatwa tentang keharusan pengambil alihan kuasa dengan pedang. Lanjutan itu, salam perpisahan kepada syura, adil dan ihsan.

KEPENTINGAN PEMIKIRAN YANG SISTEMATIK

Setiap golongan yang menerajui kebatilan, termasuk liberalis, sosialis, nasionalis, Islam haluan kiri dan setiap pecahan aliran pemikiran daripada kumpulan tersebut mempunyai cara pandang yang jelas dalam menganalisis dan mengkritik fenomena kehidupan dan sejarah yang telah berlaku serta berkebolehan menggambarkan deskripsi perjalanan masa hadapan. Walaupun kita tidak dapat melepaskan diri daripada pelbagai keperluan hidup yang terkadang mewah, tetapi jiwa dan hati kita yang jujur tetap mahukan hari esok yang lebih baik bagi Islam.

Rasa kasih sayang yang menghangatkan, kemahuan menjalin kerjasama tidak akan pernah hilang dalam sejarah kehidupan kita. Walaupun demikian, di antara kita masih ada sahaja sebahagian orang yang mencari hajatnya dalam model lama zaman Harun Rasyid. Dia tidak mengambil kira bahawa meskipun raja agung ini besar menurut pandangan kaca mata dunia, namun menurut pandangan Islam dan Rasulullah ﷺ raja ini tidak lain kecuali seorang raja yang martabatnya jatuh di mata Islam kerana kesilapan yang pernah diperbuat. Dengan rasa sedih terhadap masa hadapan umat Islam yang sukar, kita melaungkan kemuliaan “maruah Islam yang bermartabat” yang dikenali dengan *shawkah al-Islam* (شوكة الإسلام). Ini adalah ungkapan Imam al-Ghazali ketika memberikan pembelaan kepada al-Mustazhir al-Abbasi. Jika kita mencuba mengingat semula gambaran pemerintahan Islam yang kukuh ketika itu, kita seolah-olah mahukan balas dendam terhadap kelemahan diri kita sendiri pada masa sekarang. Kita tidak sedar bahawa membanggakan diri dengan raja yang mempunyai kesilapan sejarah pada masa lampau bermakna kita memberikan sokongan secara tidak langsung kepada pemerintahan seorang

raja yang berkuku besi pada masa sekarang. Di samping itu, kita juga dengan kejahilan diri sendiri telah membantu sedikit banyak memadamkan kesan dan pengaruh hidayat dan wasiat Baginda Nabi ﷺ yang kedua-duanya dapat dijadikan sebagai garis panduan dalam menerangi jalan hidup kita, dijadikan sebagai perintah yang perlu dilaksanakan dan model kehidupan untuk diikuti supaya kita berkebolehan memadamkan kelemahan diri kita sendiri. Perkara yang sedemikian ini betul-betul akan terwujud jika kita berpegang teguh kepada kaedah kehidupan baginda Nabi ﷺ menerusi hadis-hadis baginda. Kondisi umat bertambah buruk ketika berlaku pertembungan antara kehendak al-Quran dan kepentingan pemerintah, ketika kekerasan menjadi pilihan dalam menyelesaikan banyak perkara, ketika syura sudah diabaikan, keadilan dan ihsan sudah hilang, ketika kefahaman bercelaru, ketika ummah dihalau kepada perpecahan dan penjajahan pihak asing yang melahirkan generasi-generasi yang taasub kepada budaya Barat dan menjadi bala tentera syaitan yang melakukan kerosakan terhadap umat ini.

Oleh itu, wajib bagi kita mengukuhkan pegangan hidup berdasarkan al-Quran dan Sunah. Ini kerana hati nurani terkadang mahukan kerosakan, fiqah salaf soleh yang hidup dalam tirani pemerintahan hanya mewariskan ilmu yang tidak cukup dijadikan sebagai asas dalam membangunkan projek kehidupan yang sempurna. Perbincangan mengenai pemerintahan dan kekuasaan tidak dapat diterima selagi pedang dihunus, tidak akan difahami atau disebarkan kecuali jika kita berlindung dalam perisai pemerintahan Islam yang bernas yang dikenali dengan *al-ahkam al-sultaniyah* (الأحكام السلطانية). Pemerintahan yang sedemikian bertanggungjawab melakar undang-undang yang berteraskan saling menghormati. Di samping itu, perbincangan mengenai pemerintahan di atas tidak akan berlaku, kecuali jika perbincangan tersebut disokong

oleh pemerintah tempatan yang berkuasa, pemerintahan yang mendengar hati nurani rakyat dengan penuh hikmah dan ihsan.

Sunah nabawi adalah sangat diperlukan untuk mentafsirkan sejarah dan realiti. Ia adalah penting untuk membuka cara pandang masa hadapan. Ia adalah penting untuk menggambarkan kerangka dakwah dan pemerintahan Islam, pendidikan, gerak kerja dan pelan tidakan. Ia adalah penting untuk mengenal pasti hubung kait antara harapan ummah dan upaya mereka untuk merealisasikannya. Ia adalah penting untuk mengetahui dasar-dasar utama dalam diri ummah yang dapat dijadikan sebagai alat untuk menciptakan persatuan ummah. Ia adalah penting untuk mengenal pasti sebab-sebab yang mendorong kepada persatuan dan pembaharuan. Sunah baginda Nabi ﷺ juga penting untuk mengubati pelbagai masalah ummah sekarang supaya pembangunan dapat diteruskan.

Kita perlu mengikuti tunjuk ajar baginda Nabi ﷺ ketika menghadapi pergolakan politik sama ada dalam mahupun luar baik ketika umat dalam kejayaan mahupun tidak. Jika ini berlaku, maka kita berkemampuan melepasi fitnah yang dirancang oleh musuh secara sistematik dan membangunkan khilafah atas dasar syura, keadilan dan ihsan. Sebaliknya, kita lebih banyak bernostalgia mengingat kejayaan khilafah Abbasiyah dan keperkasaan khilafah Uthmaniyah berbanding mahukan kejayaan dalam erti yang sebenar. Jika ini berlaku, maka kita akan tersekat dalam penjara ummi yang buta sejarah dan penjara keangkuhan yang mengabaikan wasiat Baginda Nabi ﷺ yang menjanjikan fasa khilafah kedua yang sangat istimewa berbanding khilafah sebelumnya.

Kami tidak bermaksud mengurangkan keperkasaan raja-raja Muslim, khususnya mereka yang dicabar pelbagai fitnah demi menjaga maruah Islam. Kami pun tidak bermaksud untuk

mengkritik orang. Ini kerana di antara mereka ada orang soleh dan ada juga orang selain daripada mereka. Justeru, kami mahukan sistem pemerintahan untuk mengulang semula sejarahnya berdasarkan kayu ukur Islam dan bukan berlumba-lumba menunjukkan kelebihan masing-masing sebagaimana yang diterajui oleh para nasionalis Arab sekarang.

Aku lebih memilih penggunaan istilah *qawmah* (قومة) berbanding istilah *thawrah* (ثورة) untuk menzahirkan kebangkitan, kesedaran, pengisian diri, persiapan diri dan pelan tindakan menerusi petunjuk firman Allah ﷻ di dalam surah al-Jin ayat 19:

وَأَنَّهُۥ لَمَّا قَامَ عَبۡدُ ٱللَّهِ يَدۡعُوهُ ١٩

Bermaksud:

"Dan bahawa sesungguhnya, ketika hamba Allah (Nabi Muhammad) berdiri mengerjakan ibadat kepada-Nya, mereka hampir-hampir menindih satu sama lain mengerumuninya."

Jika ini berlaku, maka kebangkitan kita (قومتنا) adalah berdasarkan Sunah baginda Nabi ﷺ. Di samping itu, hasrat kita yang mahukan khilafah juga berdasarkan Sunah baginda Nabi ﷺ selepas melalui pelbagai cabaran dan kekangan. Di samping itu, cara kita menyelesaikan masalah sama ada besar atau kecil dengan pemikiran dan kaedah yang sistematik juga mengikuti langkah-langkah para rasul. Terakhir sekali, langkah kita bersesuaian dengan Sunah baginda Nabi ﷺ yang penuh hikmah.

PANDANGAN MENGENAI FIQAH DAN SEJARAH SEKATAN TAKLID

Bagaimana mungkin kita dapat bangun, bergerak dan menggapai semua keperluan, sementara sekatan taklid melingkar di leher kita? Bagaimana mungkin kita dapat mempertahankan idea pemerintahan khilafah dan masa hadapan Islam atas dasar syura, keadilan dan ihsan, sementara sekatan taklid beratnya sama berat bebanan sejarah yang ada di punggung kita? Bagaimana mungkin kita dapat meletakkan tasawur masa hadapan Islam, persatuan, kekuatan dan penyebaran risalah Islam ke seluruh alam? Bagaimana mungkin kita dapat mengungkapkan hajat manusia, keluhan dan hasratnya? Bagaimana mungkin kita dapat memenangkan agama Allah yang datang untuk memenangkan perkara hak dan menyantuni orang-orang yang lemah? Bagaimana mungkin kesemua ini berlaku, sementara kita masih mengejar ilmu dan hikmah daripada tangan orang-orang yang tidak mempercayai al-Quran dan Sunah sebagai rujukan dalam semua peringkat kehidupan?

Sesungguhnya kekuatan senjata yang ada di tangan para penguasa zalim bukan kerana kecanggihan senjata mereka dan bukan juga jumlah bala tentera mereka yang banyak, tetapi kekuatan negatif, kekuatan malas berfikir dan kelemahan jiwa mendorong mereka mahu melepaskan diri daripada segala bentuk ketergantungan dan ketakutan.

Orang di luar kita telah membentangkan di pentas politik idea demokrasi atau nama lain yang sering disalahgunakan oleh sistem pemerintahan moden yang zalim yang bersembunyi di sebalik jubah kemunafikan dan penipuan. Pada masa yang sama, kita ditohmah sebagai ummah yang tidak mahukan demokrasi dalam erti yang mereka fahami sebagaimana bakteria dan

ulat-ulat kecil tidak dimahukan. Perkara yang paling kelakar adalah minda-minda cetek yang direka untuk menurut sahaja dan berasa hina di hadapan penguasa dengan tawaran remeh-temeh, seperti perempuan penzina yang diterkam sebagaimana merpati jinak yang disembelih oleh tangan algojo.

Minda sakit yang sedemikian sentiasa melakukan makar ke atas orang awam yang menjadi kekangan bagi para dai dalam membongkar konspirasi zaman berzaman antara penguasa diktator dan tangan kanan penguasa daripada ahli fiqah istana yang dikenali dengan *fukaha al-qusur* (فقهاء القصور).

Berlepas diri daripada taklid bukanlah bermaksud membuang ijtihad dalam banyak persoalan juzuk (furu') fiqah yang ditinggalkan oleh ulama Islam terdahulu. Namun, yang aku maksudkan adalah minda cetek yang melihat al-Quran dan sirah Baginda Nabi ﷺ menurut pandangan penguasa yang tidak melihat realiti kekuasaan dan umat Islam dengan pandangan al-Quran dan Sunah yang menyuruh kepada perkara yang baik, melarang kemungkaran dan membenci kebatilan.

Apakah kaedah yang terbaik untuk lepas daripada minda cetek yang sedemikian dan revolusi yang tidak masak dan terkesan terburu-buru?

Apakah kaedah terbaik yang membolehkan kita dapat keluar daripada kesan buruk trauma, membuang sifat malas yang mengikat, mengembalikan semula kemampuan untuk melakar idea yang baharu dan membolehkan kita untuk menegakkan prinsip-prinsip Islam, termasuk syura, keadilan dan ihsan serta membolehkan kita dapat mengajak semua manusia di alam semesta ini kepada rahmat dan kebaikan Islam?
Akibat kekurangan orang-orang yang mentaklid buta, orang yang tidak punya pendirian, para penakut, orang yang tamak

dan para pemalsu hakikat, kita telah diperintah oleh penguasa kejam sebagaimana kita telah dikuasai oleh penguasa diktator sebelumnya melalui kekurangan tersebut. Tidak ada jalan keluar bagi kita daripada rancangan penguasa yang mahukan keburukan, kecuali jika kita berlepas diri daripada kaedah hidup yang buruk dan memilih jalan hidup berdasarkan Sunah baginda Nabi ﷺ. Jika kita hidup berdasarkan panduan Sunah baginda Nabi ﷺ, maka kita dapat menghirup udara ihsan dalam masyarakat yang beriman, ummah pun dapat mengurus tadbir diri mereka sendiri berdasarkan fadilat syura, fadilat keadilan, fadilat kebersamaan dan berjemaah, zikir, kejujuran, perjuangan, ilmu, keperibadian yang baik, cara bercakap yang baik, berjimat dan fadilat jihad. Supaya dapat merempuh rintangan dan menggapai reda Allah, maka jangan biarkan diri terjerat dalam sikap yang melihat enteng sesuatu perkara, bersikap longgar, membenci orang miskin, lalai daripada mengingat Allah, berdusta, kedekut, jahil, malas, ketergantungan budaya, sabotaj, mengikut kehendak syaitan dan membuang fardu jihad yang mulia.

KEUNTUNGAN YANG BERLIPAT GANDA

Sesungguhnya ilmu dan kaedah baku yang kita warisi daripada salaf soleh adalah khazanah yang berprestij. Apa yang terhasil daripada ijtihad mereka seperti kaedah ilmu *jarah* dan *ta'dil* (علم الجرح والتعديل), usul fiqah dan cabang-cabangnya, *usuluddin* (أصول الدين) dan ilmu akhlak adalah sangat perlu kepada sentuhan kreativiti kita untuk mengembangkannya. Kesemua warisan tersebut ibarat harta karun yang tertimbun di dalam pelbagai manuskrip dengan rumusan-rumusan yang hanya dapat dirungkai dengan kefahaman yang syumul. Kefahaman tersebut melihat sesuatu ilmu dari pelbagai aspek, termasuk hukum, sejarah, pergolakan mazhab dan sikap ulama yang sentiasa menjaga dengan penuh kasih sayang persatuan umat daripada kehancuran.

Khazanah (turath) yang bersepah dan patah, serpihannya yang berkilau masih layak digunakan dalam konteks memperbaharui niat, perjuangan dan jihad.

Kefahaman yang syumul adalah kefahaman yang merangkumi dakwah dan negara. Sebagai contoh, hubungan kedua -dua dakwah dan negara ketika berjaya menyatukan kaum Muhajirin dan Ansar. Hubungan ini kemudian berkembang secara luar pada zaman khilafah Islam yang bijak, kemudian hubungan tersebut rosak dan suram pada masa-masa pemerintahan penguasa yang zalim. Kini, sekularisme dan minda-minda sekularis serta niat memusuhi agama merasuk ke dalam minda para penguasa dan pelan tindakan mereka. Inilah yang menjadikan negara mengekang pergerakan dakwah dan menjadikan dakwah sekadar nasihat yang dikawal, dikekang dan tertakluk kepada polisi pemerintahan yang berkuasa. Selain itu, kondisi yang sedemikian menjadikan dakwah

terkurung dalam zon hukum keluarga (*ahwal shakhsiyah*) dan dijauhkan dari bidang-bidang penting seperti sivil, pidana, ekonomi dan pengurusan. Kefahaman yang syumul turut merangkumi dakwah dan negara serta hubungan kedua-duanya dalam fasa-fasa pembinaan, iaitu melihat kaedah terbaik dalam mengembalikan semula orang-orang yang bergerak di dalam bidang dakwah ke jawatan yang mengeluarkan polisi supaya penguasa tunduk kepada panduan al-Quran dan bukan sebaliknya.

Khazanah fiqah ilmiah yang diwariskan sampai di tangan kita melalui banyak generasi. Khazanah fiqah tersebut dalam kemasannya, pembahagian dan pergolakan mazhab yang berlaku di dalamnya telah membawa kesan sejarah yang penuh dengan tekanan. Walaupun demikian, ulama kita tetap sahaja menghadapi cabaran tekanan itu dengan sikap yang bijak. Sikap inilah yang dapat mengekang sedikit banyak tingkah laku buruk penguasa yang melampau.

Kefahaman yang tidak syumul, seperti politik moden yang tidak syumul dalam belenggu fitnah merupakan cabaran besar bagi kita. Situasi yang sedemikian mencabar kemampuan kita untuk mengumpulkan semula ilmu yang bersepah dengan ijtihad. Di samping itu, kita juga dicabar untuk menyatukan masyarakat Islam di seluruh muka bumi dengan jihad. Kita dicabar untuk mengembalikan semula ijtihad pada tempatnya yang sesuai. Kita diminta untuk menyelaraskan batasan-batasan ijtihad berdasarkan model ijtihad Baginda Nabi ﷺ yang sempurna menerusi garis panduan al-Quran.

Sebahagian penyelidik yang mengkaji kitab-kitab salaf menjadikan pernyataan atau sikap seorang imam, ahli fiqah dan pejuang yang telah merempuh peperangan yang sengit dalam memenangkan agama sebagai ukuran yang mutlak. Di

samping itu, mereka melihat sempurna pernyataan tersebut tanpa sebarang cacat dan mereka mengambil ilmunya tanpa sebarang keraguan sebagai seorang murid yang ikhlas. Mereka inilah yang taasub kepada sesuatu fahaman yang dijadikan sebagai senjata untuk mengekang siapa sahaja yang mahukan kefahaman langsung daripada al-Quran dan Sunah.

Kita baharu bergerak secara berstruktur jika kita menyoal fiqah yang diwariskan secara berasingan antara satu sama lain, mengkritik, dan berusaha mengambil faedah darinya sama ada ia mempunyai sumber dasar daripada khabar, kefahaman, atau riwayat atau tidak mempunyai sebarang dasar daripada baginda Nabi ﷺ. Kesemua sumber tersebut memberitahu kita tentang bagaimana baginda Nabi ﷺ menyampaikan wahyu, menjadikan jemaah saling bersaudara dan saling mengasihi dengan izin Allah, bagaimana baginda mempersenjatai bela tenteranya, bagaimana baginda ketika menggalakkan persaudaraan dan saling membantu dalam mendapatkan rezeki, bagaimana baginda ketika berperang dan berhadapan dengan musuh, bagaimana baginda ketika mengajarkan setiap ilmu yang bermanfaat, bagaimana baginda ketika berjihad sehingga mewariskan kepada kita satu umat yang bersatu yang dibangunkan atas dasar mesyuarat, bagaimana baginda ketika berwasiat dan memberi nasihat mengenai perkara yang akan terjadi di kemudian hari, termasuk kemunduran ummah, perampasan kuasa dan kehadiran penguasa yang berkuku besi, bagaimana baginda ketika memberitahu berita baik mengenai masa khilafah kedua yang dibangunkan atas dasar kaedah nabawi. Sebagai contoh, riwayat yang menyatakan bahawa akan datang seorang penguasa yang berkuku besi. Kita menjumpai orang-orang salaf memahami riwayat tersebut berdasarkan konteks zaman mereka, perhatian, hasrat dan kasih sayang mereka terhadap umat ini. Mereka juga memahami riwayat tersebut berdasarkan konteks politik penguasa itu, sistem

pemerintahannya dan kondisi am yang berlaku ketika itu. Kita menjumpai mereka mentakwil riwayat tersebut bahawa penguasa berkuku besi yang dimaksudkan adalah peringatan mengenainya yang harus diambil kira. Kita tidak menjumpai orang yang memahami hadis tersebut bahawa ianya adalah berita tentang musibah besar yang akan terjadi kemudian menerusi pemberitaan hadis yang mengandungi peringatan.

Kita terkadang merujuk kepada khazanah fiqah yang ada di tangan ketika perlu, namun kita melihat diri kita seolah-olah berdosa jika kita mengikuti tuntunan hadis yang berwasiat supaya kita mengikuti hidayat Sunah. Dengan kawalan Sunah, perselisihan dan perbalahan dapat dielakkan, pergolakan dalam merebut kekuasaan tidak sampai mencelarukan pandangan am, suara-suara yang mahukan nasionalisme buta dan taasub kesukuan dipadamkan, tingkah laku orang-orang yang melampau dilihat buruk dan orang yang mengibarkan panji jihad adalah orang-orang yang berjiwa besar daripada kalangan orang-orang lemah. Semoga Allah membalas amal baik ahli hadis. Kita berhutang budi kepada mereka. Ini kerana mereka telah mengesahkan banyak hadis, mengkritik dan menyampaikan pesan-pesan baginda Nabi ﷺ melalui hadis.

Ilmu hadis merupakan benda yang paling berharga dan mempunyai darjat yang tinggi dalam kerangka ilmu-ilmu Islam. Kita turut mengikuti jejak ulama usul fiqah yang diberkati yang sentiasa beramal menerusi perintah dan larangan al-Quran serta cahaya Sunah nabawi yang suci. Kita mengikuti jejak ini dalam menghormati ijmak. Ini kerana ijmak umat adalah terpelihara daripada tersasar berdasarkan sabda baginda Nabi ﷺ di bawah:

«لَا تَجْتَمِعُ أُمَّتِي عَلَى ضَلَالَةٍ».

Bermaksud:

"Umatku tidak akan bermuafakat ke atas perkara yang sesat."

(Ibn Majah. Anas bin Malik. Juz'5. hadis, no: 3950).

Kita juga meraikan qiyas dan *masalih al-mursalah* dalam perkara yang tidak mempunyai dalil daripada teks al-Quran dan hadis. Kesemua kaedah tersebut adalah tolak punggung keberhasilan kita. Semoga Allah mencucuri orang-orang yang telah meletakkan kaedah-kaedah tersebut dengan rahmat yang berkekalan. Pelbagai permasalahan juzuk (furu') yang terhasil daripada hukum adalah buah ilmu yang sentiasa dikenang dan disyukuri sepanjang tidak bercanggah dengan Sunah nabawi secara menyeluruh, termasuk syura, keadilan dan ihsan.

Kemuliaan ikhtiar dan ijtihad mereka di atas nampak jelas jika kita bandingkan dengan fiqah yang tertakluk kepada hasrat penguasa (*al-ahkam al-sultaniyah*) yang disucikan. Lautan fiqah pada pelbagai masalah furu' (permasalahan juzuk) yang terhasilkan oleh mereka tidak dapat dibandingkan dengan pernyataan berkaitan hak-hak Allah dan hak umat dalam syura dan keadilan. Kita menjumpai pernyataan yang sedemikian amatlah sedikit, tidak bermaruah dan terkadang pasif dan tidak bersuara dalam mempertahankan banyak hak, bahkan kadang menyuarakan kebatilan, seperti fatwa yang membolehkan kepimpinan orang yang merampas kekuasaan dengan pedang.

Kita mahukan seorang khatib solat Jumaat yang sentiasa berpesan kepada kebaikan, seorang tok guru yang duduk di masjid memberi fatwa dan tunjuk ajar kepada orang ramai, cikgu yang mengajar kanak-kanak, ahli hadis yang melahirkan generasi-generasi yang mulia.

Mereka adalah suri teladan sejati yang dipercayai umat dan menjadi kebanggaan dakwah Islam ketika kekuasaan dijadikan sebagai jambatan untuk melakukan penindasan dan ketika orang yang memegang tampuk khilafah tidak mempunyai kelayakan untuk mewarisi jubah kebesaran baginda Nabi ﷺ dan pedang kepimpinannya.

Dengan hati yang damai kita menerima sejarah kita, namun dengan mata yang sentiasa terjaga.

AL-QURAN BERDAULAT

Suatu musibah ketika datang orang yang mengaku dirinya sebagai orang berilmu dan beranggapan bahawa keselamatan dalam beragama tidak akan tercapai kecuali dengan meninggalkan al-Quran. Sungguh buruk pandangan orang yang mengatakan bahawa, "Al-Quran kebenarannya adalah suatu kesilapan dan kesilapannya adalah kufur." Mereka melihat hina al-Quran menerusi hati dan minda yang gelap tertutup. Di dalam pernyataan mereka terdapat kesan putus asa, atau mereka justeru sudah berputus asa untuk memahami perintah dan larangan Allah. Mereka seolah-olah tidak mempercayai kefahaman diri mereka sendiri. Mereka sentiasa meragukan kefahaman diri mereka mengenai al-Quran, meskipun kefahaman itu adalah betul dalam realitinya. Mereka sudah terjerat dalam taklid buta seolah-olah taklid adalah jalan satu-satunya dalam beragama.

Kini, kita melihat sikap sebahagian orang yang jauh berbeza dengan sikap orang-orang dungu di atas, iaitu sikap terlampau berani sebahagian orang yang mentakwilkan al-Quran dengan hawa nafsu, memahami al-Quran dengan pandangan cetek kaum materialis, pengikut falsafah dialektik, ahli statistik dan pengikut falsafah strukturalisme.

Sebab kenapa kumpulan pertama di atas meninggalkan al-Quran adalah kewaspadaan yang melampau dan rasa takut silap faham yang berlebihan terhadap al-Quran. Adapun kumpulan kedua daripada orang-orang zindik zaman sekarang adalah mereka yang melucuti al-Quran dari jubah kesuciannya dan disejajarkan dengan teks-teks sejarah. Mereka inilah yang merendahkan darjat dan kedudukan al-Quran menerusi ideologi fikiran orang Arab yang sentiasa berkembang.

Jika kita mengatakan sama ada dengan keyakinan atau mengikut mazhab bahawa adalah sangat penting mengamalkan Quran, merujuk kepadanya dalam segala hal dan tunduk sepenuhnya kepada perintah dan larangannya, maka sudah pasti kita wajib mengenal pasti maruah al-Quran dan berhati-hati dalam pengambilan dalil dan pengeluaran hukum daripada al-Quran supaya kita tidak jatuh pada kesilapan orang-orang yang menjadikan ayat-ayat Allah sebagai mainan belaka dan senda gurau. Kita wajib berbuat demikian supaya kita tidak dikumpulkan bersama nantinya dengan orang-orang yang memperjual belikan ayat-ayat Allah dengan nilai yang sangat rendah hanya kerana mahu menghalang manusia daripada agama Allah. Sesungguhnya perbuatan yang sedemikian adalah seburuk-buruknya perbuatan.

Para sahabat Baginda Nabi ﷺ adalah orang Arab yang fasih. Mereka mengetahui ilmu retorik bahasa Arab (keindahan berbahasa), berkemampuan tinggi merasakan keindahan makna di sebalik perkataan dalam bentuk majaz (kiasan) dan isyarat. Mereka berkemahiran menterjemahkan pesan-pesan al-Quran yang baharu mereka terima daripada Baginda Nabi ﷺ ke alam *shahadah* (perbuatan) dengan penuh hormat dan takut akan keagungannya. Ini kerana mereka mengetahui bahawa al-Quran adalah kalam Tuhan bagi semesta alam. Al-Quran masuk ke dalam hati mereka membawa kedamaian dan ketenangan. Oleh itu, mereka menyiapkan diri dengan sebaik-baiknya untuk mengikuti segala perintah dan larangannya. Ayat-ayat al-Quran yang ada di dalam minda mereka memberikan tuntunan langsung dalam mengubati masalah kekinian berkaitan penegakan syariat dan perkara jihad. Selain itu, ayat-ayat al-Quran mengingatkan mereka tentang perkara yang pernah berlaku sebelumnya pada umat terdahulu dan memberikan mereka contoh yang baik mengenai kehidupan para rasul dan nabi. Bagi mereka, perkara-perkara yang syumul di dalam

al-Quran adalah jelas dan ada dalam pengetahuan. Walaupun demikian, mereka tidak menyentuh perkara-perkara juzuk (*juz'iyyat*) jika pengetahuan mengenainya tidak menjelaskan hukum dan tidak menghurai sebarang masalah dalam akidah dan halal-haram. Umar pernah ditanya mengenai maksud perkataan *al-abb* (الأب) menerusi ayat 31 surah Abasa: (وَفَاكِهَةً وَأَبًّا), namun Umar tidak menjawab dan berkata, "Menjawab perkara yang sedemikian itu bukanlah urusan kami."

Mereka mengetahui sebab-sebab tanzil ayat al-Quran, matlamat asas syariat, adat orang Arab melalui perkataan, perbuatan dan kondisi kehidupan mereka. Mereka juga mengetahui rahsia musuh-musuh yang diperangi, peringkat perlaksanaan sama ada perintah yang wajib dilaksanakan atau larangan yang wajib ditinggalkan. Selain menggunakan kefahaman, mereka juga meminta penjelasan Baginda Nabi ﷺ dalam banyak perkara.

Mereka sangat berwaspada mentafsirkan firman Allah dengan sebarang pandangan. Au Bakr al-Siddiq pernah ditanya mengenai maksud perkataan *al-abb* (الأبّ). Beliau menjawab, "Langit mana yang akan menaungi aku dan bumi mana yang mahukan diriku jika aku mengatakan sesuatu yang aku sendiri tidak tahu berkaitan kalam Allah."

Kita berada di kedua-dua persimpangan sama ada kita memilih untuk mengagungkan al-Quran dan berhati-hati atau kita tidak melakukan penaakulan terhadap al-Quran dan meninggalkannya secara keseluruhan sebagaimana yang telah dipraktikkan oleh orang-orang yang jahil dan orang-orang yang melampau. Sikap yang paling bijak diambil oleh umat Islam adalah mendekatkan diri kepada al-Quran dan menjunjung tinggi kemuliaan prinsip-prinsip al-Quran melalui kesyumulan syariat yang tidak dimansuhkan dan tidak mengalami perubahan. Di samping itu, kita seharusnya

memberi peluang kepada pakar bidang dan ahli ijtihad untuk melihat perkara yang dipertikaikan di dalam al-|Quran. Semoga Allah mengurniakan seorang hakim yang mengamalkan Sunah nabawi supaya ijtihad dapat dikawal di bawah kepimpinannya. Sesungguhnya hadis Baginda Nabi ﷺ yang membuka seluas-luasnya pintu ijtihad dan ganjaran yang didapati pada dasarnya menyebutkan hakim, kadi dan amil. Hadis tersebut tidak menyebutkan seorang ahli fiqah dalam pelbagai masalah juzuk (furu') yang tidak terkawal oleh syariat. Di bawah ini sabda baginda Nabi ﷺ di dalam kitab al-Sahihayn:

> عَنْ عَمْرِو بْنِ العَاصِ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: «إِذَا حَكَمَ الحَاكِمُ فَاجْتَهَدَ ثُمَّ أَصَابَ فَلَهُ أَجْرَانِ، وَإِذَا حَكَمَ فَاجْتَهَدَ ثُمَّ أَخْطَأَ فَلَهُ أَجْرٌ».
>
> Daripada Amru bin Al-Ash, sesungguhnya dia mendengar baginda Nabi ﷺ bersabda, "Jika seorang hakim berijtihad dan ijtihadnya adalah betul, maka ia mendapatkan dua pahala. Jika ia berijtihad dan kemudian ijtihadnya adalah silap, maka ia mendapatkan satu ganjaran pahala sahaja."
>
> (Bukhari. Amru bin al-As. Juz'9. Hadis, no: 108).

Manhaj dan ijtihad serta berhukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah ﷻ adalah bahagian daripada syura, keadilan dan Ihsan. Kesemua perkara ini merupakan tuntutan al-Quran yang kita perlukan untuk mewajibkannya ke atas diri kita dengan cara yang telah diwajibkan oleh Allah ﷻ dalam mengikut cara-cara generasi silam dalam pendalilan. Dengan izin Allah ﷻ sesiapa yang cuba menutup matahari dengan telapak tangannya tidak akan mampu menghalang kita. Kita

akan mendengar secara langsung terus daripada al-Quran al-Karim yang berdialog dengan Rasulullah ﷺ:

فَٱحْكُم بَيْنَهُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَهُمْ عَمَّا جَآءَكَ مِنَ ٱلْحَقِّ ۚ لِكُلٍّ جَعَلْنَا مِنكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًا

Maksudnya:

"Maka jalankanlah hukum di antara mereka (ahli kitab) itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kepadamu) dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka (dengan menyeleweng) dari apa yang telah datang kepadamu daripada kebenaran. Bagi setiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing)."

(Q.S. al-Ma'idah 5:48)

Ibn Abbas r.a. pernah berkata:, "Manhaj yang dimaksudkan adalah segala yang dibawa oleh Sunah." Di antara perkara yang digalakkan oleh Sunah sebagai bentuk penerapan terhadap nilai-nilai al-Quran adalah syura, keadilan dan ihsan. Kesemua perkara ini telah diperintahkan kepada baginda Rasulullah ﷺ dan para sahabatnya. Kita pun turut diperintahkan perkara yang sama. Generasi-generasi kita yang soleh dengan izin Allah ﷻ dikhususkan berita gembira dengan kembalinya khilafah yang kedua berteraskan manhaj kenabian.

Tiada sesiapa yang mampu berlepas diri daripada penghakiman al-Quran secara langsung. Para pentaklid yang menyerah bulat-bulat kepada tokoh-tokoh ulama silam yang mungkin telah dimaafkan Allah ﷻ jahil tentang hakikat sebenar seseorang tokoh atau mazhab itu serta keterbatasannya dalam skop

sejarahnya, sejarah hukum di zamannya dan pertimbangan ijtihadnya dari aspek politik, sosial, peribadi serta perselisihan mazhab yang berkaitan. Mereka tidak mampu mengabaikan warisan yang besar ini untuk berada di mimbar nabawi sambil mendengar wahyu secara terus dan arahan yang ingin dilaksanakan bukannya untuk diperdebatkan.

Sesetengah pentaklid ini sama ada lalai, dengan niat baik ataupun jahil mengabaikan metodologi ulama silam. Dengan niat yang baik atau ingin mendapat kekuasaan dan menewaskan musuh dalam perdebatan, mereka hanya berpegang dengan kepakaran seseorang mujtahid itu, segala hasil karyanya serta fatwanya.

Para mujtahid sebelum kita, mereka telah mempertahankan sesuatu isu yang mungkin sekarang ini tiada lagi. Mereka bertindak balas dengan realiti mereka dengan niat tertentu, dalam menghadapi situasi tertentu, dengan kemudahan yang berbeza untuk mencapai objektif yang tertentu. Mereka berijtihad pada kadar yang bersesuaian dengan situasi mereka yang tersendiri dari aspek masa, tempat dan kepentingan. Sedangkan para pentaklid pula menganggap ijtihad tersebut mutlak, pada status yang hanya layak diberi kepada al-Quran dan Sunah sahaja. Amatlah pelik melihatkan seseorang yang terhijab daripada al-Quran dengan kata-kata manusia biasa. Melainkan dirinya seorang buta huruf, jahil yang tidak mendapat hidayah termasuklah ahli zikir yang tidak tahu kepada siapa yang patut diajukan soalan. Itulah jalan orang yang berada di landasan fanatik dan berfikiran sempit. Semoga Allah ﷻ melindungi kita daripada musibah tersebut.

Landasan yang lain pula terdedah kepada kesesatan yang membawa kepada huru hara dan kebebasan. Ini ada jalan orang yang mempersendakan ulama kita dan segala ilmu mereka

dengan asas yang kukuh seperti ilmu tafsir, usul hadis dan usul fiqah. Mereka menyeru kepada al-Quran sedangkan mereka tidak berdaya memberikan kepada ummah selain dengan menghormati kitab suci tersebut. Mereka juga menyeru kepada Sunah dengan mengaitkannya dengan masa kini. Namun bukannya untuk memerangi kebatilan dengan kebenaran Sunah. Mereka juga menyeru kepada ijmak tetapi hanyalah seumpama pungutan suara sebagai ganti kepada ijmak ulama yang muktabar dari segi syarak. Mereka juga menyeru kepada qiyas yang pada pandangan mereka hanyalah pendapat yang tidak terikat yang berasaskan kepada hawa nafsu semata.

Adapun golongan yang melampau batas dalam mengingkari Sunah keseluruhannya dengan anggapan hanya al-Quran sahaja yang benar. Begitu juga golongan pencinta barat yang bersekongkol di kem kekufuran dan ateis yang dikenali dengan nama “Islam Kiri”. Maka mereka tidak perlu diperincikan selain secara sepintas lalu sahaja untuk dikenali oleh setiap muslim yang bersaksi bahawa “Tiada tuhan selain Allah dan Nabi Muhammad adalah utusan Allah”. Golongan yang disebutkan tadi hanyalah kumpulan manusia yang sesat dan perosak di bumi ini.

Selain mereka juga terdapat satu golongan manusia yang “berkhidmat” kepada al-Quran pada pandangan sesat mereka iaitu dengan memberi pentafsiran moden kepada kitab suci ini. Mereka meletakkan kaedah-kaedah tertentu dalam mengkaji al-Quran dan menyusunnya menurut input yang batil yang mereka namakannya “ilmu-ilmu insani”.

Sebenarnya orang yang mendaulatkan al-Quran, yang meningkat kefahamannya kepada menerima segala ajaran al-Quran serta memelihara kehormatan al-Quran ialah orang

yang menjadikan al-Quran sebagai taman di hatinya. Melihat al-Quran merupakan penyejuk matanya. Mentaati al-Quran menenangkan jiwanya. Tiada salahnya pada masa yang sama dia memanfaatkan ilmu-ilmu para ulama. Tiada satu ilmu pun yang diasaskan oleh para ulama melainkan ia adalah sokongan kepada al-Quran. Ia dikeluarkan daripada al-Quran dan kembali kepada al-Quran. Sunah pula sebagai penerang dan penjelas kepada al-Quran.

Kamu tidak akan mendapati rama-rama yang ingin menyerang api dengan kata-kata tanpa ilmu melainkan seumpama golongan yang tertanam pada diri mereka rasa kasih kepada falsafah, sekularisme dan pengetahuan golongan kafir. Jahiliah barat dan timur telah meresap ke dalam jiwa mereka. Dari situlah mereka menterjemahkan dengan rasa takjub terhadap tamadun moden. Mereka tidak mampu membezakan antara pandangan-pandangan itu sama ada yang bijak atau sebaliknya.

Oleh sebab itu, kamu mendengar mereka membicarakan tentang al-Quran sebagai kitab tamadun, kitab sejarah dan kitab kebangkitan yang terhenti pemikiran mereka yang lemah dan kabur dari menghubungkannya dengan keimanan kepada Allah dan hari akhirat. Maka bagi mereka al-Quran hanya kisah dongeng dan bukanlah kata-kata Allah tuhan sekalian alam.

Inilah yang menghalang mereka daripada menjadikan al-Quran itu berdaulat. Kekufuran telah menghalang mereka. Begitu juga taklid buta yang memutuskan mereka daripada al-Quran. Para ulama kita tidak mampu menyelamatkan mereka. Begitu juga para pentaklid yang terpenjara dalam penjara taklid bagi generasi terdahulu. Para pentaklid tidak mampu melihat situasi mereka berdasarkan cahaya petunjuk al-Quran dengan pemberitahuan tentang *sunnatullah*, pemeliharaan Allah ﷻ

terhadap manusia, jihad yang wajib, kekuasaan dan pakatan yang wajib ke atas orang beriman. Begitu juga tentang amar makruf dan nahi mungkar, syura sebagai hukum, keadilan yang komprehensif dalam tingkah laku dan ihsan sebagai matlamat. Ia juga meliputi pendapat para ulama dan kekhilafan antara mereka. Ini menjadikan kefahaman para pembaca lembaran itu jauh daripada kehendak para penulis, mufti dan mujtahid sebelum kita. Ia pada asalnya mempunyai makna dan kesesuaian dengan realiti zamannya. Tiba-tiba makna tersebut lari jauh daripada kefahaman pembaca sebagaimana dalam suasana perdebatan yang kacau bilau. Seseorang itu mungkin memetik satu perenggan daripada sesebuah kitab lalu lagaknya seumpama seorang pejuang menggunakannya sebagai hujah tanpa mengambil kira zamannya terus melawan pihak yang berbeza pendapat dengannya termasuk pihak yang menasihatinya.

Kaca mata taklid menjadikan seseorang itu lemah pemikirannya, fikirannya bercelaru dan kabur. Gambaran tentang masa lalu serta peristiwa-peristiwa lalu dikiaskannya ke atas zaman kini. Dia mula memberikan rawatan yang sama kepada orang Islam kini. Penawar itu hanyalah suatu kegilaan sebenarnya. Fatwa yang dikeluarkan hanyalah fitnah sebenarnya. Suatu yang bercanggah dan salah faham.

Setiap akal telah ditutupi oleh kekufuran atau nifak atau taklid buta daripada kedaulatan al-Quran, panduan Sunah yang sempurna, sunah jihad, syura, keadilan dan ihsan sama ada di peringkat dakwah mahupun kenegaraan, dunia dan akhirat. Akal itu telah menjadi lemah daripada memahami Islam iaitu kepatuhan kepada Allah ﷿, kepada kalimah agung-Nya yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Maka ketika kita tidak tunduk kepada kitab Allah ﷿, tidak mendengar serta mentaatinya, tidak membaca dan *mentadabburnya,* maka kita bukanlah

orang Islam yang sebenarnya. Saya tidak berpaling daripada al-Quran sekiranya saya mencari panduan daripada Sunah yang sabit atau sekiranya saya mencari kefahaman daripada ulama yang terdahulu dengan syarat seseorang ulama tafsir itu tidak melupakan saya daripada tafsir dan pandangan seseorang mufti itu tidak melupakan saya daripada hukum dan hukum itu tidak melupakan saya daripada Allah al-Hakim.

Dalam pengalaman para salaf soleh di kalangan ulama dan usaha mereka dalam berijtihad amat elok dalam mengayakan dan memantapkan pengalaman kita. Ia mampu membimbing kita dalam berijtihad sekiranya kita meletakkannya di hadapan al-Quran sebagai penghukum. Kita menilainya dengan neraca al-Quran dari awal pengalaman tersebut dan urutannya, pelbagai bentuk dan manhajnya serta pengaruh kehidupan secara umum terhadap pengalaman tadi serta natijah kebenarannya dan kesalahannya.

Di hadapan al-Quran sebagai pemutus, kita menyoal siasat pengalaman tadi di samping sejauh mana usaha melaksanakan keadilan yang diperintahkan Allah ﷻ dalam al-Quran? Bagaimana dengan syura dan perkembangannya? Bagaimana halnya dengan ihsan? Apa yang telah dilakukan oleh para ulama fiqah dalam mazhab, kelakuan mereka dan pemimpin yang diktator?

IKATAN-IKATAN ISLAM AKAN TERUNGKAI

Sesungguhnya kefahaman terhadap kekalahan dalam sejarah yang pernah berlaku selepas fitnah besar dan pembunuhan khalifah ketiga *Dhi al-Nurayn* (Yang memiliki dua cahaya) Uthman r.a. penting bagi sesiapa yang memikul tanggung jawab untuk mengembalikan binaan atas struktur yang kukuh seperti awal Islam. Memahami tabiat kekalahan ini dan maknanya dari segi turutan peristiwa, kemerosotannya hingga ke tahap yang begitu rendah sebagaimana yang kita dapati kedudukan diri kita sekarang, memahami pemikiran taklid yang berpegang kepada kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada pemimpin, bagaimana ini berlaku dan bagaimana pegangan ini diwarisi oleh golongan khalaf daripada salaf. Bagaimana terbentuknya generasi yang boleh dikawal oleh pemerintah diktator seperti kawalan ke atas sekumpulan kambing? Memahami pemikiran lain yang menolak kepatuhan dan sokongan kepada *Alu al-Bayt* (keluarga Rasulullah ﷺ). Memahami bagaimana tercetusnya pemberontakan golongan Syiah terhadap pemerintah hingga ke hari ini? Memahami bagaimana terbentuknya fahaman Syiah yang berpegang dengan keistimewaan Ali r.a. dan keturunannya sebagai pemimpin, suatu yang diwarisi sebagaimana raja-raja yang zalim mewarisi penguasaan terhadap ummah. Memahami bagaimana golongan Syiah dikekang oleh pemerintah sejak berkurun lamanya. Ini merupakan pemikiran yang masih kabur yang membawa kisah-kisah yang pelik dari mulut ke telinga dalam situasi yang penuh konspirasi dan hasad. Memahami bagaimana timbulnya pertelingkahan antara mazhab iaitu antara golongan Syiah dan golongan yang menolak kepimpinan yang ada dan antara Ahli Sunah Waljamaah yang berada di sekeliling mereka. Kenapa berlaku percampuran antara mereka dan kenapa sebahagian mereka menolak? Memahami bagaimana berlakunya perselisihan antara ahli falsafah dan

ulama fiqah? Bagaimana munculnya akidah melampau seperti Qadariyyah, Jabariyyah, Khawarij dan Murji'ah?

Risalah ini bukanlah cukup untuk memperincikan perkara-perkara yang penting ini. Dan bukanlah niat kami untuk membincangkan fitnah yang sedang nyenyak ini. Semoga Allah dengan kemurahan-Nya dan kemaman-Nya, memelihara kita semua daripada sebarang musibah. Tetapi saya memohon daripada kamu semua wahai saudara-saudaraku agar kamu mengetahui sejarah kekalahan kita sebagai suatu ukuran dalam sejarah Islam. Kesedaran kita akan kekal untuk dimanfaatkan oleh umat kini serta masa depan mereka yang kabur bahkan bercampur baur sekiranya kita tidak memahami hakikat peristiwa lalu dan kesannya ke atas perjalanan sejarah kita dan kesinambungannya dalam diri tentang terhadap janji-janji dan warisan yang dipusakai antara generasi. Malapetaka yang besar telah melunturkan semangat ummah sehingga umat Islam kini menderitai kelemahan dalam pemikiran dan perasaan. Mereka perlu membayar cukai yang besar tatkala lemahnya kesatuan mereka, berlaku pecah belah di kalangan mereka dan ilmu mereka mula diasingkan serta negara-negara mereka dipecahkan kepada yang lebih kecil.

Selain kita, seseorang mungkin terdiam malu dengan melihat lembaran-lembaran sejarah ini. Dan yang lain pula di kalangan puak-puak syaitan mewar-warkan kisah-kisah tersebut dalam usaha menggoyahkan keyakinan umat Islam terhadap agama mereka dan menimbulkan keraguan terhadap nilai kebenaran yang telah diturunkan kepada Rasulullah ﷺ. Berhujahkan sejarah orang Islam, mereka mendakwa bahawa Islam adalah ideologi yang kolot, saling bercanggah, berubah menerusi kenyataan yang pelbagai bersama dengan pergaduhan berterusan antara puak-puak Quraish dan puak lain, seumpama perdebatan yang tidak berkesudahan sepanjang sejarah. Dengan

membongkar sebahagian daripada mesteri di sebalik sejarah ini, kami bertujuan untuk menjelaskan bagaimana berlakunya *sunnatullah* di alam ini kepada orang yang baik dan jahat, muslim dan kafir dengan menjadikan wahyu yang dibawa Rasulullah ﷺ sebagai panduan. Begitu juga penceritaan baginda ﷺ tentang perkara ghaib, wasiat dan ajarannya ﷺ. Ini bagi menjamin gambaran yang kita perolehi berdasarkan al-Quran dan hadis Rasulullah ﷺ yang maksum. Mata yang sentiasa membaca sejarah menerusi wahyu Ilahi tidak akan tersesat bahkan akan memahaminya sebagai ketentuan Ilahi. Pandangan yang silap mungkin berlaku sekiranya tidak disertai dengan aspek keimanan terhadap perkara ghaib. Segala peristiwa yang berlaku menutur kehendak Allah سبحانه وتعالى.

Pada hari ini kita menyaksikan peperangan yang sengit berlaku antara Iran dan Iraq. Betapa besarnya kerugian umat ini! Sesetengah ulama yang berniat baik dek kerana pandangan yang cetek telah menganggap peperangan yang berlaku itu berpunca daripada permusuhan antara Syiah dan Ahli Sunah. Betapa ramai pengikut ulama tersebut yang hanya menurut telunjuk mereka. Bagaimana adat kebiasaan daripada generasi Ahli Sunah yang hanya patuh kepada pemimpin mereka walau apa keadaan sekalipun sejak sejarah kejatuhan Islam. Dan bagaimana pula kadar kebiasaan daripada generasi Syiah yang menolak kepatuhan kepada pemerintah. Di kandang pertarungan kini para pemberontak berteriak dengan slogan pembelaan bagi Husayn terhadap Yazid Iraq. Mereka hidup dalam penderitaan sebagaimana kesedihan yang dirasai moyang mereka. Bahkan jenayah besar itu dinilai dengan segala pertimbangan. Yang menjadi mangsa adalah rakyat berbangsa Arab yang beragama Islam di Iraq. Mereka tunduk kepada kepimpinan yang berteraskan perkauman dan tiada kaitan dengan Islam. Peperangan ini dicetuskan oleh seorang Kristian yang murtad dari agamanya bernama Michel Aflaq.

Kenapa kamu mendatangi pemimpin-pemimpin nasionalis agar mereka menghasut umat dan memaksa mereka agar patuh dalam menumpahkan darah sesama umat dengan alasan untuk mempertahankan sistem pemerintahan Ba'thi (نظام بعثى) selama mana Islam dihina sebelum revolusi Iran. Sehingga ke hari kini para pemimpinnya muncul di depan lensa kamera untuk memperlihatkan kepada masyarakat bahawa mereka juga membaca al-Quran, ruku' dan sujud.

Dimanakah punca kemungkaran pada pandangan golongan cerdik pandai yang telah merosakkan kekuatan umat di kedua-dua belah sama ada Syiah atau Sunni? Adakah ianya pembunuhan orang-orang yang tidak berdosa, pencerobohan hak dan penindasan terhadap umat sedangkan musuh seronok memerhati dan al-Quds pula terjajah? Adakah ianya kerana buta sejarah dan politik yang menyebabkan kita memisahkan antara peristiwa-peristiwa tersebut daripada logiknya, antara pertelingkahan yang berlaku daripada puncanya, tujuannya serta natijahnya, pemikiran yang mendominasi dan segala yang telah meresap ke dalam ummah sejak sejarah kejatuhan umat Islam dan segala yang boleh digambarkan seperti pentingnya untuk terus mara dan mati kerananya? Sesungguhnya itu adalah suatu kesakitan yang memeritkan dan tiada yang seumpamanya dalam sejarah kita. Suatu kesakitan yang kita harapkan bakal melahirkan khilafah yang dijanjikan yang mampu memperbaiki keadaan dan mengubati kecederaan yang sudah ada, sekiranya diizinkan Allah Yang Maha Memiliki dan Maha Memberi.

Di kalangan orang Islam, ada yang dengan kedua mata yang tertutup, mereka menolak sejarah dan fakta-faktanya. Begitu juga mereka menolak wahyu dan ajarannya sekali. Mereka mendakwa kejatuhan telah berlaku, pemerintahan telah rosak, Sunni telah tunduk dan Syiah telah memberontak. Ayuh! kita

duduk bersama dan berbincang perkara yang diinginkan. Bahkan kita sama-sama menelan kepahitan tentang al-Quds, Afghanistan dan peperangan teluk dengan penawar nabawi. Telanlah wahai para kekasihku, wahai generasi muslim sama ada sekali atau selamanya. Sesungguhnya ketentuan Allah yang telah berlaku disebabkan kerana tangan-tangan manusia sendiri kelak akan kembali menurunkan rahmat Allah yang Maha Pelindung dan Maha Terpuji. Bunyi yang akan dialunkan oleh semua kita hingga ke zaman ini. Dari kemuliaan Allah ﷾, kita dapat perhatikan kaki-kaki kita akan menuruti jejak-jejak qadar yang telah ditentukan Allah ﷾ sebagaimana yang telah diberitahu oleh Rasulullah ﷺ menerusi khabar gembira kedatangan khilafah yang berasaskan manhaj nubuwwah setelah berlalunya semua kekejaman yang memedihkan itu. Maka penantian yang tulus untuk melihat tercapainya berita gembita itu adalah penawar bagi kita. Manakala usaha mempersiapkan diri untuk itu sama ada dari segi kelengkapan, tarbiah, *tanzim* (pengurusan) dan bilangan ahli itu adalah tugas kita. Ia merupakan suatu kurnia dan nikmat dari Allah, Tiada tuhan yang sebenar melainkan Dia.

Syiah bukanlah musuh kepada Sunah. Tidaklah patut usaha segolongan manusia yang meniup api permusuhan agar lebih marak. Sekiranya kita kembali, dengan keimanan yang tenang, kepada punca berlakunya khilaf dan sejarah tercetusnya fitnah, dengan niat ilmu yang berasaskan kepada usaha menyatukan dan bukan memecah-belah, membuka balutan cedera dengan niat untuk meletakkan ubat padanya dan bukan untuk menambahkan parahnya, maka kita mampu mengetahui hakikat sebenar dan mampu menyatukan umat. Barangkali jawapan kepada persoalan yang mudah: “Adakah pemerintahan di zaman Abu Bakar itu rosak atau tidak?” ialah dengan jawapan yang menenangkan hati seorang mukmin, akal seorang pemerhati dan logik seorang penganalisis. Jawapan

itu cukup untuk memandu kita kepada ilmu yang bermanfaat dan usaha yang membina.

Imam Ahmad pernah meriwayatkan dengan sanad yang hasan daripada Abi Umamah al-Bahili r.a. bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

> «لَتُنْقَضَنَّ عُرَى الْإِسْلَامِ عُرْوَةً عُرْوَةً، فَكُلَّمَا انْتَقَضَتْ عُرْوَةٌ تَشَبَّثَ النَّاسُ بِالَّتِي تَلِيهَا، وَأَوَّلُهُنَّ نَقْضًا الْحُكْمُ وَآخِرُهُنَّ الصَّلَاةُ».
>
> Bermaksud:
>
> "Ikatan-ikatan Islam akan terurai satu persatu. Setiap kali satu ikatan terurai, manusia ramai akan berpegang dengan ikatan yang mengiringinya. Ikatan yang paling awal terurai ialah pemerintahan dan yang terakhirnya ialan solat."
>
> (Ahmad bin Hanbal. Abi Umamah al-Bahili. Juz' 36. Hadis, no:22160).

Kita akan bertambah yakin bahawa pemerintahan telah rosak di zaman yang teramat awal. Kita akan lebih faham dengan perincian fasa-fasa yang telah dibicarakan oleh hadis manhaj nabawi. Kita lihat kepada sebuah hadis riwayat Bukhari dengan sanadnya daripada Said bin Amr bin Said bin al-Aas katanya: "Aku pernah bersama Marwan dan Abi Hurairah r.a. di masjid Rasulullah ﷺ. Aku pernah mendengar Abu Hurairah r.a. berkata: Aku pernah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: Kehancuran umatku di tangan budak-budak Quraish". Lantas Marwan bertanya: Budak-budak? Abu Hurairah r.a. menjawab: Kalau kamu mahu, aku boleh namakan mereka: Bani fulan dan Bani fulan."

Untuk lebih terperinci, kita dengar penyaksian seorang sahabat iaitu Safinah mawla kepada Rasulullah ﷺ dalam sebuah hadis

sanadnya hasan yang diriwayatkan oleh Abu Daud, al-Tirmidhi dan Ibn Hibban menghukumkannya sahih. Dalam riwayat al-Tirmidhi: daripada Said daripada Safinah r.a.: Sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda: "Khilafah dalam umatku selama 30 tahun. Kemudian diikuti oleh raja selepas itu. Said bin Jahman berkata: Kemudian? Safinah berkata: Hitunglah pada jarimu: Khilafah Abu Bakar r.a., Khilafah Umar r.a, Khilafah Uthman r.a. Kemudian katanya hitung juga Khilafah Ali r.a.. Kita akan dapatinya 30 tahun. Said berkata: Sesungguhnya Bani Umayyah menyangka khilafah juga ada dizaman mereka. Safinah r.a. menjawab: Mereka menipu, Bani al-Zarqa'. Bahkan mereka adalah raja, seburuk-buruk raja.

Sesungguhnya impian para pejuang dakwah Islam berjihad menghadapi penolakan daripada masyarakat awam, taktik kotor daripada pemimpin yang zalim di bumi ini. Mereka juga berdepan dengan pemikiran beku yang hanya menyanjung sejarah Islam tanpa mengambil pengajaran daripadanya. Pemikiran ini kerana jumudnya itu tidak mampu menggambarkan masa depan Islam selain gambaran Islam yang berpecah lemah, Islam raja yang zalim, Islam yang al-Quran dan ahli Quran berada di bawah bayangan pedang.

Seolah-olah aku melihat salah seorang daripada mereka menolak hadis Safinah r.a. dan segala riwayat sejarah agar kekal baginya gambarannya yang jumud yang dihiasi dengan warna-warna kemakmuran dan kemusnahan. Seolah-olah aku melihat seorang daripada mereka berkata: "Kami tidak mengetahui seseorang yang berkata seumpama riwayat daripada Safinah r.a. melainkan golongan Rafidah".

Raja-raja, seburuk-buruk raja! Bayangan pedang pula berada di atas leher. Abdul Malik bin Marwan pernah pergi ke Madinah pada tahun 75 H. Lalu beliau menaiki mimbar Rasulullah ﷺ

dan mengumumkannya dengan lantang walaupun didengar oleh semua benda.

Dia berkata: “Sesungguhnya aku tidak akan merawat penyakit-penyakit umat ini dengan selain daripada pedang... Demi Allah ﷻ tiada sesiapa yang menyuruh aku dengan takwa kepada Allah selepas berdirinya aku di sini melainkan aku pasti akan memotong kepalanya! Aku nukilkan kata-kata yang besar ini yang keluar daripada mulut seorang raja yang zalim daripada sebuah buku karangan al-Mawdudi rahimahullah yang berjudul “*al-Khilafah wa al-Mulk”* sebagaimana beliau nukilkannya daripada Ibn al-Athir, al-Jassas dan pengarang kitab “Fawat al-Wafayat”.

Kitab al-Mawdudi telah menyebabkan keributan dalam masyarakat awam. Itulah buku yang terpenting yang pernah ditulis oleh pemikir dan pejuang itu rahimahullah. Barangkali golongan jumud mendapati kelemahan pada buku tersebut untuk mereka gunakannya untuk diperbesarkan bertujuan untuk menutup aspek-aspek kebaikan padanya. Rasulullah ﷺ telah mengarahkan kita agar tidak mencela para sahabatnya. Maka pengarang kita ini dalam analisanya tidak mampu menahan diri daripada membicarakan Imam Saidina Uthman r.a.. Semoga Allah mengampuni kita juga pengarang dan semuanya.

Ya, terurai. Bahkan telah terurai ikatan pemerintahan selepas 30 tahun daripada kewafatan Rasulullah ﷺ. Dan datanglah seorang yang berkata di atas mimbar baginda, dari masjid baginda kepada seluruh manusia pada hari itu, bagi semua yang mendengar dan memahaminya di kalangan yang berakal, sesungguhnya janji Allah dan rasul-Nya adalah benar. Khilafah yang awal ditamatkan dengan pedang. Pemerintah zalim memimpin berdasarkan hawa nafsunya, *asabiyyahnya*,

kekejamannya, bukan dengan al-Quran, bukan dengan syura ahli Quran, bukan dengan keadilan al-Quran, bukan dengan ihsan yang dianjurkan al-Quran, bukan dengan meraikan takwa. Potong leher! Penawar umat dengan pedang!

Banyak darah telah mengalir dengan terurainya ikatan tertinggi (pemerintahan). Manusia berpegang dengan ikatan seterusnya selagi mana dibenarkan oleh pembawa pedang (pemerintah).

Sekiranya masih wujud bagi umat ini struktur yang kuat, kesinambungan sejarahnya, kekuatan yang utuh, kekuasaan yang meluas, pengetahuan dan kejayaan, ketamadunan dan inovasi, kebaikan dan taqwa, maka dengan kurnia daripada Allah ﷻ umat ini akan dipelihara-Nya. Kewujudannya dan pegangannya dengan hadis Rasulullah ﷺ" "Setiap kali terurai satu ikatan, manusia akan berpegang dengan ikatan selepasnya".

Sesungguhnya antara mukjizat Rasulullah ﷺ ialah pemberitaan tentang perkara ghaib. Antara kemuliaan yang diberikan Allah ﷻ untuk umat ini ialah mereka akan sentiasa kuat dalam menghadapi sebarang cabaran.

Imam Husayn r.a. telah mengharungi cabarannya dan telah berjuang. Begitu juga Zayd bin Ali, Muhammad dan saudaranya Idris, Ibrahim, Yahya dan orang-orang selepasnya semuanya berjuang. Para ulama Islam seperti Abu Hanifah, Malik dan Shafi'i turut memberikan sokongan mereka kepada para pemimpin yang berjuang.
Ibn Habirah telah menyeksa Abu Hanifah kerana keengganannya menyatakan ketaatan kepada Abu Jaafar al-Mansur al-Abbasi. Ini kerana Abu Hanifah berpendapat bahawa baiat kepadanya tidak secara syarak. Begitu juga Imam Malik diseksa kerana fatwanya tentang tidak harus talak seseorang yang dipaksa.

Pada ketika itu al-Mansur telah memaksa rakyatnya berbaiat dan memaksa mereka bersumpah menceraikan isteri masing-masing sekiranya mereka tidak berbaiat. Penyeksaan terhadap Imam Malik hanya kerana beliau berpendapat baiat itu tidak sah.

Perancangan golongan Islam pada zaman ini akan menjadi sempit sekiranya kita tidak memahami sejarah kita. Rasa tertekan dan pedih akan menguasai diri kerana kezaliman yang berlaku pada zaman itu, zaman peralihan daripada zaman khilafah kepada zaman kezaliman. Kezaliman yang telah berlaku sesekali tidak melemahkan kita. Begitu juga penindasan ke atas kita atau sebahagian kita. Untuk kita luaskan ufuk perjuangan, menghilangkan kesedihan atas peristiwa yang telah lalu, ayuh kita ringankan beban untuk terus maju dengan menenangkan para mukminin terus berusaha ke arah membenarkan janji Allah berjuang dengan sebenarnya dan bertawakal kepada Allah ﷾ dalam mencari ketentuan-Nya sebagai tuhan Yang Maha Bijaksana. Sama-sama kita berhenti di suatu perhentian fikiran, perasaan, keimanan sejati, politik dan keagamaan. Ayuh kita bertanya sesama kita: Pada pendapat kamu, kenapa Umat Islam menerima pemerintahan berasaskan pedang, hawa nafsu dan potong kepala (pembunuhan)? Kenapa mereka sepakat tunduk kepada pemerintahan yang rosak dalam banyak keadaan sedangkan mereka adalah kuasa yang kuat di peringkat dunia, mampu menyelesaikan masalah ramai manusia luar dengan kelembutan Islam dan kitab suci al-Quran. Sebaliknya pemerintah di negara mereka sendiri berdasarkan hawa nafsu, penawarnya adalah pedang dan perselisihan diselesaikan dengan pemotongan leher?

Kenapa majoriti umat Islam telah menukarkan syura dengan kuku besi (diktator), keadilan dengan kezaliman dan mereka menerima kejahatan dan kebodohan budak-budak di kalangan

Quraisy itu? Kenapa mereka mendengar dan patuh kepada kanak-kanak yang sedang bermain itu sedangkan mereka adalah singa-singa yang garang dan ulama di pentas dunia? Kenapa golongan yang mewah itu menguasai para ulama fiqah yang bijaksana, para pimpinan masyarakat dan ulama umat? Kenapakah pula golongan yang menyokong para pimpinan di kalangan *Alu al-Bayt* (keluarga Rasulullah ﷺ dan keturunannya) tidak terus bersama mereka hingga ke pusingan terakhir dalam melawan pemerintah-pemerintah yang jahat? Seolah-olah sokongan mereka dalam keadaan berjaga-jaga telah melumpuhkan pergerakan, hilang sokongan dan melemahkan semangat?

FAKTOR KEIMANAN TERHADAP PERKARA GHAIB

Kebanyakan para ilmuan moden dari barat menjalankan kajian dan analisis terhadap peristiwa dan sejarah yang berlaku dengan menggunakan kaedah dan metodologi yang direka bentuk oleh mereka sendiri di mana ia jauh daripada unsur-unsur keimanan terhadap perkara yang ghaib. Kaedah yang diguna pakai oleh para ilmuan moden ini adalah tidak menyeluruh di mana mereka hanya bersandarkan kepada apa yang mereka lihat atau diistilahkan sebagai kajian faktor luaran. Sebagai contoh, dalam menganalisis faktor sejarah mereka hanya melihat faktor luaran semata-mata seperti faktor psikologi, politik, ekonomi dan seumpamanya. Malah mereka meletakkan terminologi khas seperti fahaman kapitalis bagi mengkaji faktor ekonomi, pemilikan harta, kaedah dan hubungan sesuatu pengeluaran bagi menetapkan tahap gelombang dalam sesuatu konflik. Manakala fahaman idealisme atau falsafah adalah untuk mengkaji bentuk-bentuk fahaman dan aliran pemikiran barat seperti idealisme, realisme, pragmatisme, eksistensialisme dan begitulah seterusnya. Adapun kaedah analisis bagi seseorang yang beriman dengan Allah ﷾ serta qada dan qadar yang telah ditentukan oleh Allah ﷾ adalah lebih mendalam dan lebih tepat berbanding kaedah pengukuran ilmuan moden yang bersifat materialistik semata-mata. Menganalisis menggunakan pendekatan zahir sahaja adalah buta. Justeru, Islam melihat sesuatu peristiwa bersandarkan faktor keimanan terhadap perkara ghaib di sebalik sesuatu peristiwa itu terdapat kekuasaan dan kehendak Allah ﷾ secara mutlak sama ada dengan wujudnya sebab akibat ataupun sebaliknya. Justeru, segala kerosakan di daratan dan lautan adalah hasil tangan manusia sendiri, manakala hikmah yang dikehendaki sebagaimana yang tercatat dalal al-Quran adalah sebagai

balasan perbuatan manusia dengan harapan mereka kembali bertaubat. Firman Allah ﷻ yang bermaksud: "*Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).* (Q.S. al-Rum 30: 41).

Dalam analisis keimanan terhadap sejarah kemunculan fitnah dan terlerainya butir-butir rantaian dalam pemerintahan dan kepimpinan Islam adalah berpunca daripada ketakutan yang melampau terhadap penguasa sehinggakan rosaknya perikemanusiaan. Masih dalam ingatan pelbagai sebab yang mendorong kepada tercetusnya *asabiyah* yang ditangani serius pada zaman nubuwah dan *khilafah rashidah* sehinggakan ianya mahu mencair. Masih segar dalam ingatan pergolakan antara kumpulan-kumpulan baharu dalam pelbagai bangsa dan ras yang masuk dalam agama Islam di mana mereka ini tidak mendapatkan tarbiah yang sempurna. Masih segar dalam ingatan bagaimana kumpulan tersebut menjadi jambatan kepada tercetusnya pelbagai tuntutan yang melampau, bantahan dan konspirasi jahat. Kesilapan dan dosa yang dilakukan oleh segelintir golongan yang mengambil kesempatan di atas huru-hara yang berlaku pada zaman khilafah rashidah yang ke tiga, Khalifah Uthman bin Affan r.a. dengan melaungkan "ubat umat ini adalah dengan pedang." Perkataan ini kemudian diucapkan oleh Abd al-Malik bin Marwan di atas mimbar Rasulullah ﷺ. Masih dalam ingatan juga kemewahan harta yang datang selepas empayar Islam semakin luas yang membawa kepada perubahan gaya hidup masyarakat Islam. Di sana masih banyak lagi pelbagai contoh yang sedemikian.

Sekarang, kita imbau kembali kepada sejarah zaman sebelum munculnya kesan dan faktor kelemahan iman terhadap perkara ghaib, iaitu zaman Rasulullah ﷺ dan para sahabat. Di zaman itu, kita lihat umat Islam berada dalam keadaan sangat

sederhana di mana mereka sering kelaparan dan kekurangan harta, namun kaya dan tinggi dengan nilai keimanan mereka terhadap Allah سبحانه وتعالى dan sentiasa merasai bahawa mereka adalah penolong dan pembawa risalah Islam ke seluruh pelosok dunia.

Mereka inilah generasi yang beriman, meyakini janji Allah baik di dunia mahupun di akhirat tanpa ragu-ragu. Merekalah generasi yang benar-benar memartabatkan al-Quran dan wasiat Rasulullah ﷺ sebagai perisai yang tidak dapat didatangi sebarang kepalsuan dari mana-mana arah dan jenisnya. Kepercayaan dan keyakinan inilah yang menjadi asas dan faktor utama generasi ini dalam menjalani saat jatuh bangunnya kehidupan mereka. Malah, ketaatan mereka kepada Allah dan Rasul mencakupi segala yang diperintahkan dan yang menjadi larangan baik pada waktu perang atau aman, hidup atau mati.

Para sahabat r.a. juga turut mendengar sabda Rasulullah ﷺ:

«الْخِلَافَةُ ثَلَاثُونَ سَنَةً، ثُمَّ تَكُونُ مُلْكًا عَاضًّا».

Bermaksud:

"Pemerintahan secara khilafah akan berlangsung selama 30 tahun dan kemudiannya akan berubah menjadi pemerintahan secara kerajaan (monarki)."

(Ali bin al-Ja'd. Safinah. Hadis, no:3323).

Para sahabat dengar dan membenarkan bahawa akan tiba suatu zaman di mana kekuatan Islam akan terlerai dan musnah. Dan ianya akan bermula dengan jatuhnya kekuatan pemerintahan dan kerajaan Islam dan segala pertahanannya. Mereka juga dengar dari lisan Rasulullah ﷺ bahawa kebinasaan ummah ini ada di tangan para pemuda dari kalangan Quraisy. Justeru, tidak cukupkah perkhabaran mengenai peristiwa akhir zaman ini memberi peringatan dan ilmu untuk kita bersiap siaga

menghadapinya? Para ahli hadis juga telah mengumpulkan hadis mengenai peristiwa akhir zaman dan dikategorikan sebagai “hadis *fitan*” atau seumpamanya yang menjelaskan secara terperinci mengenai peringatan Rasulullah ﷺ tentang peristiwa akhir zaman seperti kemunculan dajal dan tanda-tanda kiamat.

Berkaitan dengan hadis terlerainya ikatan Islam bermula dengan kejatuhan tampuk pemerintahan Islam dan berakhir dengan solat. Tatkala terlerainya satu persatu ikatan Islam, umat Islam ketika itu hanya berpaut kepada ikatan sebelumnya yang masih belum terlerai seperti berpaut pada butang-butang baju yang masih utuh menunggu masa terlerai satu persatu sehingga terbuka akhirnya baju tersebut. Seolah-olah pakaian yang menjadi lambang Islam terkoyak dan terbuka satu persatu daripada atas hingga ke bawah yang mana “atas” itu diumpamakan sebagai pemerintahan Islam dan umat Islam berpaut kepada yang dibawahnya bimbang akan terbuka kesemuanya sehinggalah akhirnya terlerailah segala pautan tersebut. Bukankah Rasulullah ﷺ telah mewasiatkan kepada umat Islam agar sentiasa berpaut kepada sesuatu yang boleh diharapkan agar tidak binasa disebabkan terlerainya Islam itu satu persatu? Maksudnya berpautlah kepada saki baki Islam yang boleh diamalkan sebelum seluruhnya musnah binasa. Adakah para sahabat, tabiin dan 3 generasi sebaik-baik kurun ini memahami dan menghayati pesanan Nabi ﷺ ini?

Di hadapanku ini sebuah hadis sahih riwayat Muslim dalam (bab *al-fadayl*):

قَالَ زَيْدُ بْنِ أَرْقَمَ: قَامَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ يَوْمًا فِينَا خَطِيبًا، بِمَاءٍ يُدْعَى خُمًّا بَيْنَ مَكَّةَ
وَالْمَدِينَةِ فَحَمِدَ اللهَ وَأَثْنَى عَلَيْهِ، وَوَعَظَ وَذَكَّرَ، ثُمَّ
قَالَ: أَمَّا بَعْدُ، أَلَا أَيُّهَا النَّاسُ فَإِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ يُوشِكُ

أَنْ يَـأْتِيَ رَسُـولُ رَبِّي فَأُجِيـبَ، وَأَنَـا تَـارِكٌ فِيكُـمْ ثَقَلَـيْنِ: أَوَّلُهُمَـا كِتَـابُ اللهِ فِيـهِ الْهُـدَى وَالنُّـورُ فَخُـذُوا بِكِتَـابِ اللهِ، وَاسْتَمْسِـكُوا بِـهِ، فَحَـثَّ عَلَى كِتَـابِ اللهِ وَرَغَّـبَ فِيـهِ، ثُـمَّ قَـالَ: «وَأَهْـلُ بَيْـتِي أُذَكِّرُكُـمُ اللهَ فِي أَهْـلِ بَيْـتِي، أُذَكِّرُكُـمُ اللهَ فِي أَهْـلِ بَيْـتِي، أُذَكِّرُكُـمُ اللهَ فِي أَهْـلِ بَيْـتِي».

Zayd bin Arqam berkata, “Pada suatu ketika, Rasulullah ﷺ berdiri dan berpidato di suatu tempat air yang di sebut Khumm, yang terletak antara Mekah dan Madinah. Beliau memuji Allah, kemudian menyampaikan nasihat dan peringatan serta berkata, “Ketahuilah wahai saudara-saudara, bahawasanya aku adalah manusia biasa seperti kalian. Sebentar lagi utusan Tuhanku, malaikat pencabut nyawa, akan datang kepadaku dan aku pun siap menyambutnya. Sesungguhnya aku akan meninggalkan dua hal yang berat (*thaqalayn*) kepada kalian (ulama berkata kedua-dua hal itu disebut sebagai *thaqalayn* kerana keagungan dan kepentingannya), iaitu: Pertama, al-Quran yang berisi petunjuk dan cahaya. Oleh karena itu, amalkanlah isi al-Quran dan peganglah. Sepertinya Rasulullah sangat mendorong dan menghimbau pengamalan al-Quran. Kedua, keluargaku. Aku ingatkan kepada kalian semua agar berpedoman kepada hukum Allah dalam memperlakukan keluargaku! Aku ingatkan kepada kalian semua agar berpedoman kepada hukum Allah dalam memperlakukan keluargaku! Aku ingatkan kepada kalian semua agar berpedoman kepada hukum Allah dalam memperlakukan keluargaku!”

(Muslim. Zayd bin Arqam. Juz' 4. Hadis, no: 2408).

Berita-berita mengenai *ghadir khumm* ini, dan wasiat Rasulullah ﷺ tentang kesucian *Alu al-Bayt* merupakan pegangan golongan Syiah sebagai asas kepada hujah mereka bahawa ketaatan mutlak hanyalah kepada *Alu al-Bayt* sahaja. *Alu al-Bayt* adalah di antara ikatan yang boleh dipaut selepas rosaknya pemerintahan dan kerajaan Islam yang terjadi selepas beberapa kurun. Maka golongan ini bermati-matian berpegang kepada *Alu al-Bayt*, dan mereka meyakini bahawa wasiat tersebut adalah ditujukan kepada Saidina Ali k.w.. Mereka terlalu ekstrem dan melampaui batas dalam hal ini sehingga menolak dan menghina semua *Khulafa al-Rashidin* sebelum Saidina Ali k.w.. Allah melaknati pelampau-pelampau ini kerana melampau dalam mengangkat kepimpinan Saidina Ali r.a. sehingga mengiktiraf Saidina Ali k.w. adalah seorang yang maksum!

Keterlaluan dalam berpegang kepada *Alu al-Bayt* sehingga hidup dalam melakukan perbuatan dengan sesuka hati, penuh kerahsiaan dan *taqiyyah* bukanlah daripada ajaran Rasulullah ﷺ.
Peganglah ini wahai saudara-saudaraku! Janganlah engkau berpegang sepertimana pegangan Syiah. Kita akan menyebutkan perihal Ahli Sunah Waljamaah supaya kita dapat melihat tentang bagaimana mereka tumbuh berkembang daripada satu asal, iaitu asal nabawi? Bagaimana pula perbezaan antara kedua-dua cabang ini bertambah luas? Bagaimana pertelingkahan, permusuhan dan kesetiaan telah menggali lubang yang sangat dalam sehingga syaitan dan kebodohan menzahirkan kepada kita lubang itu seperti fatamorgana yang tidak kekal. Tipu daya syaitan seperti ini menutup ke

atas ummah ini masa hadapan dan harapan berjumpa dengan Allah ﷻ. Syaitan mengetawakan kita sekiranya kita datang memerangi ahli kiblat, ahli *La Ilah Illallah Muhammad Rasulullah,* mereka yang berpegang teguh kepada al-Quran sepertimana kita berpegang teguh kepadanya. Oleh itu, kenapa pula kita mengkafirkan saudara-saudara kita dan mengikut kehendak syaitan? Kenapa pula kita berbeza dengan mereka sekiranya fahaman kita didasarkan kepada *Alu al-Bayt?*

Aku membaca daripada kitab "Jami' al-Usul" yang mengumpulkan pelbagai hadis sahih tentang wasiat Rasulullah ﷺ kepada umat Islam agar sentiasa taat dan patuh kepada pemerintah walau bagaimana keadaan pemerintahannya. Begitu juga hadis mengenai "*sawad al-a'zam*" yang dilabelkan sebagai Ahli Sunah Waljamaah. Hadis-hadis inilah yang menjadi pegangan dan garis panduan dalam kehidupan. Malangnya, terdapat dakwaan pihak yang berprasangka dan menghina umat Islam dengan mendakwa bahawa hadis-hadis ini adalah palsu dan direka oleh perawi-perawi untuk mengangkat pemerintah-pemerintah yang dikehendaki mereka. Justeru, hadis-hadis ini digunakan untuk mencapai sesuatu yang dihajati. Benar di sana terdapat sejumlah besar hadis-hadis palsu, namun ahli hadis telah mengumpulkan senarai perawi-perawi *thiqah* (mendapat kepercayaan orang ramai) yang mana daripada jalur mereka tidak akan masuk hadis palsu atau pemalsuan hadis dalam Islam. Inilah keyakinan umat Islam bahawa ilmu hadis ini dijaga dengan begitu teliti dan berhati-hati menerusi kajian ilmu usul hadis dan ilmu al-jarh wa al-ta'dil.

Ibn Athir rahimahullah meletakkan tajuk kitabnya *"al-Fasl al-Khamis fi Wujub Taat al-Amir"*. Dalam bab ini terdapat 17 hadis, di mana 13 hadis daripadanya terdapat dalam Sahihayn (Bukhari & Muslim) atau salah satu daripadanya. Dalam hadis-

hadis ini terdapat ayat perintah yang berlegar di antara uslub *targhib* (galakan) dan *al-amr* (perintah) yang menegaskan bahawa ketaatan hanya kepada pemerintah. Terdapat juga perintah dalam bentuk amaran dan peringatan serta ancaman azab bagi golongan yang ingkar dan menolak pemerintah yang ada. Rasulullah ﷺ bersabda:

«اسْمَعْ وَأَطِعْ وَلَوْ لِحَبَشِيٍّ كَأَنَّ رَأْسَهُ زَبِيبَةٌ».

Bermaksud:

"Dengar dan taatlah sekalipun terhadap seorang budak Habasyi yang berambut keriting seperti buah anggur kering."

(Bukhari. Abu Dhar. Juz' 1. Hadis, no: 196).

Rasulullah ﷺ juga bersabda sepertimana yang direkodkan dalam Sahih Muslim, Sunan al-Tirmidhi dan Sunan al-Nasai:

«إِنْ أُمِّرَ عَلَيْكُمْ عَبْدٌ مُجَدَّعٌ يَقُودُكُمْ بِكِتَابِ اللهِ تَعَالَى، فَاسْمَعُوا لَهُ وَأَطِيعُوا».

Bermaksud:

"Walaupun kalian dipimpin oleh seorang hamba yang cacat hidung atau telinganya, maka dengar dan taatilah selama ia memimpin kalian dengan kitab Allah."

(Muslim. Ummi al-Husayn. Juz' 2. Hadis, no: 1298).

Sabda Rasulullah ﷺ sepertimana yang direkodkan dalam Sahihayn (Bukhari & Muslim) dan Sunan al-Nasai:

«مَنْ أَطَاعَنِي فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ، وَمَنْ عَصَانِي فَقَدْ عَصَى اللَّهَ، وَمَنْ يُطِعِ الأَمِيرَ فَقَدْ أَطَاعَنِي، وَمَنْ يَعْصِ الأَمِيرَ فَقَدْ عَصَانِي».

Bermaksud:

"Barang siapa yang taat kepadaku bererti dia telah taat kepada Allah dan barang siapa yang bermaksiat kepadaku bererti dia telah bermaksiat kepada Allah. Dan barang siapa yang taat kepada pemimpin bererti dia telah taat kepadaku dan barang siapa yang bermaksiat kepada pemimpin bererti dia telah bermaksiat kepadaku."

(Bukhari. Abu Hurayrah. Juz' 4. Hadis, no: 2957).

Di dalam Sahih Muslim dan Sunan al-Nasai direkodkan riwayat Salamah bin Yazid al-Ju'fi sepertimana berikut:

سَأَلَ سَلَمَةُ بْنُ يَزِيدَ الْجُعْفِيُّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ يَا نَبِيَّ اللهِ، أَرَأَيْتَ إِنْ قَامَتْ عَلَيْنَا أُمَرَاءُ يَسْأَلُونَا حَقَّهُمْ وَيَمْنَعُونَا حَقَّنَا، فَمَا تَأْمُرُنَا؟ فَأَعْرَضَ عَنْهُ، ثُمَّ سَأَلَهُ، فَأَعْرَضَ عَنْهُ، ثُمَّ سَأَلَهُ فِي الثَّانِيَةِ أَوْ فِي الثَّالِثَةِ، فَجَذَبَهُ الْأَشْعَثُ بْنُ قَيْسٍ، وَقَالَ «اسْمَعُوا وَأَطِيعُوا، فَإِنَّمَا عَلَيْهِمْ مَا حُمِّلُوا، وَعَلَيْكُمْ مَا حُمِّلْتُمْ».

Salamah bin Yazid al-Ju'fi pernah bertanya kepada Rasulullah ﷺ, "Wahai Nabi Allah, bagaimanakah pendapatmu jika para penguasa yang memimpin kami selalu menuntut hak mereka atas kami tetapi mereka tidak mahu memenuhi hak kami, sikap apa yang anda anjurkan kepada kami? Maka beliau berpaling, lalu ditanyakan lagi kepada beliau dan beliau pun tetap enggan menjawabnya

hingga dua atau tiga kali pertanyaan itu diajukan kepada beliau, kemudian al-Ath'ath bin Qays menarik Salamah bin Yazid. Beliau lalu bersabda: "Dengarkan dan taatilah, sesungguhnya mereka akan mempertanggungjawabkan atas semua perbuatan mereka sebagaimana kalian juga akan mempertanggungjawabkan semua perbuatan kalian."

(Muslim. Salamah bin Yazid al-Ju'fi. Juz' 3. Hadis, no: 1846).

Muslim juga menyebutkan satu hadis sepertimana berikut:

«أَلَا مَـنْ وَلِيَ عَلَيْـهِ وَالٍ، فَـرَآهُ يَـأْتِي شَـيْئًا مِـنْ مَعْصِيَـةِ اللهِ، فَلْيَكْـرَهْ مَـا يَـأْتِي مِـنْ مَعْصِيَـةِ اللهِ، وَلَا يَنْزِعَـنَّ يَـدًا مِـنْ طَاعَـةٍ».

Bermaksud:

"Dan barang siapa dipimpin oleh seorang pemimpin, kemudian dia melihat pemimpinnya bermaksiat kepada Allah, hendaknya ia membenci perbuatannya dan janganlah ia melepas dari ketaatan kepadanya."

(Muslim. Auf bin Malik al-Ashjai. Juz' 3. Hadis, no: 1855).

Di sana juga terdapat hadis lain yang lebih keras peringatannya seperti hadis dalam Sahihayn (Bukhari & Muslim):

«مَـنْ كَـرِهَ مِـنْ أَمِـيرِهِ شَـيْئًا فَلْيَصْـبِرْ، فَإِنَّـهُ مَـنْ خَـرَجَ مِـنَ السُّـلْطَانِ شِـبْرًا مَـاتَ مِيتَـةً جَاهِلِيَّـةً».

Bermaksud:

"Barang siapa yang tidak menyukai kebijakan amir (pemimpinnya) hendaklah bersabar, sebab sesiapa pun yang keluar dari ketaatan kepada amir sejengkal, ia mati dalam jahiliyah."

(Bukhari. Ibnu Abbas. Juz' 9. Hadis, no: 7053).

Hadis seperti ini tidak membenarkan kebebasan menentang pemerintahan yang ada dan wajib bagi seluruh ulama ummah ini bersabar dalam membenci pemimpin berkuku besi. Maka perbuatan keluar daripada pemerintahan dijanjikan dengan ancaman yang menakutkan dan kematian umpama bangkai jahiliyah.

Kisah keberanian Imam Ahmad r.a. yang tetap pendiriannya menafikan al-Quran adalah makhluk, di mana pendirian ini bercanggah dengan pendirian pemerintah ketika itu, al-Makmun al-Abbasi. Imam Ahmad r.a. telah dihukum sebat oleh Khalifah al-Makmun, tetapi beliau tetap bersabar. Kemudiannya Khalifah al-Makmun telah memenjarakan Imam Ahmad r.a., namun beliau memaafkannya tanpa keluar daripada pemerintahan al-Makmun. Sesungguhnya ancaman mati seumpama bangkai jahiliyah menjadi pembakar semangat ulama terdahulu agar tetap taat di bawah pemerintahan walaupun pemerintahnya seorang diktator.

Sebaliknya, para pemerintah zalim dan diktator ini telah mempergunakan hadis-hadis kewajipan taat kepada pemerintah walaupun mereka zalim dengan terus menerus melakukan kezaliman kepada rakyat. Sepatutnya apakah yang harus dilakukan oleh seorang yang beriman apabila dengar hadis

yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah sepertimana berikut dalam Sahihayn (Bukhari & Muslim) dan Sunan al-Nasai:

«ثَلاَثَـةٌ لاَ يُكَلِّمُهُـمُ اللَّهُ يَـوْمَ القِيَامَـةِ وَلاَ يُزَكِّيهِـمْ وَلَهُـمْ عَـذَابٌ أَلِيـمٌ رَجُـلٌ بَايَـعَ إِمَامًـا، فَـإِنْ أَعْطَـاهُ وَفَى لَهُ وَإِنْ لَـمْ يُعْطِـهِ لَـمْ يَـفِ لَهُ».

Bermaksud:

Rasulullah ﷺ bersabda: "Tiga golongan yang pada hari kiamat tidak diajak berbicara oleh Allah, tidak dibersihkan dosanya dan baginya seksa yang pedih; seorang lelaki yang berbaiat kepada seorang imam, jika imam tersebut memberikan sesuatu padanya maka akan ia tepati, namun jika tidak maka ia tidak menepati janjinya."

(Bukhari. Abu Hurayrah. Juz' 9. Hadis, no: 7212).

Hadis ini menunjukkan bahawa kesetiaan yang sempurna adalah satu kewajipan walaupun cacat sesebuah pemerintahan, kezaliman berleluasa dalam masyarakat, dan pemberian hasil negara tidak diagihkan seadilnya serta pembaziran harta umat Islam. Semuanya wajiblah ditelan dan ditaati sebagai seorang rakyat.

Sesungguhnya perasaan takut akan keluar daripada ketaatan pemerintah yang zalim dan bimbang berlaku perpecahan sesama umat Islam menjadi faktor kenapa umat Islam kekal di bawah pemerintah kuku besi dan demi menjaga perpaduan sesama umat Islam. Diriwayatkan daripada Abu Hurayrah dari Nabi ﷺ, bahwa beliau bersabda sepertimana dalam Sahih Muslim dan Sunan al-Nasai:

«مَــنْ خَــرَجَ مِــنَ الطَّاعَــةِ، وَفَــارَقَ الْجَمَاعَــةَ فَمَــاتَ، مَــاتَ مِيتَــةً جَاهِلِيَّــةً، وَمَــنْ قَاتَــلَ تَحْــتَ رَايَــةٍ عِمِّيَّــةٍ يَغْضَــبُ لِعَصَبَــةٍ، أَوْ يَدْعُــو إِلَى عَصَبَــةٍ، أَوْ يَنْـصُرُ عَصَبَــةً، فَقُتِــلَ، فَقِتْلَــةٌ جَاهِلِيَّــةٌ، وَمَــنْ خَــرَجَ عَلَى أُمَّــتِي، يَــضْرِبُ بَرَّهَــا وَفَاجِرَهَــا، وَلَا يَتَحَــاشَى مِــنْ مُؤْمِنِهَــا، وَلَا يَــفِي لِذِي عَهْــدٍ عَهْــدَهُ، فَلَيْــسَ مِــنِّي وَلَسْــتُ مِنْــهُ».

Bermaksud:

"Barang siapa keluar daripada ketaatan dan tidak mahu bergabung dengan jemaah kemudian ia mati, maka matinya seperti mati jahiliyah. Dan barang siapa mati di bawah bendera kefanatikan, dia marah kerana fanatik kesukuan atau kerana ingin menolong kebangsaan kemudian dia mati, maka matinya seperti mati jahiliyah. Dan barang siapa keluar dari ummatku, kemudian menyerang orang-orang yang baik mahupun yang suka berbuat keburukan tanpa mempedulikan orang mukmin, dan tidak pernah mengambil berat janji yang telah dibuatnya, maka dia tidak termasuk daripada golonganku dan saya tidak termasuk daripada golongannya."

(Muslim. Abu Hurayrah. Juz' 3. Hadis, no: 1848).

Sekarang, cuba kita berfikir sejenak dan bertanya, tidakkah wasiat atau pesanan-pesanan yang tegas ini ada sesuatu yang menghairankan? Bukankah Rasulullah ﷺ diutuskan dengan amalan syura dengan penuh keadilan dan ihsan? Dan mengapa diperingatkan agar taat dan patuh kepada pemimpin walaupun ia seorang diktator atau zalim atau fasik?

Sesungguhnya Allah ﷾ mewahyukan kepada kita bahawa Rasulullah ﷺ seorang yang sangat prihatin terhadap orang-orang mukmin dan menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada mereka. Malah Allah ﷾ juga mengkhabarkan kepada Rasul-Nya tentang banyak perkara dan permasalahan ghaib yang akan berlaku ke atas umatnya sehingga hari kiamat. Dan perkhabaran ini disampaikan kepada kita melalui jalan para sahabat sebahagiannya dan banyak yang telah dilupakan. Dan rasulullah ﷺ juga amat prihatin dengan perpaduan umatnya walaupun baginda sedia maklum bahawa qada dan qadar Allah tidak boleh ditolak khususnya yang berhubung dengan fitnah-fitnah yang akan berlaku di akhir zaman. Umat Islam nanti akan berada di bawah kekuasaan pemerintah-pemerintah yang zalim dan keras. Sesungguhnya Allah tidak menzalimi kamu. Kerosakan dan bala bencana tidak berlaku di darat dan di laut kecuali dengan apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat). Semoga perbuatan mereka diberi ganjaran besar di sisi Allah ﷾ sekiranya mereka terus beriman, sabar dan bermuhasabah dan menyatakan: *inna lillahi wa inna ilaihi rajiun*.

Allah telah memperlihatkan Nabi-Nya yang mulia hakikat perkara yang sedia ada. Nabi Muhammad ﷺ bukanlah seorang yang menyampai ayat melainkan dengan izin Allah ﷾ semata-mata. Dengan izin Allah jualah, baginda yang sangat prihatin dan penyayang terhadap umat ini dapat menyampaikan apa jua perkhabaran termasuk wasiat agar patuh dan taat walaupun baginda tahu bahawa kezaliman dan kesombongan akan berlaku dalam pemerintahan. Selain itu, manusia juga akan berlumba-lumba ingin menjadi pemimpin dan akan muncul golongan yang berperang demi memperebutkan kekuasaan. Matlamat

perkara yang sedemikian bukan untuk melihat ummah saling bersatu dan saling menopang antara satu sama lain. Kesabaran diperlukan untuk mencapai sifat saling topang-menopang ini. Sifat baik ummah ini terdedah kepada kediktatoran yang mengabaikan hak-hak, kezaliman dan kesan negatifnya yang membawa kepada perang saudara. Perang yang sedemikian cukup untuk menghancurkan Islam sekiranya bukan kerana wasiat dengar dan taat kepada pemerintah yang dianggap oleh ulama Islam dan orang ramai sebagai bahagian daripada agama.

Inilah penjelasan Rasulullah ﷺ yang merupakan ikatan Islam yang paling utuh yang dipegang oleh Ahli Sunah Waljamaah dan terputuslah ikatan ini dengan jatuhnya tampuk pemerintahan Islam.

Banyak perkara yang dapat kita lihat dalam sejarah pemerintahan Islam dengan pergolakan politik dan pemerintahan, kewujudan mazhab-mazhab dan perselisihannya sama ada dalam fiqah, akidah, tasawuf dan bisunya para ulama berkaitan gangguan iblis "*talbis iblis*" dalam pemerintahan. Kesemua perkara ini berlaku atas dasar qada dan qadar Allah serta sikap yang tidak pasti sama ada berpegang teguh kepada al-Quran yang merupakan tali yang kukuh di mana di dalamnya terdapat amalan syura, konsep keadilan, ihsan atau pun berpegang teguh kepada sunah Nabi ﷺ di mana terkandung perintah patuh dan taat kepada pemerintah dan ancaman menakutkan dengan kematian seperti bangkai jahiliyah bagi mereka yang memecahbelahkan umat Islam. Patuh dan taat kepada pemerintah-pemerintah yang layak disifatkan sebagai buruk seperti yang dijelaskan dalam sunah sebagai sifat pencengkam (kuku besi) dan ia muncul selepas mereka meninggalkan amalan syura, konsep keadilan dan ihsan secara mutlak.

Menerusi hadis Muslim dan al-Tirmidhi dan al-Nasai bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: "Sekiranya kalian dipimpin oleh seorang hamba yang cacat hidung atau telinganya, maka dengar dan taatilah selama ia memimpin kalian dengan Kitab Allah." Oleh itu, tidak ada pemerintah zalim pada zaman tersebut, dan tidak ada juga ketika itu pemerintah zalim melainkan semuanya menyucikan kitab Allah secara zahir, mengisytiharkan ketaatan, khidmat dan keikhlasan hanya kepada kitab Allah. Ketika itu mereka semua adalah dalam kalangan para solihin yang mana itu semua sudah lepas dan berlalu. Dan kita tidak beriman dengan manusia, tetapi beriman dengan hukum Allah yang telah ditetapkan. Dan sesiapa yang berpaling daripada hukum Allah, sesungguhnya al-Quran melaknatinya dan ummah dalam majoritinya tidak berani keluar daripada ketaatan kepada al-Quran hanya kerana takutkan janji Allah yang menakutkan.

Maka barang siapa yang keluar daripada Ahli Sunah Waljamaah, dia telah keluar daripada pentafsiran dan pemahaman wasiat Nabi ﷺ. Sebagaimana Husayn bin Ali k.w. dan zuriatnya daripada *Alu al-Bayt* adalah penyokong Ahli Sunah Waljamaah pada kurun itu, antaranya seperti Zaid bin Ali, Idris, Ibrahim, Yahya daripada Ahlul Bayt sebelum munculnya pemikiran Syiah ketika itu.

Semua penyokong ini yang menegakkan kebenaran sudah arif dengan hadis-hadis yang mewajibkan ketaatan dan kepatuhan serta teguh dalam jemaah. Malah mereka juga arif mengenai hadis tentang ketaatan itu disyaratkan padanya 2 syarat utama, (i) pemimpin mesti menjalankan hukuman yang termaktub dalam Kitab Allah, sebagaimana yang telah dinyatakan dalam hadis riwayat Muslim yang lalu dan (ii) pemimpin mendirikan solat sebagaimana yang terkandung dalam hadis Nabi ﷺ

sebagaimana yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Auf bin Malik sepertimana berikut:

«خِيَارُ أَئِمَّتِكُمُ الَّذِينَ تُحِبُّونَهُمْ وَيُحِبُّونَكُمْ، وَتُصَلُّونَ عَلَيْهِمْ وَيُصَلُّونَ عَلَيْكُمْ، وَشِرَارُ أَئِمَّتِكُمُ الَّذِينَ تُبْغِضُونَهُمْ وَيُبْغِضُونَكُمْ، وَتَلْعَنُونَهُمْ وَيَلْعَنُونَكُمْ»، قَالُوا قُلْنَا يَا رَسُولَ اللهِ، أَفَلَا نُنَابِذُهُمْ عِنْدَ ذَلِكَ؟ قَالَ «لَا، مَا أَقَامُوا فِيكُمُ الصَّلَاةَ، لَا، مَا أَقَامُوا فِيكُمُ الصَّلَاةَ، أَلَا مَنْ وَلِيَ عَلَيْهِ وَالٍ، فَرَآهُ يَأْتِي شَيْئًا مِنْ مَعْصِيَةِ اللهِ، فَلْيَكْرَهْ مَا يَأْتِي مِنْ مَعْصِيَةِ اللهِ، وَلَا يَنْزِعَنَّ يَدًا مِنْ طَاعَةٍ».

Auf bin Malik berkata, “Saya mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: “Pemimpin yang terbaik di antara kalian adalah kalian mencintai mereka dan mereka mencintai kalian, kalian mendoakan mereka dan mereka mendoakan kalian. Manakala pemimpin yang paling buruk di antara kalian adalah kalian membenci mereka dan mereka membenci kalian, kalian mengutuk mereka dan mereka pun mengutuk kalian. Mereka berkata, Kemudian kami bertanya, Wahai Rasulullah, tidakkah kami memerangi mereka ketika itu? Beliau menjawab: “Tidak, selagi mereka mendirikan solat bersama kalian, tidak selagi mereka masih mendirikan solat bersama kalian. Dan barang siapa dipimpin oleh seorang pemimpin, kemudian dia melihat pemimpinnya bermaksiat kepada Allah, hendaknya ia membenci perbuatannya dan janganlah ia melepas dari ketaatan kepadanya.”

(Muslim. Auf bin Malik. Juz’ 3. Hadis, no: 1855).

Kedua-dua hadis daripada Imam Muslim di atas mensyaratkan 2 syarat kepatuhan kepada pemimpin, iaitu pemimpin itu menjalankan kepimpinannya berpandukan Kitab Allah dan pemimpin itu mengerjakan solat. Maka dengan dua syarat yang dinyatakan ini, umat Islam hari ini seharusnya menjadikan ia sebagai kayu ukur dalam pelantikan pemimpin dengan membezakan antara yang melaksanakan hukum Allah dan mendirikan solat atau sebaliknya. Oleh yang demikian, hadis Rasulullah ﷺ yang merupakan syarah bagi wahyu al-Quran telah mengisyaratkan petunjuk-petunjuk peristiwa yang akan berlaku pada masa akan datang sebagai satu nasihat dan panduan. Petunjuk-petunjuk ini dijelaskan secara umum tanpa menyatakan identiti individu secara spesifik, bila akan berlaku, dan perincian bagi kedua syarat tersebut. Maka Allah سبحانه وتعالى mentakdirkan perkara yang sama sekali tidak bercanggah dengan hukum syarak dan apa yang termampu oleh perbuatan seseorang hamba dan kebebasan mereka memilih. Dan di antara mukjizat Nabi ﷺ adalah pemberitahuan mengenai fitnah akhir zaman yang akan berlaku ke atas umatnya. Ummah tidak dapat mengelak daripada takdir Allah supaya mereka dapat dibezakan daripada umat lain. Kesemua nasihat baginda Nabi ﷺ tidak lebih daripada sekadar memberikan gambaran luas yang diharapkan dapat menjaga persatuan jemaah daripada kehancuran. Sesungguhnya Allah Maha Melihat dan Maha Mengetahui.

Kita juga tidak meragui ketika Husayn bin Ali r.a. berada dalam keadaan marah dan bangun menentang, ianya tidak lain tidak bukan hanya kerana mengikut pemerhatiannya Yazid telah melakukan kefasikan, memimpin tanpa berdasarkan kitab Allah dan meninggalkan solat. Sekiranya orang itu bukan Yazid, maka keputusannya juga boleh jadi adalah berbeza, dan mengekalkan ketaatan. Justeru, berpegang teguh kepada al-Quran dan Sunah Nabi ﷺ adalah dua asas utama yang wajib

dijaga sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhi dalam hadis bertaraf *hasan gharib* daripada Yazid bin Arqam r.a. daripada sabda Rasulullah ﷺ sepertimana berikut:

«إِنِّي تَارِكٌ فِيكُمْ مَا إِنْ تَمَسَّكْتُمْ بِهِ لَنْ تَضِلُّوا بَعْدِي أَحَدُهُمَا أَعْظَمُ مِنَ الآخَرِ: كِتَابُ اللَّهِ حَبْلٌ مَمْدُودٌ مِنَ السَّمَاءِ إِلَى الأَرْضِ وَعِتْرَتِي أَهْلُ بَيْتِي، وَلَنْ يَتَفَرَّقَا حَتَّى يَرِدَا عَلَيَّ الحَوْضَ فَانْظُرُوا كَيْفَ تَخْلُفُونِي فِيهِمَا».

Bermaksud:

"Sesungguhnya aku telah meninggalkan untuk kalian sesuatu yang sekiranya kalian berpegang teguh kepadanya, nescaya kalian tidak akan tersesat sepeninggalku, salah satu daripada keduanya itu lebih agung dari yang lain, iaitu; kitab Allah adalah tali yang Allah bentangkan dari langit ke bumi, dan keturunanku dari ahli baitku, dan keduanya tidak akan berpisah hingga keduanya datang menemuiku di telaga, oleh karena itu perhatikanlah, apa yang kalian lakukan terhadap keduanya selepas pemergian aku."

(Al-Tirmidhi. Yazid bin Arqam. Juz' 5. Hadis, no: 3788).

Rasulullah ﷺ juga turut memperingatkan kita dalam hadis sahih yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari bahawa kehancuran umat Islam akhir zaman adalah di bawah pemerintahan anak-anak kecil dari bangsa Quraisy. Difahami maksud kalimah "*halak*" iaitu kehancuran yang dimaksudkan oleh Rasulullah ﷺ bukanlah bermaksud pengakhiran umat, tetapi kelangsungannya sehingga hari ini menjangkaui 14 kurun kurang 40 atau 50 tahun. Bahkan anak-anak kecil dari bangsa

Quraisy tidak akan sampai kepada pemerintahan melainkan daripada jalan perwarisan takhta yang rosak dan bersifat kuku besi. Keadaan ini tidak akan berlaku seandainya syura dijalankan secara adil tanpa lahirnya semangat perkauman yang membawa kesan negatif dalam pemerintahan Islam, di mana secara tidak langsung ia mengubah *maqasid* al-Quran yang menjadi faktor kepada perlantikan pemimpin yang bukan daripada ahli takwa dan ihsan.

Pemerintahan yang dipegang oleh orang yang tidak cakna politik sepertimana anak-anak bangsa Quraisy tersebut dan kediktatoran yang berterusan merupakan ancaman serius yang dapat membuka ikatan mulia ummah. Seharusnya kuasa pemerintahan Islam menjunjung tinggi Kitab Allah dan menjadi pembelanya, namun apa yang berlaku pengkhianatan dan penipuan dilakukan terhadap al-Quran sebagaimana yang kita lihat pada hari ini. Maka kehancuran umat Islam terus berlaku dan hanya kepada Allah ﷻ sahaja disandarkan segalanya agar pemerintahan ini dapat dikembalikan kepada ahlinya.

DARI PUNCAK SEJARAH

Projek Islamik dan aspirasi tinggi yang dimunajatkan oleh kesedaran hati nurani umat Islam; satu ketika dibicarakan dengan lantang lagi kuat dan banyak ketika pula ia tiada daya lagi tertindas. Inilah apa yang mereka namakan sebagai kebangkitan Islam (*al-sahwah al-Islamiyah*). Ufuknya terbatas dan terhalang lantaran perselisihan mazhab dan kelangsungan pemikiran yang bertaklid lagi berserpihan yang tiada mampu untuk mendaki ke kemuncak ilmu dan semangat besar al-Quran untuk kita memperolehinya.

Perselisihan mazhab antara Sunni - Syiah dan perselisihan-perselisihan yang tiada kesudahannya antara pemikiran yang bertaklid lagi berserpihan ini meletakkan hasrat dan tindakan kita terkeluar daripada sejarah. Lalu, tinggallah fizikal, minda, destinasi dan kekuatan kita semuanya dirampas oleh tangan jahiliyah. Pemikiran, perpecahan dan kekufuran jahiliyah kepada Allah ﷾ dan hari akhirat itu memakan kita dari dalam. Manakala penindasan bersenjata, dominasi yang menerkam dan ekonomi yang bongkak pula memakan kita dari luar.

Ia berterusan hatta di kalangan mereka yang memberikan perhatian kepada agama. Mereka hidup secara pelik lagi mengerikan terasing daripada dunia, realiti, isu-isu semasa yang berterusan. Inilah seorang yang "faqih" tetapi jahil dalam bahasa Arab; jahil dalam hadis. Bersamanya beberapa ayat-ayat al-Quran yang dibacanya dengan benar sekali tetapi jahil sama sekali tentang makna dan *maqasid* agung al-Quran. Sekelilingnya ada jemaah awam yang *berhalaqah* semangat menuntut ilmu; menanyakan cara-cara beriman; mendengar fatwa masa kini berkaitan perkara yang meruncing. Anda akan

mengetahui bahaya fatwa berkenaan Allah ﷻ sebentar lagi. Selepas berhenti rehat sekejap. Mana ada rehatnya!

Sebuah negara Arab yang didiami oleh kaum Muslimin dan diperintah oleh pemerintah-pemerintah diktator, pendapatan tahunannya 100 billion dolar setahun. 1000 billion dalam masa 10 tahun pula adalah pendapatan kerajaan ini dalam tempoh 10 tahun. Kadar ini adalah bersamaan keseluruhan hutang dunia negara yang ditindas. Sejumlah harta dapat membebaskan 4 juta orang penduduk dunia daripada belenggu hutang dengan institusi-institusi kewangan golongan yang bongkak dan bank-bank Yahudi yang menjerut dunia miskin.

Menurut kiraan kajian bahawa jikalau harta ini dimanfaatkan dengan sebaiknya, nescaya banyak keuntungannya yang menjadi rezeki yang kekal berterusan dengan kadar 600 dolar setahun bagi setiap orang Arab. Pengkaji tidak terlintas di benak fikirannya tali persaudaraan dan perpaduan Islam yang wajib dari segi syarak. Jadi, sekiranya kita mengambil perkara tersebut dalam kiraan kita, nescaya dengan 600 dolar setahun setiap lelaki dan wanita Muslim di muka bumi ini akan terjamin daripada rasa lapar, tiada berpakaian, jahil, cerca, kotor, hina, tewas dan sakit.

Apa yang diperlakukan kepada akhlak, kehormatan dan sifat kelelakian umat Islam oleh harta benda yang ditaburkan kepada kasino-kasino, bantuan kroni-kroni Amerika, khidmat setia untuk ekonomi negara-negara yang giat berusaha membangunkan di atas padang pasir yang keemasan istana-istana seumpama istana Iram, menjual industri hiburan, peralatan mewah dan kapal peranginan. Harta benda kaum mukmin lesap dalam kemungkaran dan keburukan,

pelacuran dan penghasilan video-video lucah. Matinya umat Muhammad ﷺ maka bermaharajalela puak fasik lagi durjana!

Di sana dalam majlis ilmu yang ahlinya lalai terhadap Allah ﷻ kerana kelalaian mereka tentang syariat Allah ﷻ yang luas lagi tinggi darjatnya. Syariat yang adil saksama, ihsan dan jihad. Dalam *halaqah*, seorang faqih duduk mengeluarkan fatwa semasa yang penting. Dia menerangkan hukum Allah ﷻ berkaitan hukum sembelihan siput!

Apakah yang diperlakukan ke atas umat Islam oleh kurun-kurun pemerintahan yang hukum hakamnya terpisah lagi terbatal; bahkan suatu pembatalan terhadap asas hukum hakam, asas syura, adil dan ihsan? Apakah yang diperlakukan ke atas kita oleh perselisihan mazhab yang terhasil daripada prinsip-prinsip yang bertentangan terhadap pemerintah? Apakah kesan pembatalan hukum hakam ke atas semua asas Islam sehingga ia berterusan berkecai pada fikiran, akhlak, maruah dan kemanusiaan kita akibat perbuatan terjerumus dalam perkara yang mematikan asas agama dan membahayakannya?

Dengan izin Allah ﷻ, inilah masa untuk bangkit daripada zon selesa; masa memperkemaskan kembali asas-asas agama dengan mengembalikan hukum hakam kepada tempat syarak yang asal. Tiadalah terbina isu-isu yang remeh dan perselisihan yang satu keadaan mencuitkan hati dan pada masa yang sama meratapkan jiwa seperti perselisihan berkenaan sembelihan siput yang tiada hukum nas. Adakah kita mengkiaskannya kepada belalang dan ikan atau binatang ternakan? itu melainkan saki-baki sikap berpaling daripada agama kepada dunia dan jawatan kepimpinan ke atas "selemah-lemah orang yang gila" yang diperkotak-katikkan oleh pemikiran-pemikiran yang bertaklid pada martabat tangga yang terendah

kepada penonjolan diri dan kemasyhuran yang tiada peluang sekiranya sebaris dengan pentaklid di martabat teratas di sisi pemerintah.

Dengan ihsan Allah ﷾, kita dianugerahkan semangat yang tinggi untuk kita melihat kepada realiti sebenar daripada puncak sejarah bukannya pandangan sejarah dari bawah; supaya kita memahami daripada kedudukan kita yang tinggi. Rasulullah ﷺ yang membacakan kepada kita ayat-ayat al-Quran dan menyempurnakannya dengan penjelasan. Kenapa terurai asas-asas Islam rentetan daripada terurainya asas pemerintahan? Kenapa orang yang mendiamkan diri itu membisu seribu bahasa? Kenapa orang yang bangkit itu bingkas bangun? Kenapa orang yang berselisih itu tidak berkesefahaman? Kenapa umat Islam jatuh sakit kronik yang teruk ketika mana datangnya zaman anak-anak kecil yang menghukum ummah dengan darah dan mata pedang, mereka membunuh keberanian dan maruah ummah tersebut? Kenapa kemahuan umat Islam dipinggirkan daripada sejarah? Kenapa syura dimatikan dan hasrat penzalim dipenuhi dalam dunia? Kenapa hilangnya keadilan dan melampaunya golongan mewah? Kenapa pada zaman kita tradisi "1001 malam" muncul, berterusan dan semakin merebak? Kenapa agama ini terpecah sehingga kita sampai kepada keislaman secara individu yang paling rendah, keislaman "golongan agamawan" yang hanya berpandangan bahawa agama itu sekadar rakaat solat yang tidak lain seperti pergerakan mematuk atau pakej pelancongan yang menyeronokkan yang diakhiri dengan gelaran "Haji"?

Sekiranya kita bergurukan secara langsung kepada Rasulullah ﷺ yang merupakan seorang guru dan pembimbing dengan akal fikiran kita yang menerima pengajaran, dengan hati kita yang dilimpahi kasih sayang dan kerahmatan, dengan

tingkah laku kita yang menyegarkan kembali sejarah jihad, dan sekiranya kita mengambil al-Quran daripada Rasulullah ﷺ sebagai sebuah kitab Allah سبحانه وتعالى selaku penyuluh, petunjuk dan kehidupan, nescaya kita akan berada di tahap yang tinggi yang membolehkan kita memantau urusan-urusan dari sisi atas bukannya dari sisi bawah.

Dari sinilah, cahaya al-Quran akan menaungi kita, suluhan Sunah Rasulullah ﷺ akan menguasai kita. Bayang-bayang kita yang menaungi realiti kehidupan dan bukannya bayang-bayang realiti kehidupan yang menaungi kita. Akal pemikiran kita yang disuluhi oleh cahaya al-Quran dan Sunah akan memutuskan simpulan kesulitan pemahaman yang rumit, tiadalah kekusutan pemahaman menyukarkan kita. Hati kita yang dikutip daripada cahaya al-Quran akan didiami kemahuan yang tidak kenal erti tewas, suara laungan musuh tidak dapat menumpaskan kita. Kita membina tuntutan agama secara sempurna, tunjangnya adalah syura, keadilan dan ihsan. Tiadalah menimpa kita kebodohan khayalan, kecelakaan undian nasib, pandangan haiwan kelawar dalam kegelapan serta sedikit habuan timbunan puing.

Sebahagian orang daripada kalangan Muslimin dan daripada kalangan penulis yang dianggap penulis dakwah, niat murni berjihad mereka terdedah kepada pemikiran bertaklid yang tegar. Jadi, mereka akan berfikir, menitipkan amanat dan berijtihad dalam lingkungan bentuk hukum pemerintahan Umawiyah, keagungan Abasiyah, kekuatan Uthmaniyah, fiqah yang bersifat ranting, akidah yang bersifat perbahasan di kalangan ulama ahli kalam, sikap mempertahankan tanpa membezakan dengan sejarah orang mukmin di mana mereka mengiranya sebagai sejarah Islam!

Barang siapa yang fikiran dan imaginasinya ditenggelamkan oleh saki-baki mendapan sejarah kita yang terhimpun banyak; dan barang siapa yang baginya pembatalan sesuatu dasar Islam itu seumpama tanda petunjuk; barang siapa yang bebanan peristiwa yang lampau itu diletakkan di atas kepalanya; barang siapa yang cabaran semasa dan mendatang itu diputuskan hukumnya dengan kiraan hanya kepada warisan fiqah yang agung; maka dia sedang memandang kepada urusan-urusan itu dari sisi bawah. Dia beranggapan bahawa ciptaan sejarah tidak datang berkunjung melainkan dengan meletakkan jiwa-jiwa kita di bawah tangannya.

Pemikiran yang tidak membezakan antara sejarah fitnah, iaitu sejarah orang Islam dengan sejarah Islam yang merupakan model yang hebat dalam haluan dan pencapaiannya di zaman kenabian dan *khilafah al-rashidah* sebegini akan mengukur dalam pengukur musuh-musuh agama yang terdiri daripada bangsa kita sendiri tanpa disedari. Pemikiran ini mengukur dalam pengukur nasionalis-sekularis yang menilai sejarah kita sebagai satu blok kumpulan manusia sahaja. Semuanya adalah blok perbahasan akidah. Permulaannya mendukung pengembangan dan penularan virus bakteria. Pengakhirannya menafsirkan dalam zaman kemunduran dan ketewasan ini keterbatasan dakwah Muhammadisme, iklim dan lokasinya dalam skala perkembangan sosial terkini dalam masyarakat kemanusiaan dengan tiada jalan keluar falsafah material. Tiadalah agama, iman, Allah ﷻ, hari akhirat dan wahyu itu melainkan ungkapan ideologi yang telah berkhidmat bagi satu zaman yang telah berlalu dan mati secara terancang serta suatu revolusi di zamannya.

Mereka yang dikasihi ini telah bersangka baik dengan golongan yang bertaklid. Golongan ini sedang menyalurkan

kepada pihak musuh agama hujah dan dalil bahawa pemikiran Islam adalah pemikiran lapuk yang tiada reti pandai kecuali dipertahankan dan diperjelaskan benar; tiada fahami sesuatu perebutan masa kini dan yang akan datang di zaman yang bakal berasak-asak peristiwa.

Dengan taufik Allah ﷻ, kita tiadalah menyimpang daripada lafaz mutlak al-Quran, dan apa yang diperolehi oleh ulama salaf soleh yang berupa ilmu pengetahuan dan kefahaman adalah sumber yang mengayakan pengalaman kita. Tiadalah memudaratkan saya untuk mengambil seorang alim dan seorang faqih serta satu mazhab sebagai sebuah panduan perjalanan akal fikiranku selagi pendalilan, pemahaman dan asal perbincangan itu suatu proses yang disempurnakan di bawah sinaran cahaya al-Quran dan Sunah. Yang akan memudaratkan saya adalah sikap saya menerima takdir orang lain dari sudut masa, tempat, hasrat dan situasinya untuk isu-isu yang besar seperti isu-isu syura, keadilan dan ihsan. Padahal, masa itu adalah masa saya, tempat itu adalah tempat saya, situasi itu adalah situasi saya dan hasrat keazaman itu adalah hasrat keazaman saya.

Agar peristiwa tidak mendahului kita; agar semangat yang membara tidak memindahkan kita ke nota kaki yang tiada nilai atau kebencian kepada sejarah kita atau terima tanpa dipinta implikasi fitnah, kita patut meletakkan kaki kita di atas pendirian yang teguh dengan keteguhan iman kita dengan Allah ﷻ, Rasul-Nya dan janji-janji-Nya secara metodologi. Kita patut mengangkat hasrat yang tinggi ini di atas kepentingan masa yang dihiasi lampu bintang seroja agar kita layak untuk menjadi untuk murid-murid yang patuh kepada bimbingan di hadapan Rasulullah ﷺ yang disifatkan oleh al-Quran dalam surah al-Bayyinah, ayat 2 - 5 sebagai "seorang

utusan dari Allah ﷾ yang membaca lembaran-lembaran yang suci (al-Quran); di dalamnya terdapat kitab-kitab yang lurus. Dan tidaklah berpecah belah Ahli Kitab melainkan setelah datang kepada mereka bukti yang nyata. Padahal, mereka hanya diperintahkan beribadah kepada Allah ﷾ dengan ikhlas mentaati-Nya, semata-mata kerana menjalankan agama, dan juga agar melaksanakan solat dan menunaikan zakat, dan yang demikian telah agama yang lurus."

Adakah asas-asas Islam itu telah terbatal? Mengetahui hal ini dan mengetahui dari mana bermulanya pembatalan ini serta bagaimana ia berurutan tali menali adalah suatu ilmu yang penting agar kita dapat mengetahui dari mana patut mulakan semula dari mula belitan sumbu itu. Tidak menggunakan pembatalan dan sandaran kepada pemerintahannya secara maknawi berdasarkan kepada apa yang diperolehi daripada kemuliaan terkandung kepada sejarah orang-orang Islam, akan tetapi dengan ramuan baru yang kekal tiada rosak iaitu ramuan Al-Quran dan berdasarkan contoh yang mulia yang tiada tercalit kehinaan iaitu contoh sirah nabawi yang semerbak bau.

Daripada tempat-tempat tinggi ini sahajalah, kita dapat melihat dengan jelas, menyeluruh dan menyatukan dalam pemikiran, hati, keimanan, kehendak dan pergerakan kaki kita di atas bumi yang nyata lagi teruji. Kita juga dapat berjalan dengan hujah yang terang-benderang yang kita singkapkan semula. Ketentuan qada Allah ﷾ telah berlaku pada zaman yang lalu dengan apa yang ditentukan dan tanggungjawabnya telah dipikul oleh umat yang terdahulu daripada kita dan bukannya kita. Kita mohon berlindung dengan Allah ﷾ daripada orang-orang yang telah melaknat satu sama lain. Di hadapan kita satu bukti dalil ke arah masa hadapan yang bersinar. Masa hadapan *khilafah al-rashidah* Yang Ke-2 yang tidak tersalah

perjalanannya. Ia adalah perkhabaran berita gembira pemimpin anak cucu Nabi Adam (iaitu Muhammad ﷺ). Dalam sejarah kita, jihadnya yang menang dan Sunahnya ketika mana dia mentarbiyah dan menghimpunkan kaum muslimin dan ketika mana dia mempersaudarakan sesama mereka dan ketika mana dia menggariskan matlamat-matlamat, ketika mana dia memimpin dan ketika mana dia memenangi.

Perkhabaran berita gembira kenabian dan sirah yang terpilih ini memberikan kepada kita keseimbangan masa hadapan yang diimpikan yang kita tidak akan laluinya sekiranya kita berpaling; sekiranya kita bersikap seperti sikap orang yang membongkarkan kubur nenek moyang lalu menerbangkan debu naik ke udara sehinggalah terjadi bayang yang menutupi cahaya dan menyuramkan sinaran. Jikalaulah kita mengambil debu perselisihan yang bertebaran daripada kuburan nenek moyang sebagai panji; dan jikalaulah kita mengambil saki-baki kehendak nenek moyang dan sikap-sikap mereka dan membiarkan takdir-takdir ilahi itu ke atas mereka dan muamalat mereka terhadap ujian yang turun itu sebagai satu sandaran, maka tidak akan ada tonggak keazaman yang berdiri tegak bagi kita dan tidak akan ada binaan yang dibina untuk kita.

Warisan yang kita tarik keluar itu telah bertiup masuk ke dalam rongga ummah sehingga hampir membunuh, ia adalah warisan perselisihan yang dibina oleh setiap puak untuk menyelami bagi tujuan perhitungannya dan bagi perhitungan syaitan pertembungan-pertembungan yang telah berlalu. Pemerintah yang diktator hampir-hampir mahu agar pusingan roda perselisihan itu berterusan sambung dan cepat-cepat berpanjangan di kalangan kita agar kita hilang segala pertimbangan. Lalu, kita menyalakan kembali api peperangan

yang akan mengembalikan semula sejarah fitnah ummah. Dia menaikkan mereka ini panji Khawarij, dia menggambarkan mereka itu pasukan berkuda puak Sunah yang memenggal kepala puak Rafidah dan dia akan menenangkan semua puak lalu semua bertenang di bawah cengkaman pemerintah yang diktator. Mereka duduk mendiamkan diri, pasif dan jahil. Mereka memperdalilkan dengan si fulan sahabat Nabi , si fulan Tabi dan si fulan orang alim, mereka yang bersolat di belakang golongan fasik, yang mewajibkan taat setia (baiat) mereka kepada pemerintah zalim dan yang diam membisukan secara baik.

Antara jenis penindasan gerakan Islamiyah yang paling besar lagi bahaya di masa kini adalah penggunaan kroni teras kerajaan-kerajaan jahiliyah atau pengikut dan khadamnya seruan propaganda kepada perselisihan. Seruan propaganda ini akan sampai kepada telinga yang mendengarnya, suatu pendengaran yang senyap sepi daripada al-Quran. Lalu, ia tidaklah didengari sesuatu yang boleh menyelamatkan. Ia akan sampai kepada mata yang celik menjadi buta tentang sejarah jihad, sirah Nabi ﷺ dan sejarah para sahabat r.a., simbol kesatuan ummah dan punca sumber segala kebaikan.

Ia sampai kepada minda-minda yang lemah tumpul daripada memahami hukum Allah سبحانه وتعالى di alam semesta dan sejarah serta daripada memahami qada dan qadar-Nya. Bagaimana salah satu daripadanya zahir nyata? Bagaimana yang pertama itu menutupi yang satu lagi? Seruan propaganda itu sampai ke satu medan yang sunyi sepi lagi terbuka kepada apa yang mengejangkan lidah dan bisu tidak bercakap tentang kebenaran serta tentang pembongkaran persekongkolan yang sejak berzaman dipakai oleh golongan yang dilabelkan dengan ilmu pengetahuan. Mereka telah khianat amanah jubah para

salaf soleh yang bertakwa untuk menyokong pendirian diam membisu mereka yang menjengkelkan. Mereka berhujah dengan ijtihad orang yang hidup di zaman fitnah dengan penuh kesabaran dan memperdayakan kesungguhan mereka itu bagi menjaga kesatuan ummah. Mereka mendengar dan patuh dengan hati yang berat. Mereka tidaklah memperolokkan al-Quran dan tidaklah pula mengeluarkan sesuatu daripada hadis-hadis Nabi ﷺ di mana baginda mensifatkan khilafah, batasan tempo masa, pemerintah yang melakukan maksiat dan pemerintah yang diktator selepasnya. Satu fatwa yang berkekalan menstabilkan ketidakadilan dan kezaliman. Ia terlaksana dengan tunduk patuh yang sempurna walau sekalipun kalimah “syura’ telah menjadi kalimah yang kosong tanpa erti yang menjadi sebutan lawak jenaka dan digambarkan sebagai satu penyertaan majlis yang direkacipta, yang tidak intelek dan tidak rasional.

Sesungguhnya mengubati kesedihan dan luka ummah mulai dari sisi bawah secara taklid dan kerendahan diri yang dungu itu adalah menambahkan lagi luka dalam struktur ummah. Hanya dari sisi al-Quran dan Sunah, hanya dengan fiqah kefahaman golongan yang bertakwa, bersih daripada kekotoran khianat, berfikiran yang tidak sempurna dan berkepentingan ini akan membuat kita mampu berkedudukan tinggi dalam teks catatan sejarah. Kita mampu mengharungi saki-baki fitnah ummah ini. Kita mendaki jalan yang sukar. Kita bersabar atas jihad menyapu bersih, mengasas dan membina. Kita akan perolehi kemenangan dengan kudrat dan kuasa Allah ﷻ.

PERPADUAN NEGERI-NEGERI ISLAM

Sesungguhnya perpaduan negeri-negeri Islam merupakan keperluan segera dan kewajiban secara syarak serta harapan yang bernilai ke atas ummah ini. Wahai sesiapa yang membaca firman Allah berikut ini:

إِنَّ هَٰذِهِۦٓ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَٰحِدَةً وَأَنَا۠ رَبُّكُمْ فَٱعْبُدُونِ ﴿٩٢﴾

Bermaksud:

"Sesungguhnya agama Islam inilah agama kamu, agama yang satu asas pokoknya, dan Akulah Tuhan kamu, maka sembahlah kamu akan daku."

(Q.S. Al-Anbiya' 21:92)

وَإِنَّ هَٰذِهِۦٓ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَٰحِدَةً وَأَنَا۠ رَبُّكُمْ فَٱتَّقُونِ ﴿٥٢﴾

Bermaksud:

"Sesungguhnya agama Islam ini ialah agama kamu, agama yang satu asas pokoknya, dan Aku Tuhan kamu, maka bertakwalah kamu kepada-Ku."

(Q.S. Al-Mukminun 23:52)

Kesemua ayat ini ditujukan kepada para nabi-nabi Allah. Selain itu, ia juga membaca firman Allah ﷻ yang berbicara khusus kepada umat yang dirahmati ini:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ ۗ

Bermaksud:

"Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)."

(Q.S. Ali Imran 3:110)

Wahai sesiapa yang membaca al-Quran dengan pemikiran yang bijak memikirkan tentang Allah ﷾ yang bukannya dengan pemikiran yang bertaklid buta dan membacanya dengan hati yang takut kepada Allah ﷾ yang bukannya takut kepada manusia, bagaimana anda boleh mendiamkan diri apabila ada golongan yang memecahkan umat Islam ini kepada 2 kelompok: Sunni dan Syiah? Bagaimana anda boleh komited dengan sikap berkecuali apabila kebanyakan golongan pembaca kelas bawahan melihat persengketaan itu lalu mereka menyebarkan kerosakan?

Apakah yang anda inginkan daripada duniamu untuk akhiratmu? Adakah anda inginkan daripada duniamu untuk akhiratmu itu sesuatu yang benar dan hakiki ataupun anda dilalaikan oleh perdebatan, kemegahan populariti dan penonjolan dalam pertelingkahan? Bagaimana anda boleh bertemu dengan Allah ﷾ sedangkan hati anda di dunia ini tidak terguris sakit pun apa yang diperlakukan terhadap umat al-Quran oleh golongan pelampau, kafir, pemecah belah ummah dan meninggalkan jemaah? Bagaimana anda boleh mengaku sebagai umat Nabi Muhammad ﷺ sedangkan anda tidak berada di belakang Nabi ﷺ kecuali anda menyalakan permusuhan di kalangan umatnya?

Sesungguhnya pembaziran tenaga umat Islam adalah suatu operasi yang dijalankan oleh golongan zalim semenjak berzaman. Pada hari ini, mereka mempertingkatkan usaha ini berbanding sebelum ini. Sesungguhnya pembatalan asas Islam terus berterusan semenjak beberapa kurun yang lama sehinggalah kita tiba di zaman di mana manusia telah meninggalkan solat dan mengikut jejak nafsu syahwat. Sesungguhnya penghargaan kepada mana-mana orang mukmin yang ikhlas kerana Allah ﷾, beribadah kepada-Nya serta bertakwa kepada-Nya tidaklah cukup untuk menjaga nama dan mencari keuzuran ke atas perlakuan-perlakuan golongan zalim yang mahukan umat Islam dipimpin bukan dengan kepimpinan al-Quran, mereka tidak merasa takut bermain-main dengan solat di kaca televisyen, sebaliknya menyokong orang-orang kafir seolah-olah mereka adalah teman setia, sedangkan Allah telah berfirman dalam surah al-Maidah, ayat 51:

وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمۡ فَإِنَّهُۥ مِنۡهُمۡۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهۡدِي
ٱلۡقَوۡمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ٥١

Bermaksud:

"Dan sesiapa di antara kamu yang menjadikan mereka teman rapatnya, maka sesungguhnya ia adalah dari golongan mereka itu. Sesungguhnya Allah tidak memberikan petunjuk kepada kaum yang berlaku zalim."

Setiap detik yang hilang berlalu tanpa kita sibukkan diri dengan merekrut tentera-tentera Allah ﷾ pada setiap penjuru dan tempat adalah merupakan suatu kehilangan yang amat nyata bagi ummah ini. Setiap diayah kepada perpecahan bermazhab dan perselisihan atas hukum sembelihan siput adalah suatu persaingan yang berani mati. Setiap usaha yang boleh kita sumbangkan kepada dakwah, namun pada masa

yang sama kita tidak menjaganya, maka ia adalah sesuatu yang amat menyedihkan.

Tidaklah sekali-kali setiap penjuru dunia Islam kita yang dibahagi-bahagikan secara kecil dan berselisih pandangan penduduknya melainkan ia menjadi debu-debu yang diterbangkan oleh tiupan angin. Sekiranya kita tambahkan dengan usaha-usaha penguasaan terancang antarabangsa yang telah menjerut mati usaha kita, nescaya kita sendiri akan menenggelamkan entiti kita dari bawah. Kita adalah yang paling mampu mengatasi rintangan agar kita tidak dibinasa dan dihilangkan oleh peristiwa kejadian jikalau kita berlindung dengan tali agama yang paling teguh yang kekal abadi iaitu kitab Allah ﷻ. Kita wajib berpegang dengan al-Quran. Insya-Allah ﷻ, dengan kesabaran dan kesempatan masa, kesatuan bakal datang. Ia tidaklah datang dengan satu arahan yang diajukan kepadanya, dari mana? Siapa yang mahukannya? Kenapa dia mahukannya? Siapa pula yang risaukannya dan kenapa? Siapa yang benci lalu membuat helah terhadapnya dan kenapa?

Siapa yang bakal memimpin kerajaan-kerajaan kecil yang telah dipisah-pisahkan? Siapa yang memberikan sokongan material dan membekalkan senjata kepada mereka? Apakah hal pula kengerian yang dahsyat yang merapatkan penduduk dunia ini agar saling membantu dan merenggangkan sesama muslimin yang terhasil pada cengkaman hukum penzalim yang pentingkan diri sendiri; cengkaman pendakwah yang berpuak lagi perosak, cengkaman kejahilan dan kelalaian politik, sejarah dan kejahilan demi kejahilan?

Kefahaman terhadap soalan tersebut yang merangkumi kefahaman terhadap sebab soalan itu dipertanyakan, kaji selidik terhadap kandungannya dan cara menjawabnya adalah

suatu jaminan untuk membebaskan kita dengan rasa bangga terhadap keagungan Allah, Rasul-Nya dan agama-Nya serta rasa syukur kehadirat Allah ﷻ daripada kehinaan orang-orang yang tunduk berlutut di depan kaki-kaki penguasaan jahiliyah dan harta permodalan Yahudi. Umat Islam sekarang dengan jumlah 1,000 juta orang muslimin dan muslimat kehilangan entiti sepertimana buih.

Bebanan kita yang berat daripada perselisihan dan saki-baki perasaan dan pemikiran, daripada adat kebiasaan dan kepentingan individu yang mementingkan diri sendiri yang puncanya adalah kerisauan dan ketakutan kepada bayang mata pedang dan kuasa pemerintah telah melumpuhkan kehendak kita dan menghalang cetusan keimanan dalam diri kita. Oleh itu, igauan ngeri kesangsian menguasai kita, waspada dan perihal mementingkan diri sendiri atas keislaman secara individu dan kefahaman yang tidak menyeluruh serta ketaatan kepada Allah ﷻ, rasul-Nya dan agama-Nya itu tidaklah dengannya kita mengarahkan pengabdian diri kepada Allah ﷻ secara langsung dalam keadaan sempurna, bahkan kita menggunakan perantaraan pelbagai pandangan iman, pendapat ulama serta perdebatan ulama ilmu kalam.

Kemunduran kita daripada ufuk yang tinggi, ufuk al-Quran dan khilafah atas manhaj kenabian, bukan hanya sekadar terlucutnya daripada tangan kita syura dan keadilan, bahkan turut menghilangkan daripada hati kita makna ihsan di mana dengannya golongan *muhsinin* beribadah kepada Rab seolah-olah ia melihat-Nya. Perasaan takut terhadap manusia yang merupakan suatu kebodohan yang rendah martabatnya telah bertapak dan mengalih kedudukan rasa takut terhadap Allah ﷻ. Kalau bukan kerana rendahnya perasaan dan belas kasihan generasi Islam terhadap kesatuan ummah yang disebabkan oleh cintakan senang-lenang dan kesejahteraan

yang menipu, nescaya tidak akan jatuh pendirian kita dalam menjaga kedaulatan Islam sehinggalah perletakan jawatan tanpa syarat di kalangan penguasa menjadi sebagai suatu amalan agama. Dalam usaha kita memanjat ke ufuk berkenaan itu, kita tidak sekali-kali dapat mengembalikan kesatuan yang hilang, kekuatan yang lenyap patah, syura dan keadilan jika kita tidak mendidik diri kita sendiri di atas dasar iman dan ihsan.

Perkara ini bergantung kepada usaha menghidupkan semangat berjihad di kalangan kita. Tidak memadai dengan mengetahui apa yang sedang menyengat jasad dan kekuatan dalaman kita sekalipun pengetahuan berkaitan penyakit itu sesuatu keperluan yang terawal yang penting untuk rawatan pengubatan. Tidak memadai juga dengan mengetahui muatan bebanan sejarah dan fasa-fasanya kepada kita sekalipun pengetahuan ini merupakan syarat asas. Sesungguhnya kita hanya sembuh daripada penyakit yang berjangkit dan bebas daripada bebanan tanggungjawab yang tidak mampu dipikul dengan kesedaran keimanan, anugerah ihsan dan jihad. Dengan kesedaran dan anugerah kita ke arah jihad ini, kita perlu mengambil pengajaran daripada pengalaman sejarah dan juga perlu membentangkan natijah daripada bebanan kesilapan dan perkara negatif yang silam lalu kita keluarkan daripadanya pengajaran-pengajaran positif untuk lembaran sejarah yang baru.

Dan ketika itulah, kita memilih dengan kefahaman yang sempurna dan persediaan sesuai dengan tuntutan tugasan-tugasan yang besar. Apakah kita akan memilih masuk campur dengan sikap kita yang berpuak-puak, pemikiran kita yang tidak menyeluruh dan warisan perselisihan kita yang sedia ada dalam neraca kekuatan antarabangsa lalu alat kisaran mereka bakal mengisar kita atau kita memilih pendekatan yang harmoni, saling memahami dan saling bekerjasama, penyatuan

niat dan pemurnian keazaman untuk penyatuan ummah dan pengembalian semula apa yang telah hilang daripada entiti terawal ummah ini?

Apakah kita mahukan itu? Apakah kita mahukan itu? Apakah kita mahukan itu?

Telah disebutkan tentang kemampuan menentukan nasib sendiri dan kemampuan menghidupkan semula kejayaan ummah ini adalah tertakluk kepada hasrat dan kehendak yang berterusan. Sesungguhnya alat kisaran jahiliyah sememangnya mengisar jasad dan moral kita. Sesungguhnya berlanjutannya proses mengisar, menghancur robohkan dan ancaman penghapusan yang muktamad ke atas kita bakal mendorong cabaran itu kepada had maksimumnya. Apa yang kita perhatikan daripada pelbagai tindak balas yang tersangat hebat di kalangan mujahidin Afghanistan dan Lubnan serta permusuhan syaitan di Iran itu ia bukanlah satu pilihan yang penuh kesedaran, melainkan ia adalah janji-janjinya. Ia juga bukanlah proses ke arah penyatuan, bahkan ia adalah suatu permulaannya.

Sesungguhnya peristiwa-peristiwa tidak berhenti menunggu. Hakikat sejarah dan takdir Allah ﷻ terhadap manusia untuk saling bermusuhan antara satu sama lain membuka ruang bagi pelbagai gerakan untuk saling mengenali satu sama lain, pelbagai kemahuan saling berlawanan, putaran pelbagai roda kehidupan saling menyekat dan pelbagai proses saling tumpang tindih. Apabila kita memperkatakan tentang kesedaran iman, anugerah ihsan dan jihad, maka sesungguhnya kita tidaklah membayangkan fasa-fasa yang dilalui tentera Allah ﷻ di mana mereka merasakan ketenteraman menyendiri, bersihnya pergaulan dan kemanisan persaudaraan sunyi daripada hingar-bingar peristiwa, luar daripada sejarah yang huru-hara, menunggu sampai sempurnanya rekrut mereka untuk

memasuki medan di waktu kosong. Kita tidak membayangkan klinik untuk kita merawati penyakit-penyakit jiwa dan saki-baki fitnah dalam persekitaran udara yang disterilkan, kita tidaklah menyentuh sesiapa pun kerana takutkan penyakit menular sehingga betul-betul sembuh dan keimunan makin meningkat. Kita tidak membayangkan tempat persinggahan untuk berehat, pemulihan dan pengubahsuaian timbang beban muatan dan mengurangkan insiden kecelakaan.

Ketika mana saya berbicara tentang ufuk yang tinggi dan tunggangan catatan sejarah daripada sisi atas bukannya dari sisi bawah, maka saya bermaksudkan memasuki pertempuran yang sengit, mendaki jalan yang sukar, bergaul dengan masyarakat dan mengharungi jihad yang sengit. Kesemua perkara ini berlaku di mana masyarakat dalam keadaan lalai, tertipu oleh diri sendiri dalam kemalasan, pemikiran dalam keadaan saling berinteraksi satu sama lain, hala tuju siasah politik dalam pergelutan, kemunduran industri, ilmu pengetahuan dan ekonomi lapuk sejak berzaman pemerintah yang zalim yang membuat helah dalam tipu daya serta dari luar kisaran jahiliyah yang menghancurkan.

Kemampuan memilih, kemampuan menghidupkan dengan keinginan yang bersifatkan iman dan ihsan merupakan cahaya maknawi yang dilihat oleh tentera Allah ﷾ daripada celahan silauan peristiwa, peluang yang diambil oleh mereka, gendang perang yang menyeru daripada segenap pelusuk tempat tinggi dan arah dipalukan ke atas kita. Tiada suatu pun pelindung daripada ketentuan Allah ﷾ melainkan sesiapa yang mendapat rahmat-Nya. Dengan-Nya dan dengan Rasul-Nya jua kemuliaan umat.

Inilah wajah saudaramu yang berfahaman Syiah. Ini pula wajah saudaramu yang menyertai jemaah lain yang bukan

jemaah anda. Ini wajah saudaramu yang muslim dan muslimah yang tidak terasing daripada anda melainkan satu peringkat yang telah anda mendahuluinya. Dia menghulurkan tangannya kepada anda dalam keadaan malu dan berwaspada. Apakah anda memandang ke arah wajah-wajah ini dari sisi atas perkara yang mulia dan dorongan penyatuan dan persaudaraan? Apakah anda memandangnya dari sisi karangan kitab yang sarat dengan kesan-kesan pergelutan yang silam ketika mana satu gantang disukat dengan dua gantang? Apakah sejarah silam, peperangan sedang berkecamuk dan pelbagai perselisihan berkaitan cara, dasar pendekatan dan teknik telah merosakkan pandangan anda terhadap saudara-saudara anda sendiri? Apakah ia membuatkan anda berasa senang apabila kekuatan jahat yang mengerikan itu menghancurkan tempat tinggal anda? Anak anda menjadi yatim? Membunuh sifat kemanusiaan anda? Kemudian anda tidak terus pergi kepada satu-satunya tempat perlindungan iaitu al-Quran kitab Allah ﷻ, tali ikatan yang teguh yang menyatukan dan menyelamatkan? Sapulah bersih kekaburan taklid daripada mata anda, sapulah bersih daripada hati anda kelalaian yang menutupi daripada mengingati Allah ﷻ? Cabutlah daripada akal fikiran anda pemikiran yang beku jumud atas kebiasaan malas. Pandanglah wajah saudara anda dengan cermin yang penuh kasih sayang. Sesungguhnya pencemaran-pencemaran yang telah dilakukan oleh prasangka anda itu telah dibersihkan oleh kecintaannya kerana Allah ﷻ dan rasul-Nya, keimanannya dengan Allah ﷻ dan hari akhirat, pegangan dengan al-Quran, sikap mempertahankan tentang batasan Islam dan kemurahan hatinya dengan darah dan jihad bagi memenangkan agama Allah ﷻ.

Sesungguhnya musuh-musuh kita sedang memakan dunia kita seumpama memakan manisan yang enak. Sedangkan kita memakannya pahit sekali ditambah pula dengan kefakiran dan kehinaan. Kemudian kesedihan ini mencekik kehidupan

kita dengan dua cekikan: cekikan dunia yang disebabkan oleh kelemahan diri kita untuk berjihad dan cekikan akhirat yang disebabkan oleh sikap kita yang menyia-nyiakan penyatuan umat Nabi Muhammad ﷺ di mana penyatuan ini adalah suatu syarat bagi kelangsungan hidup kita.

TUNTUTAN SYARAK

Kegagalan penyatuan ummah berkait dengan perselisihan hukum. Sejarah telah melakarkan bahawa kelemahan Islam terkait dengan terlerainya perpaduan ini. Bahkan setiap peperangan yang berlaku sesama muslim, fitnah yang melibatkan mazhab, kemunculan puak yang menginkari iman dan zindik, pemesongan dalam aqidah, revolusi dan kekerasan juga bertitik tolak daripada perpecahan dalam tubuh ummah.

Aku menuliskan perkara ini di kala peperangan sengit lagi gila sedang berlaku di antara dua negara Islam iaitu Iran berslogankan Islam dan Iraq yang berbangga dengan kejayaan atas nama perkauman yang hanya berakhir setelah berlarutan selama tujuh tahun. Peperangan ini adalah satu fenomena "perpecahan yang tiada tandingnya" dalam sejarah dan merupakan bahagian daripada percikan apinya.

Apa yang kita saksikan dalam bencana atau malapetaka yang memeritkan ini di samping bencana-bencana lain yang berkaitan pembebasan al-Quds dan kegagalan para pemerintah diktator membela ummah dengan cara menghalang tercetusnya persatuan ummah yang dapat berjihad melawan musuh, membazirkan harta ummah, menyokong orang-orang kafir dan mengorbankan perkara-perkara yang disucikan dalam Islam demi menjaga tampuk pemerintahan ummah ini berpecah belah dan dihina. Kesemua perkara ini sedang bergejolak dalam perasaan halus kami sehingga mendorong kami untuk melihat semula *maqasid syariah* sepertimana yang telah disusun ole ulama kita sebelumnya.

Matlamat utama diutuskan para rasul kepada manusia adalah jelas lagi sempurna dalam kefahaman para sahabat pada

zaman Nabi dan zaman khalifah berdasarkan manhaj kenabian (*nubuwwah*) di mana manhaj ini hanya bertahan sekitar 30 tahun sahaja selepas kewafatan Rasulullah ﷺ. Matlamat mulia tersebut adalah jelas pada fikiran, hati dan niat mahupun amalan jihad sesuai sama seperti jelasnya al-Quran bersamaan dengan keterangannya yang jelas dan kelestariannya yang berterusan. Matlamat mulia ini tidak lain tidak bukan adalah menjadikan agama keseluruhannya untuk Allah, tidak melakukan fitnah atas muka bumi, menjadikan makhluk seluruhnya mentaati Allah bagi merealisasikan matlamat di sebalik penciptaan alam ini. "Tidak aku ciptakan jin dan manusia melainkan untuk beribadah" (Q.S. Al-Dhariyat 51:56). Umat yang satu memikul risalah bagi seluruh alam, menyampaikannya, menggembeling usaha dan bersatu padanya, menghukum dengan kandungannya.

Kesatuan matlamat pertama ini telah menghimpunkan daripada kabilah-kabilah Arab askar yang taat kerana Allah semata. Mereka telah disatukan dengan satu barisan, tujuan dan kesungguhan. Begitu juga mereka bersatu daripada sudut perasaan dan kefahaman, di mana isyarat dan jaminan penyatuan ini adalah berpegang kepada simpulan yang teguh iaitu kitab Allah yang fungsinya menyatukan bukan memecah belahkan. Baiat berdasarkan pilihan sendiri bukan atas dasar paksaan adalah janji yang dimeterai bersama dengan Nabi ﷺ kemudian para Khulafa al-Rashidin.

Sementara daripada aspek kefahaman tentang Allah dan pengakuan tentang iradat Allah terhadap alam semesta, Tuhan Yang Maha Berkuasa, yang tidak dapat dinafikan, kami berkata, "Nabi ﷺ sebelum wafat telah memberitahu kita bahawa khilafah tidak akan bertahan lebih daripada tiga dekad dan ikatan pemerintahan adalah ikatan Islam yang pertama terlerai serta kehancuran ummah akan berlaku di tangan anak-

anak kecil yang mana mereka ini adalah seburuk-buruk raja. Begitulah berlaku sebagaimana yang telah diputuskan dalam ilmu Allah."

Manakala daripada aspek tanggungjawab taklif syarak, kami berkata, "Orang Muslim telah kehilangan kesatuan syura, keadilan dan ihsan. Mereka selepas itu berpegang kepada satu pecahan komponen di bawah paksaan pedang. Mereka sama ada tunduk kepada pembawa pedang sesuai dengan wasiat Nabi ﷺ yang penuh belas kasihan mahupun bangkit melawan pemerintah. Kesemua perkara ini tertakluk kepada personaliti pemerintah sama ada layak ditaati atau tidak.

Daripada sudut pandang yang lebih jauh berkaitan iradat Allah terhadap alam semesta dan kekuasaan-Nya sebagai pentadbir sebagaimana yang dibawa oleh syarak, kami berkata, "Sesungguhnya umat Muhammad ﷺ di bawah pimpinan para ulama, orang-orang soleh dan orang-orang yang baik pada setiap masa bersungguh-sungguh mempertahankan dan memastikan kewujudannya dengan taufik daripada Allah ﷻ walau berdepan dengan bala penderitaan. Walaupun dengan penderitaan ekoran daripada kepincangan para hakim dan keluarnya Khawarij daripada jemaah, para filsuf yang zindik, serangan puak Qaramitah, Tatar dan penjajah, umat ini yang sentiasa bersemangat dan tahan diuji masih wujud walaupun mereka tidak berada di satu tempat. Umat ini djanjikan dengan kemenangan pada masa pemerintahan khilafah kedua, pada masa inilah akan nampak kesungguhan usaha untuk mendapatkan sebuah janji yang benar. Mudah-mudahan menemui penyelesaian yang hebat yang boleh dijadikan sebagai medium untuk mencapai matlamat dan juga apa yang telah direncanakan pada masa akan datang selari dengan perintah syarak. Moga Allah meletakkan tujuan dan

maqasid syarak sejajar dengan objektif Allah Yang Maha Suci berdasarkan kehendak-Nya yang mutlak.

Semasa perpaduan di kalangan muslimin mula terlerai di bawah u raja yang diktator lagi zalim, para fuqaha pada ketika itu tidak menyuarakan kepentingan dan keperluan kembali beralih arah kepada hukum syura kerana kuasa pemerintahan masih lagi berada di bawah pimpinan negara Islam, yang mana ianya benar-benar mempunyai hakikat pada kurun pertama dan ianya bersifat simbolik selepas beberapa bandar Islam menyatakan kemerdekaan sendiri. Masa pemerintahan Islam yang masih menyaksikan perpaduan dan persatuan ummah adalah masa pemerintahan keluarga Uthman rahimahullah.

Ulama terdahulu kita ketika membincangkan *maqasid syariah* tidak menyebutkan matlamat universal ini. Adapun pada zaman kita sekarang yang mana kuku dan gigi taring jahiliyah telah bermunculan, maka kita berasa sangat perlu mengembalikan semula persatuan. Sesungguhnya perkara ini adalah perkara hidup dan mati. Sesungguhnya ia adalah induk kepada semua matlamat dan syarat untuk merealisasikan matlamat yang lain.

Para ulama kami yang terdahulu memiliki sesuatu yang dikenang oleh orang ramai, iaitu berkaitan maruah dan juga kewibawaan. Mereka memiliki kemerdekaan dan negara. Mereka menjaga akan perkara ini dan langsung tidak mencercanya melalui tindakan walaupun ia berlawanan dengan kata hati. Mereka ingin menjaga perkara tersebut kerana di situlah kehidupan mereka, tempat berlindung, rumah dan senjata mereka Di bawah pemerintahan syura inilah mereka kekal menjaga saki-baki daripada simpulan persatuan Islam. Oleh sebab inilah, kami mendedahkan hakikat kehidupan mereka ketika membincangkan *maqasid syariah* sebagai salah satu bentuk penjagaan. Kami membaca bahawa sesungguhnya

maqasid syariah adalah begini dan begitu ianya menjaga banyak hal.

Adapun kita, maka negeri-negeri kecil yang mempunyai kuasa besar telah menjual kita sama ada terperinci atau tidak kepada kuasa jahiliyah yang tidak mengakui kedaulatan ummah ini termasuk rumah, atap dan senjatanya. Ummah ini tidak dapat berterusan hidup dalam kehinaan kecuali ia ditindas dan dipaksa sama ada reda atau tidak dengan meminta perlindungan daripada syaitan yang terkutuk.

Oleh itu, untuk menyatakan bahawa *maqasid syariah* adalah tuntutan dan bukan hanya untuk dijaga, kami berkata, "Tuntutan *maqasid* adalah begitu dan begini. Adalah penting bagi kami untuk merancang kembali meletakkan hukum-hukum syarak pada kedudukan yang mulia dan terhormat, begitu juga kami melihat perintah Allah ini daripada sudut tuntutan dan bukan sekadar untuk dijaga. Oleh itu, kami senaraikan medium-medium bagi pendidikan, praktikal, material yang mampu membantu untuk merealisasikan tuntutan syarak ini. Kami mencari jemaah atau persatuan yang bertanggungjawab untuk mengembangkan tuntutan ini, mengenalpasti prioriti terhadap apa yang dituntut dan juga halangan yang perlu dihadapi. Begitu juga cuba dikenali pasti cabaran yang dibawa oleh dunia jahiliyah yang boleh menghalang negara Islam daripada terus kekal. Turut dikenal pasti ialah peringkat-peringkat tuntutan dan juga cabaran merealisasikannya serta cabaran masa yang berlalu dengan pantas.

Para ulama kami yang mulia -moga Allah merahmati dan memberi ganjaran kepada mereka- sentiasa mengulangi kaji *maqasid syariah* secara menyeluruh meliputi seluruh pecahannya. Terdapat bab dalam pelbagai kitab hadis dan kitab

fiqah yang berkaitan pemerintahan dan jihad dan lain-lain bab. Bab ini tidaklah menggeser kedudukan simpulan pemerintahan sebagai salah satu *maqasid* yang menjaga kesemua simpulan *maqasid.* Ulama kita dalam usaha mereka berjuang menentang kemahuan pemerintah terpaksa mengalihkan perhatian untuk sementara waktu daripada masalah pemerintahan supaya tugas mereka dalam menjaganya lebih ditumpukan.

Apabila mereka menyempitkan fahaman kepada isu berkaitan hukum, maka menjadi sempit jugalah fahaman terhadap keseluruhan perkara agama yang sepatutnya berada pada tahap yang tinggi. Harapan kami agar Allah membuka jalan yang luas untuk kami menjadikan al-Quran sebagai rujukan hukum di mana kami melihat daripada atas tentang kepentingan persatuan yang tidak mungkin tercapai melainkan dengan hukum syura yang merupakan satu-satunya jaminan yang dapat memartabatkan keadilan dan ihsan.

Imam al-Ghazali adalah individu pertama yang menyenarai *maqasid syariah* dan mengklasifikasikannya secara formaliti, walhal pada ketika itu terdapat ramai ahli al-Quran. Kemudian penyusunan ilmu ini juga turut tercatat antara ilmu-ilmu usul yang ditulis oleh Imam al-Shatibi pada kurun kelapan, yang mana ia menjadi ikutan dan rujukan pada hari ini tanpa membuat apa-apa penambahbaikan padanya.

Di sini kami Insya-Allah akan memberi satu atau dua pendapat, kami berasa takut dengan alim yang mulia ini yang mana ia termasuk dalam kalangan ilmuan yang memiliki kepakaran yang tinggi, ketakwaan dan pengetahuan yang luas. Namun sakit dan obsesi yang ada pada diri kami tidak memberi peluang untuk berasa malu. Boleh jadi kerana kami bukan pakar bidang, maka kami lebih reda mengikuti apa yang dilakukan oleh nenek moyang kami.

Kami dapati apa yang dizahirkan oleh Tuan Guru kami yang pakar dalam bidang ilmu usul fiqah adalah pendekatan memelihara dan berdiam diri yang mana hanya Allah yang mengetahui penderitaan yang menanti ekoran hidup di bawah kekuasaan raja-raja yang berpuak-puak. Beliau hidup pada masa dan tempat yang bergolak serta para penguasa yang tidak ada malu melakukan kerosakan. Beliau rahimahullah menulis pada penutup kitabnya "al-Muwafaqat" kata-kata berikut:

> "Sesungguhnya terdapat banyak perkara yang tidak dapat disebut, kerana bukan mudah bagi kebanyakan penuntut ilmu memahami maksudnya, dan sedikti sekali di kalangan orang yang dahaga ilmu mahukannya. Aku khuatiri tidak akan ada orang yang datang kepada sumbernya, sebagaimana mereka tidak berusaha untuk mengetahui hakikatnya yang sebenar. Oleh itu, aku pun menangguhkan penjelasannya kepada masa-masa lain yang sesuai. Aku pun menjadikan pena dan minda ini berehat daripada mencuba untuk menghasilkan sesuatu gambaran terhadapnya. Walaupun demikian, dalam kitab ini terdapat pelbagai tanda-tanda petunjuk dan juga sinaran yang akan menjelaskan."

Pelbagai masalah yang ditangguhkan penjelasannya melalui tulisan penanya walaupun ketika itu ia mempunyai semangat dan kecenderungan untuk menulisnya. Apakah masalah tersebut termasuk dalam bahagian kecil sesuatu ilmu dan ianya adalah sesuatu yang langka dalam ilmu tersebut ataukah ianya adalah perkara-perkara usul agama yang bersifat menyeluruh yang mana para ahli fiqah yang hidup pada zamannya enggan untuk menceburi ruang lingkup perbahasannya? Jenis makanan apakah yang tersangkut dalam kerongkongan mujtahid hebat ini yang dianggap sebagai kebanggaan abad-abad terakhir ini,

bahkan ia adalah salah satu ulama besar yang mensinerjikan ilmu naqli dan aqli dan memperoleh cahaya daripada telaga Sunah.

Yang mana satukah persoalan yang didiamkan dan yang tidak disebut kerana "tidak mudah bagi kebanyakan orang yang mahukan perkara ini dapat menggalas tanggungjawab pendedahannya"?

Ia adalah kata-kata maaf yang dikemukakan rahimahullah pada akhir kitabnya ditujukan kepada para pembaca yang memiliki keazaman yang tinggi sebagaimana beliau. Mereka yang berasa perit daripada hilangnya keazaman dan "kurangnya orang yang mahu mengambil berat perkara tersebut". Ummah yang ketika itu amat dahaga kepada kebenaran terhalang untuk mendapatkannya kerana kejumudan para ahli taklid dan perselisihan orang-orang yang menceburi ilmu fiqah yang disibukkan oleh perkara-perkara cabang (furu') sehinggakan mereka sukar menerima fiqah usuli yang langsung mengambil pendalilan daripada al-Quran dan Sunah, menyebutkan ilat pelbagai hukum, menghimpunkan masalah-masalah fiqah yang sejenis, mengeluarkan kaedah-kaedah usuli untuk menunjukkan bahawa agama ini mempunyai *maqasid* yang bersifat menyeluruh dan boleh diterima oleh akal sihat.
Pemikiran seumpama ini tidak mungkin boleh dicapai oleh individu yang rendah pemikirannya, yang tidak faham akan keperluan semasa, yang tidak akan pernah bertanya serta mencari sebab musabab.

Tuan guru kami menyebut pada pendahuluan kitabnya, meluahkan perasaan:

> "Wahai pencari kebenaran ilmu yang benar lagi tinggi, yang mahukan natijah sepertimana yang diimpikan, yang dahagakan kefahaman yang

> sebenar, yang ingin memahami makna yang tersurat dan makna yang tersirat. Inilah masanya bagi kamu untuk mendengarkan orang yang mempunyai hasrat yang sama dengan hasratmu, berkongsi sama dengannya tentang impian yang sama, saling berbisik-bisik tentang sesuatu perkara sehinggakan ia pun mengadukan kondisinya kepadamu supaya engkau berlari sama dengannya melalui jalan ini dan kalian berjalan bersama di bawah cahaya *maqasid* yang memberi terang dalam kegelapan."

Lelaki ini mahu melihat dari ufuk atas di mana ia mahukan "hakikat ilmu yang paling mulia." Ia mendapati sedikit orang yang memahami kemahuannya dan mempunyai kemampuan yang sama dalam memartabatkan hakikat ini. Ia juga tidak mendapati orang yang mempunyai obsesi dan bebanan yang sama dengan dirinya dalam zamannya. Ia seolah-olah seperti berjalan seorang diri di padang pasir, di mana rata-rata yang lain masih selesa menjadi pengikut (ahli taklid) dan seolah-oleh tiada kehendak.

Beliau rahimahullah bermonolog sendirian:

> "Dia telah menempuh perjalanan jauh di padang pasir dalam mencarai maksud ini, ia juga berdepan dengan penentangan dan perselisihan antara yang menyokong dan membantah. Jika kamu mahu, boleh sahaja kamu membuang dan meninggalkannya dek kerana keletihan dan kepayahan, atau kerana tiada minat dan keinginan. Perkara ini boleh disimpulkan bahawa perkara buruk yang didapati oleh orang yang berjalan dalam jalan ini adalah kehilangan petunjuk di

> mana minda turut kehilangan cahaya al-Furqan dan hati yang sakit dikejutkan dengan pelbagai musibah sehinggakan ia berjalan dengan pincang dan tidak bersandarkan kepada mana-mana puak atau kabilah."

Sesungguhnya yang menjadi penghalang kepada alim mujtahid ialah penentangan daripada mereka yang jumud (tidak mahu berubah), di mana perkara ini membawa kepada pertikaian dan pertelingkahan yang cukup meletihkan. Sebagai contoh tuan guru kami berasa tidak selesa dengan perselisihan dan pertelingkahan masalah fiqah sebegini rupa. Tetapi pada masa yang sama, beliau sedih akan kehilangan ilmu ini disebabkan oleh kejumudan meraka yang mahir dalam bidang, juga disebabkan kehilangan *maqasid syariah* kerana kejumudan yang melampau, begitu juga dengan pemimpin yang keterlaluan hasil daripada tidak berpegang kepada ilmu, memberi fokus kepada perkara-perkara kecil yang tidak penting, juga menyelesaikan perselisihan dan pertelingkahan tanpa mengikut keutamaan.

Tuan guru kami telah mengejutkan mereka yang sedang lena ini tetapi tidak disahut. Akhirnya beliau menuju apa yang diazamkan bersendirian. Ada masa beliau lantang bersuara, ada masa hanya mampu membisu, atau hanya memberi isyarat atau hanya mampu mengadu. Langsung tiada tempat untuk bersandar meluahkan rasa. Adalah perlu kami terus-menerus mengulangi bait-bait ayat atau menerangkan isyarat pada bila-bila masa dan mana-mana bandar di mana orang Islam ketika itu di bawah pemeritahan raja yang kehilangan orang yang mampu menggerakkan rakyat untuk bangkit melawan? Tetapi kebodohan yang melampau daripada orang-orang yang hidup pada zaman syeikh imam adalah mereka yang hanya duduk diam serta melihat kepada kezaliman yang dilakukan ke atas

Andalus tanpa rasa bersalah. Mereka adalah orang-orang yang tidak punya kepedulian sosial terhadap saudara-saudara Muslim yang tertindas. Jika beginilah keadaannya, kita hanya mengikut ijtihad ulama-ulama terdahulu -moga Allah memberi keampunan kepada kita dan mereka- tanpa kita meletakkan apa-apa tuntutan atau tidak membuat apa-apa perancangan.

Pada masa dan ketika itu, masih terdapat pelbagai cabaran dan dugaan yang melanda, tiada pula pemerintah yang mampu berdepan dengan penentangan terhadap agama secara menyeluruh. Sedangkan Islam adalah agama yang melindung, mempunyai kedudukan dan keistimewaan di sisi umat sejagat termasuklah di sisi mereka yang jumud. Adapun pada masa dan ketika ini, agama dipisahkan daripada dasar dan diperangi secara menyeluruh; politik, ekonomi, pengetahuan, penyebaran maklumat yang mengancam dan memusnah agama. Justeru apa faedah kami duduk bersama syeikh yang penuh iman, berilmu dan amat mencintai agama, mendampinginya dan bertelaah daripadanya pada ketika tiada orang yang ingin berkongsi azam dan cita-cita bersamanya. Jika kami tidak mengambil faedah dengan mendampinginya demi untuk mendapatkan ilmu pengetahuan tentang Allah, agama dan *maqasid syariah*, dan tidak cukup sekadar kita menjaga atau memelihara semua yang kita dapat, bahkan kita perlu memberi nafas baru dan bangkit mempertahankan agama daripada musuh, agar kebergantungan kita kepada kitab Allah dan Sunah Rasulullah ﷺ sentiasa mekar kerana dengan keduanyalah kita sandarkan segala keterangan, tuntutan dan usaha sebagaimana yang dilakukan oleh rahimahullah?

MAQASID SYARIAH

Imam al-Shatibi pada permulaan "Kitab al-Maqasid" iaitu intipati penting bagi karya beliau "al-Muqafaqat" menyuarakan, "*Maqasid* terbahagi kepada dua bahagian: Yang pertama merujuk kepada matlamat Allah, dan yang kedua merujuk kepada matlamat *mukallaf* yang dipertanggungjawabkan" Huraian ini dijelaskan dalam pendahuluannya, di mana penulis rahimahullah menyebut perkara yang dipersetujui bersama sebagai mukadimah setiap perbincangan beliau dalam kitab tersebut sepertimana berikut, "Sesungguhnya syarak itu disediakan untuk kemaslahatan hamba sama ada dalam masa jangka pendek mahupun masa jangka panjang". Yang dimaksudnya dengan jangka pendek ialah kehidupan di dunia dan jangka panjang ialah kehidupan di akhirat. Pada hari ini, pemikiran orang muslim telah ditewaskan sebagaimana tertewasnya ketenteraan (pejuang Islam di Afghanistan, tanpa mereka mungkin kita terlupa sebenarnya kita masih lagi ada para lelaki yang berani). Buku ini banyak membincangkan *maqasid syariah* antaranya ialah berkaitan "menjaga agama" di mana penulisnya mempertahankan "keaslian Islam" sama ada daripada aspek nas-nasnya mahupun penghujahannya yang menunjukkan Islam adalah agama menjaga kebajikan dan bertamadun. Seterusnya dibuat perbandingan antara syariat atau peraturan Islam dengan syariat atau peraturan ciptaan manusia. Kesemua itu hanya mementingkan aspek kehidupan dunia, langsung tidak menyebut tentang akhirat, hari kebangkitan, perhitungan amal, syurga, neraka, tidak menitikberatkan tentang "perkara ghaib" sedangkan ia berkaitan dengan kemaslahatan seseorang hamba. Juga tidak diperincikan tentang "kebahagian" dan bagaimana meneruskan tahap-tahap kehidupan yang melibatkan selok belok pengeluaran, pelaburan, sumber penjanaan dan juga

strategi pembuatan. Ia ditutup oleh “sesuatu” dan tidak diberi perhatian sehingga tidak menampakkan keistimewaan Islam itu, maka jadilah Islam itu hanya berlegar dalam konteks ekonomi dan politik atau apa-apa klasifikasi moden yang lain. Sementara hal berkaitan hari akhirat disembunyikan, tiada dibicarakan tentang hari pembalasan, dan kekal perkara itu tidak disukai sepertimana yang dilakukan oleh orang jahiliyah terdahulu. Boleh jadi mereka yang menentang Islam, penulis, pemikir dan pencetus “sesuatu” langsung tidak menyentuh tentang elemen beriman dengan Allah mahupun hari akhirat, seumpama mereka menghitung perkara tersembunyi yang berlaku dek kumpulan Batiniyah ketika itu kerana terlalu ingin menyembunyikannya seolah-olah perkara tersebut adalah perkara yang salah dan sesat.

Karya-karya “Islam” telah mengetepikan berbicara tentang hari akhirat –kami berlindung dengan Allah- sebaliknya membandingkan kebajikan dan jaminan peraturan antara pelbagai peraturan yang datang daripada dunia timur berlandaskan wahyu dan risalah kenabian dengan yang datang daripada dunia barat yang mengambil berat perkara maslahat dan mengabaikan keimanan. Buanglah segala isyarat berkaitan wahyu dan perkara-perkara ghaibnya supaya anda dapat diterima oleh para pembaca anda. Sejahteralah ke atas dakwah! Sejahteralah ke atas agama!

Walaupun rentak pengucapan pada kurun kelapan dilihat berbentuk penjagaan dan tidak disebarkan, namun suasana ini tidak mampu mengalih fokus daripada terus menyebut tentang Allah, hari akhirat dan juga hari pembalasan, sehingga ia diterima oleh orang Islam. Mereka inilah sebenar pejuang yang berjuang untuk dakwah, menyeru ke arah iman, walaupun suasana pada ketika itu cenderung kea rah fiqah dan undang- undang.

Keistimewaan ini menjadi kelebihan kepada kami kerana mereka tidak menyukai individu yang memiliki iman dan keyakinan tinggi kepada Allah, walaupun mereka tinggal dalam suasana yang tidak selesa di bawah pimpinan pemerintah yang gagal serta memiliki pemikiran yang tidak agresif.

Maqasid Syariah daripada sudut pandang al-Shatibi berlegar pada dua elemen iaitu tujuan syarak dan tujuan *mukallaf* yang dipertanggungjawabkan. Kami terima pembahagian ini kerana pecahan-pecahannya lengkap. Dan kami berpegang pada pembahagian ini dan kami hiasinya dengan al-Quran dan Sunah.

Pembahagian pertama ialah membezakan antara tujuan atau kehendak atau ketetapan Allah terhadap alam semesta dan tujuan atau kehendak Allah terhadap syarak. Qada Allah adalah suatu ketetapan sejak azali yang tetap akan berlaku dan tidak dihalang oleh qadar. Kehendak Allah sebagai Pentadbir Yang Maha Bijak telah menjadikan dunia sebagai medan ujian, soalan-soalan bagi ujian ini adalah susah, jawapannya sesuai dengan kapasiti anda sebagai makhluk "Apa jua kebaikan (nikmat kesenangan) yang engkau dapati maka ia adalah dari Allah; dan apa jua bencana yang menimpamu maka ia adalah dari (kesalahan) dirimu sendiri." (Q.S. Al-Nisa' 4:79). Puak Qadariyah telah binasa kerana mereka menyangkal ketetapan (qada) Allah, puak Jabariyah pula binasa kerana mengingkari akan pilihan tindakan seseorang hamba, begitu juga puak Murjiah binasa kerana mengingkari balasan terhadap perbuatan sebagaimana yang disebut dalam al-Quran.

Adapun tujuan syarak Allah adalah merujuk kepada perintah dan larangan-Nya sebagaimana yang didatangkan dalam al-Quran dan Sunah. Perintah dan larangan ini berkait rapat dengan hukum wajib dan perkara yang digalakkan, atau haram

dan perkara yang tidak disukai, atau Allah Taala meluaskan lagi kepada perkara yang harus dan perkara yang dimaafkan.

Kedua-dua tujuan ini terkait dengan kekuasaan dan kebijaksanaan Allah, tiada kaitan dengan kuasa hamba dan segala perbuatan mereka sama ada yang baik mahupun yang tidak baik semuanya telah berada dalam catatan, bahkan dengan kehendak Allah ia boleh menjadi pedoman bagi mereka yang menjadikannya sebagai petunjuk dan boleh menjadi kesesatan bagi mereka yang terpedaya dengan fitnah. Manakala tujuan pertanggungjawaban (*mukallaf*) berlegar kepada dua, pertama: berkaitan kedudukan sebenar seseorang *mukallaf* di sisi Allah tekait dengan niat yang benar mahupun niat yang rosak terhadap Pencipta Yang Memberi Rezeki: sama ada dia muslim mukmin, atau musyrik kafir, atau munafik yang dikembalikan ke serendah-rendah peringkat. Kedua: berkaitan dengan pecahan amalan-amalan yang baik atau buruk. Setiap daripada amalan ini ada balasannya, ada yang mengundang kemurkaan Allah walau bagaimanapun muslim tidak kekal dalam neraka, ada yang membawa kepada *taqarrub* (dekat) kepada Allah dan masuk ke dalam syurga-Nya dengan wajah yang bercahaya.

Tujuan pertanggungjawaban *mukallaf* diukur dengan hati dan kebenaran, atau ingkar dan dusta terhadap para rasul. Akidah ini adalah yang asal. Ia adalah pengukur kepada bahagia atau celaka di akhirat kelak meskipun orang Islam berdepan dengan pelbagai kesusahan semasa perjalanan hidup sedangkan "hasil usaha" berada di tangan orang kafir.

Kita berhenti sejenak di sini untuk melihat sejauh mana penyelewengan orang-orang yang menyimpang daripada jalan orang-orang beriman di dunia. Orang mukmin yang lemah dapat "Berjaya di akhirat meskipun ia lari ke kemuncak gunung untuk menyembah Allah dan menjauhi kejahatan

manusia. Orang mukmin yang kuat berusaha memiliki “hak harta” di dunia yang cukup di mana harta itu menguatkan ummah. Orang yang binasa yang menyimpang daripada kebenaran iman adalah lalai daripada mengingati akhirat atau disibukkan dengan “harta” dunia sehinggakan lupa kepada diri sendiri dan Allah yang pada akhirnya akidah dan amalan orang ini terjejas. Orang seperti ini ketika berada di pentas politik, ekonomi dan pembangunan tidak akan menyebut nama Allah dalam menyuarakan tuntutan-tuntutan lazim ini.

Kita berhenti sejenak selepas ini untuk bertanya dimanakah titik pertembungan antara matlamat syarak dengan matlamat *mukallaf,* dimanakah kedua-duanya sepatutnya bertembung supaya maslahat hamba terpenuhi di dunia mahupun di akhirat? Qada Allah pasty berlaku begitu pula dengan qadar-Nya sama ada *mukallaf* taat atau derhaka, beriman atau kafir, reda atau enggan. Jika matlamat hidup manusia bercanggah dengan kehendak Allah secara syarak, maka amalan manusia tidak dapat berlepas diri daripada *sunnatullah.* Baginda Rasulullah ﷺ bersabda melalui hadis *muttafaq alaih* (متفق عليه) daripada riwayat Ali k.w.:

«اعْمَلُوا فَكُلٌّ مُيَسَّرٌ لِمَا خُلِقَ لَهُ».

> “Berbuatlah! Setiap makhluk Allah mendapatkan kemudahan sesuai dengan matlamat penciptaann-ya.”
>
> (Bukhari. Ali bin Abi Talib. Juz’ 6. Hadis, no: 4949).

Pertembungan antara bahagia dan taufik Allah berlaku sekiranya matlamat dan niat *mukallaf* adalah selari dalam beramal sesuai dengan perintah Allah dan Rasul-Nya ﷺ. Walau bagaimanapun natijah yang terhasil daripada qadar Allah, seorang hamba tetap reda menerima sepanjang ia tidak

berleka-leka dalam melaksanakan kewajipan yang difardukan oleh Allah ﷻ, meminta keampunan daripada dosa dan kesilapan dalam berijtihad.

Ketika kami membahaskan pelbagai sebab yang mendorong para salaf soleh -moga Allah reda ke atas mereka- mendengar dan taat kepada para penguasa yang zalim, padahal mereka adalah orang fasid yang menjadi sebab daripada kehancuran ummah ini, kita mengingatkan bahawa sesungguhnya qadar Allah berkaitan sejarah umat Islam telah diketahui oleh baginda Rasulullah ﷺ dan diberitakannya serta mewasiatkan supaya qadar tersebut diterima sehinggakan amalan orang-orang Islam selari dengan iradat Tuhan Yang Maha Perkasa dan mendapat rahmat dan penjagaan daripada-Nya. Mereka dalam mana-mana kondisi mendapatkan ganjaran pahala; diganjari pahala daripada diam, turut diganjari juga orang yang berbeza pandangan dengannya dalam perkara qadar, diganjari juga pahala kepada orang yang berijtihad dengan jujur dalam memerangi kemungkaran sama ada dengan kekuatan atau memilih berkhalwat di gunung-ganang, insya-Allah.

Perjumpaan dengan Allah juga adalah bahagian daripada qadar-Nya, manakala niat mencermikan keikhlasan kepada Allah, beramal dengan bersungguh-sungguh dan hidup berinteraksi secara positif dengan pelbagai kejadian. Kalah tanpa syarat dan hidup dalam kemunafikan adalah qadar Allah bagi orang-orang yang menganut fahaman Jabariyah sama ada berlandaskan akidah atau kerana didorong oleh rasa takut. Kedua-dua pola hidup Jabariyah seperti ini kebanyakannya saling menyokong antara satu sama lain. Kerana suatu sebab, kita mendapati "orang-orang yang melihat dirinya terkedepan" daripada sosialis dan nasionalis pada zaman ini menyebut Muktazilah Qadariyah, memuji kepintaran dan revolusi mereka. Ini adalah salah satu bentuk penyelewengan dalam zaman moden ini,

penyelewengan yang membawa padah kepada ummah selepas nilai syura, adil dan ihsan merosot yang mana agama mulai diingkari dan diperangi.

Di antara pengikut Jabariyah pada zaman ini adalah orang yang malas dan takut, sekiranya anda bertanya kepadanya, “Apakah anda mahu Islam ini mempunyai negara yang berdaulat dan agama tetap untuk Allah semata?” Dia akan menjawab, “Tentu mahu, dan ianya adalah seribu kemuliaan!” Jika sekiranya seperti itu, kenapa anda tidak menyokong kami supaya kita boleh bekerjasama dalam menegakkan agama Allah? Dia akan menjawab bahawa sesungguhnya Allah adalah mampu -sekiranya Dia mahu- untuk memperlihatkan hasil daripada perkara yang menjadikan dirimu berasa penat dan keletihan. Mereka adalah orang-orang kafir yang dilaknat Allah sepertimana dalam Q.S. Al-Nahl ayat 35:

لَوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَا عَبَدْنَا مِن دُونِهِۦ مِن شَىْءٍ نَّحْنُ وَلَآ
ءَابَآؤُنَا وَلَا حَرَّمْنَا مِن دُونِهِۦ مِن شَىْءٍ

Bermaksud:

“Jika Allah menghendaki, nescaya kami tidak akan menyembah sesuatu apa pun selain Dia, baik kami mahupun bapa-bapa kami dan tidak pula kami mengharamkan sesuatu tanpa (izin)-Nya.”

Keadaan golongan yang kufur kepada nikmat Allah di kalangan para pengecut yang hanya berdiam diri sentiasa mengulangi ucapan yang pernah disebut sebelumnya oleh mereka yang kisahnya diceritakan Allah melalui firman-Nya berikut ini:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ أَنفِقُوا۟ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ قَالَ ٱلَّذِينَ
كَفَرُوا۟ لِلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَنُطْعِمُ مَن لَّوْ يَشَآءُ ٱللَّهُ
أَطْعَمَهُۥٓ إِنْ أَنتُمْ إِلَّا فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٤٧﴾

> Maksudnya:
>
> Dan apabila dikatakan kepada mereka, "Dermakanlah sebahagian daripada rezeki yang dikurniakan Allah kepada kamu," berkatalah orang-orang yang kafir itu kepada orang-orang yang beriman (secara mengejek-ejek), "Patutkah kami memberi makan kepada orang yang jika Allah kehendaki tentulah ia kan memberinya makan? Kamu ini hanyalah berada dalam kesesatan yang nyata." (Surah Yasin, ayat 47).

Niat mereka (semoga Allah merahmati mereka) penuh dengan keikhlasan kepada Allah ﷻ. Inilah sangka baik terhadap tiga kurun-kurun awal yang mulia dan begitu juga terhadap golongan salaf selepas mereka. Tiadalah kedudukan golongan zindiq, akidah-akidah yang bid'ah dan golongan yang mengelilingi para pemerintah yang mengalunkan nada nifak melainkan hanya berada di pinggiran masyarakat yang mulia dalam kelompok ulama yang sentiasa melakukan perkara-perkara yang baik.

Keberadaan masyarakat seperti ini yang dikelilingi golongan yang baik dan keteguhan pendirian para ulama di hadapan para pemerintah yang menghukum dengan hawa nafsu (semoga dengan keduanya Allah akan memelihara *maqasid syariah* daripada musnah dan semoga Allah memeliharanya dengan takwa para *muttaqin* dan iman keseluruhan mereka terhadap hari akhirat dan Tuhan sekalian alam).

Sesungguhnya kita, ketika membicarakan tentang kejatuhan dalam sejarah, tentang terurainya ikatan pemerintahan di waktu yang awal, tentang tugasan amar makruf nahi mungkar yang telah lenyap dari medan pemerintahan autokrasi yang zalim,

tentang pemikiran yang terpecah-pecah, tanah mereka yang saling terpisah antara satu sama lain dengan garis sempadan, dan kefahaman tentang agama yang tidak utuh, semuanya ini adalah hasil daripada ikatan pertama (ikatan pemerintahan) yang terungkai. Tidak diragukan lagi terselamatnya umat yang dirahmati ini disebabkan *inayah* Allah ﷻ. Bahkan Allah ﷻ akan sentiasa menjaganya agar terus wujud. Direkodkan juga sebagai takdir bagi umat ini segala kemenangan dan pencapaiannya dalam membebaskan manusia daripada penyembahan berhala dan menyelamatkan mereka daripada pelbagai musibah. Keselamatan yang bersejarah ini tidak akan decemari oleh kejahatan pemerintah. Kekalahan dalam sejarah pada suatu masa juga tidak dapat merosakkan bahtera keselamatan ini. Begitu juga usaha amar makruf dan nahi mungkar yang kurang memberangsangkan daripada kalangan pemerintahan tidak dapat merosak fungsi semasa jawatan-jawatan vital yang berusaha membersihkan kejahatan daripada masyarakat. Ketiadaan syura di peringkat atasan juga tidak menghalang daripada kewujudan usaha di peringkat bawah. Penindasan sosial yang terhasil daripada penindasan politik ke atas umat Islam juga tidak dapat menghapuskan keislaman mereka. Hal ini kerana agama Islam adalah agama yang adil dan agama yang bersifat ihsan.

Kekuatan yang memelihara ini ialah pemeliharaan Allah ﷻ terhadap umat ini dalam bentuk keimanan kepada Allah ﷻ dan keimanan kepada hari akhirat. Keimanan kepada kebangkitan semula manusia di hari akhirat adalah pendorong yang kuat dan mampu memelihara seseorang daripada terseleweng dan terpengaruh dengan pelbagai cabaran yang kita lihat pada zaman ini. Suasana secara amnya adalah suasana keimanan. Pandangan masyarakat umum menjadi pandangan keimanan. Keimanan kepada hari akhirat dan segala hakikatnya juga dapat dirasai kewujudannya dalam kehidupan masyarakat

sehari-hari. Begitu juga dalam perlaksanaan ibadat dan urusan jual beli mereka.

Maqasid syariah telah difahami secara umum atau sebagaimana yang diterangkan oleh seorang ulama fiqah dan usul fiqah iaitu guru kita, al-Shatibi. Maka mantaplah kefahaman tentang *maqasid syariah* itu dan keterangan tentangnya sekitar maslahat dunia dan akhirat dapat berpadu tanpa dipisahkan. Masing-masing saling melengkapkan dan saling menyokong.

Al-Shatibi telah memberi penerangan yang elok, semoga Allah ﷻ memberikan kebaikan kepadanya, tentang *maqasid syariah* yang bersifat *daruriyyat* (wajib terpenuhi). Beliau berkata:

> "*Al-Daruriyyat* memberi maksud sesuatu yang penting dalam menjaga maslahat agama dan dunia. Sekiranya ia tiada, maka maslahat dunia tidak akan wujud dengan baik. Bahkan ketiadaan *al-Daruriyyat* akan membawa kepada kemusnahan dan huru-hara, pertumpahan darah dan kehilangan nyawa. Dan pada hari akhirat tiada keselamatan dan nikmat syurga serta berakhir dengan kerugian yang nyata."

Dunia bagi mereka adalah dibina berasaskan akhirat. Akhirat pula diandaikan kesudahannya berpandukan keadaan di dunia. Perlaksanaan syariat dapat menjamin maslahat hamba-hamba Allah ﷻ secara syumul dan tidak boleh dipisah-pisahkan.

Analisa terhadap sejarah yang tidak boleh dilihat dengan sebelah mata. Sebagai contoh, pandangan keduniaan semata-mata yang mengabaikan perkara akhirat, menghakimi sejarah umat Islam hanya kepada aspek politik, sosial dan ekonomi yang diukur dengan materi di dunia yang bertunjangkan hukum

sebab akibat. Ia adalah dunia yang segala hukum hakamnya dilaksanakan ke atas semua makhluk. Analisis materialistik (kebendaan) ini terhadap masa lepas yang dikritik itu telah menggambarkan gambaran masa depan yang sunyi daripada sebutan tentang akhirat dan hubungannya dengan maslahat dunia. Maka, tiba-tiba suatu model yang dicadangkan bagi umat Islam hanyalah suatu naskah yang buruk tentang tamadun jahiliyyah kini dengan pengisian yang ada padanya berupa pembangunan, pembuatan, produktiviti dan pengagihannya. Turut didapati di dalam tamadun ini syura" dalam bentuk yang menyerupai demokrasi dan keadilan yang menyerupai sosialis. Istilah-istilah yang diterima ramai telah menutup pemikiran-pemikiran yang lupa tentang akhirat di kalangan penulis-penulis moden. Maka matlamat kejadian manusia dan jin iaitu ibadah secara tidak langsung telah dilupakan. Ibn Abbas RA pernah berkata:

> "Maksud ibadah itu ialah mengenal Allah ﷾ sebagaimana dalam firman-Nya yang bermaksud: "Tidak Aku jadikan jin dan manusia melainkan supaya mereka beribadat kepadaku."

Para cendekiawan Islam pada zaman kita ini, dalam penulisan mereka banyak membicarakan tentang *maqasid syariah*, kecemerlangannya dan kemajuannya mendahului undang-undang terkini ciptaan manusia sejak lebih 14 kurun dari aspek kemudahannya, fleksibiliti dan komprehensif. Ucapan yang mengagungkan ini lupa bahawa perbandingan syariat Allah ﷾ dengan undang-undang manusia telah menjatuhkan syariat samawi ini ke alam ciptaan makhluk dan pasarnya yang hina.

Perbicaraan tentang tujuan-tujuan keduniaan yang direal-isasikan oleh syarak dengan melupakan matlamat ukhrawi tel-

ah gagal bahkan telah melarikan kalam Allah dari maksudnya yang asal.

Dalam bab ini, kami dapati para salaf kami adalah ulama yang bersatu. Sepatutnya kami mengkagumi mereka di atas kesatuan mereka dalam menuju Allah ﷾, satu suara dalam mengingati Allah ﷾, dalam mengutamakan aspek akhirat dan mengingatinya. Pada setiap perenggan dalam kitab seumpama kitab al-Shatibi disebutkan lafaz Allah ﷾. Dalam setiap fasal daripada semua fasal dalam bukunya terdapat perkaitan antara kerja dunia dan akhirat. Pada seluruh bab terdapat ijtihad yang menyeluruh yang tidak memisahkan urusan dunia daripada akhirat.

Para ulama itu adalah ikutan kita. Pandangan mereka yang syumul adalah benar-benar syumul, benar-benar meliputi. Ini kerana pandangan mereka tidak mengabaikan matlamat yang abadi di samping tujuan-tujuan lain. Mereka tidak melupakan aspek akhirat walaupun mereka juga menghargai urusan dunia. Amat sedikit daripada pandangan ahli taklid yang membaca dan memahami ilmu para salaf seperti ulama kita ini (al-Shatibi) yang dapat menjadikannya sebagai panduan ketika mencari penyelesaian Islam dan alternatif Islam. Walaupun terdapat pandangan dan usaha yang sedemikian, namun sasaran pandangan mereka tidak melepasi dunia fana ini. Manakala, dunia fana ini adalah sesuatu yang remeh lagi hina. Seolah-olah Islam dan syariatnya hanya kunci untuk dunia ini, hanya panduan untuk dunia, memberi khidmat untuk dunia, sedangkan mereka lupa tentang akhirat.

Dahulu, para salaf soleh yang dikasihi, mereka menggenggam kuat dengan gigi geraham mereka segala yang masih mereka miliki daripada ikatan-ikatan Islam setelah terurainya ikatan hukum (pemerintahan). Lalu mereka dalam keadaan dipaksa

membisu atau mujtahid di tingkatan apa pun kedudukannya diturunkan pangkatnya dari “generasi Quran” iaitu generasi para sahabat yang mengasaskan agama ini dan generasi para tabiin yang bijaksana serta para khulafa yang mendapat hidayah Allah ﷻ seluruhnya.

BERPANDUKAN AL-QURAN

Sekiranya kita bangkit dengan tuntunan daripada al-Quran dan bergerak seiring dengan *ahlul Quran,* nescaya kita akan mendapati kaum muslimin yang menderita dengan pelbagai penderitaan yang berpunca daripada hilangnya sistem syura, tiadanya keadilan dan hilangnya *ahlul ihsan* daripada medan perjuangan.

Tetapi para *pentaklid* zaman ini yang tidak ada kecenderungan untuk mengikut secara langsung daripada al-Quran dan sunnah Nabi ﷺ dan mereka yang bergantung kepada orang lain dalam mengambil sebarang kefahaman dan manfaat daripada sumber hidayah dan cahaya walaupun wujud pelbagai ujian di zaman mereka. Para pentaklid ini hampir tidak dapat mencari jalan keluar, hampir sesat di antara pelbagai fahaman kebendaan, hampir dikaburi olehnya dan pelbagai ijtihad-ijtihad yang lepas. Mereka yang menghiasi pemikiran barat dengan pakaian Islam dan memisahkan kata-kata salaf daripada maknanya dan kesyumulannya. Maka merekalah yang paling hina. Amat menghairankan. Bagaimana mereka boleh terseleweng!

Al-Imam al-Shatibi Rahimahullah telah menggambarkan keadaan di generasi awal yang soleh itu disebabkan oleh usaha baik mereka dalam menggabungkan antara dunia dan akhirat ketika beliau membentuk kefahamannya terhadap *maqasid syariah* dengan menggunakan perkataan "memelihara". Mereka memiliki sesuatu yang pada pandangan mereka berhak dipelihara.

Kita pada zaman ini mengandaikan bahawa banyak perkara yang telah hilang daripada kita. Dan perkara yang masih kekal bersama kita akan hilang juga sekiranya kita tidak bangkit

untuk mencarinya, mencari Islam keseluruhannya, mencari iman dengan cabang-cabangnya, mencari khilafah yang berasaskan manhaj kenabian, mencari syura, keadilan dan ihsan.

Kita berhentilah daripada menyoal mereka, semoga Allah ﷻ berbuat baik kepada kita dan mereka, tentang ikatan-ikatan Islam yang mereka tidak berusaha untuk mengembalikan ikatannya setelah ia terurai. Sesungguhnya pada jawapan mereka yang telah diceritakan oleh al-Shatibi pada mukadimah dan penutup kitabnya merupakan ucapan yang mendalam maknanya. Beliau telah menerangkan tentang sikap membisu mereka yang hampir sahaja dibongkarkan di sebalik kertas. Ayuh kita memerhati kepada pembahagian mereka terhadap *maqasid syariah* untuk kita terokai pada setiap keadaan mereka menyeru agar kita memeliharanya daripada hilang. Mudah-mudahan akan terbuka pintu kefahaman untuk pencarian yang lain yang tidak terlintas di fikiran mereka kerana pada pandangan mereka ia adalah suatu yang telah ada. Antaranya penyatuan ummah sebagai contoh.

Golongan salaf soleh dahulunya hidup dalam kesatuan ummah yang disatukan oleh Islam. Mereka hampir tidak merasa perbezaan yang memisahkan mereka oleh pemerintahan zalim, bahasa, warna kulit dan tempat. Perbezaan mazhab kalam tidak menggugat kesatuan mereka selagi mana kekhilafan yang berlaku di dalam lingkungan kesatuan dan bukan di luarnya. Selagi mana mereka beranggapan bahawa negara-negara yang berasaskan perkauman dan tempat itu dipecahkan kerana penjajahan selepas hilangnya kekuasaan kerajaan Islam Uthmaniyah.

Al-Shatibi berkata:

> "Menjaga *maqasid syariah* itu dengan dua perkara. Pertamanya sesuatu yang mendirikan rukunnya, mengukuhkan asasnya, memelihara kewujudannya dengan memelihara usul "ibadat" seperti iman, menuturkan dua kalimah syahadah, solat, zakat, puasa, haji dan seumpamanya."

Menurut al-Shatibi, aspek kedua bagi *maqasid syariah* beliau namakannya "adat". Ia merujuk kepada memelihara nyawa, akal dalam konteks kewujudannya seperti memakan makanan, meminum minuman, memakai pakaian, menyediakan tempat tinggal dan seumpamanya. Bagi al-Shatibi, aspek muamalat iaitu merujuk kepada penjagaan keturunan dan harta, penjagaan nyawa dan akal juga tetapi menerusi adat.

Di zaman ini kita terbiasa dengan pembahagian moden kepada beberapa bidang antaranya agama, budaya, politik, ekonomi dan sosial. Pembahagian ulama kita bukanlah tidak menyeluruh dan atau ianya tidak perlu diambil berat. Antara perkara yang perlu diinsafi, kita memutuskan bahawa pembahagian mereka lebih sempurna dan baik serta tepat. Ini kerana insan itu dianggap sebagai titik fokus dalam mencari keseimbangan *maqasid syariah*, hinggalah kepada maslahat insan itu di dunia dan akhirat. Oleh itu, semua aspek kehidupan, peraturannya dan pekerjaannya merujuk kepadanya. Bukanlah suatu yang pelik perkara yang disebutkan itu. Ini kerana perkara pertama yang diambil berat oleh ulama fiqah dan ahli usul fiqah ialah "pemeliharaan agama". Daripada kewajipan menjaga agama dan berkhidmat kepada pemeliharaan agama tercabanglah kepada kewajipan lain seperti menjaga nyawa, akal, keturunan dan harta.

Dua buah peta yang salah satunya merupakan satu pelan jahiliyyah dan perancangannya dalam acuan budaya dan agamanya sebagaimana orang jahil memahami agama, politik, ekonomi dan sosial. Dan satu lagi mewakili maqasid Islam, tuntutannya dalam menegakkan agama dan menstabilkan manusia di bumi; dalam keadaan yang aman untuk diri, harta dan keturunannya; stabil tidak bergoyang dalam akal pemikirannya; bersedia untuk pergi dengan langkah dalam keadaan tenang meninggalkan dunia dan ujiannya menuju ke akhirat dan nikmatnya. Letakkan peta yang pertama ke atas muka peta yang kedua. Barangkali ekonomi, ilmu kemanusiaan, ilmu perubatan, siasah dasar perumahan, siasah tadbir urus dan keselamatan sosial pada peta yang pertama akan menutup samada sebahagian atau kebanyakan bahagian daripada "adat" dan "muamalat" pada peta yang kedua. Masih ada berbaki ruang yang luas yang tidak memanjangkan peta jahiliyah untuk menutupinya iaitu ruang makna kewujudan manusia, ruang akhirat dan tempat kembali kepadanya dan hubungan-kaitnya dengan tingkah laku manusia dan istiqamahnya, ramah-lembut bukannya kekerasan, pengorbanan bukannya pentingkan diri sendiri, pemberiannya bukannya pembazirannya, akhlak belas kasihan terhadap makhluk dan memberi makanan kepada orang miskin bukannya keburukan penggunaan orang yang boros sedangkan orang yang miskin kurang berkemampuan di dunia ini mati kebuluran.

Dimanakah letaknya demokrasi? Sedangkan ianya intipati pengalaman manusia daripada konsep syura yang diturunkan oleh Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ Yang Maha Agong Lagi Maha Bijaksana kepada makhluk-Nya. Kalaulah demokrasi itu bukan realiti yang dinikmati oleh orang yang selain kita dengan sifat kemanusiaannya dan ianya seumpama teater mainan lakonan para pemimpin kita, dan kalaulah syura bukan sistem peraturan yang hilang lenyap dan tuntutan mulia yang

untuk perlaksanaannya adalah perlukan kepada peringkat-peringkat jihad?

“Demokrasi” secara realiti daripada “Syura yang dituntut” terletak dalam helaian-helaian kertas dan dalam pemerhatian penulis berlaku pada tapak cabaran intelektual. Akan tetapi ia dalam kehidupan umat adalah satu cabaran penting, agama akan hilang dan negara akan hilang jika kezaliman yang keras tetap berterusan berlaku. Orang-orang memanggil agama untuk menganuti agama demokrasi kerana antara makna “kebebasan umum” adalah menjamin maruah individuum dan melucutkannya daripada setiap sekatan yang menghalang keinginannya. Ia adalah satu cabaran yang membawa maut, sama ada demokrasi kebebasan mutlak atau pun syura di mana dengannya urusan kita berada di atas landasan agama.

Pada abad ke-8 di Andalusi, para ulama kita bercakap tentang keunggulan tamadun. Mereka tidak mempunyai cabaran moral untuk mengatasi model mereka. Dengan demikian, mereka menjaga apa yang mereka miliki dari kemuncak matlamat mereka.

Kami tertanya-tanya di mana “sosialisme – realiti?” Pada halnya, ia adalah intipati pengalaman manusia daripada keadilan yang diperintahkan dan ditegaskan arahannya oleh Allah ﷻ, Tuhan yang selayaknya kita beribadah? Di mana letaknya sosialisme secara realiti, sosialisme secara model yang telah menggoda kuasa besar Soviet daripada pengalaman sosialisnya yang diperolehnya, sosialisme kunci ajaib untuk masalah dunia yang berbeza daripada keadilan Islam yang dituntut?

Apakah dari demokrasi kita bermula? Dan kalau begitu, kita tidak akan mencapai sosialisme. Atau kita memaksakannya

sebagai sosialisme? Jadi kalau begitu ia adalah kezaliman parti atas nama peringkat kelas, tidak ada kebebasan. Atau kita menjadikannya sosialisme demokratik, kita bertaklid dengan rekaan oleh masyarakat kaya dan industri yang hidup mewah. Kita terabai dan fakir miskin, tangan dan minda mereka pembuat, sedangkan fikiran kita dan tangan kita seumpama kain buruk.

Berapakah nilaian harga agama dan entiti kita yang dengannya kita membeli demokrasi yang sedia ada atau kita memasukkan secara rahsia tersembunyi sosialis import dari luar dan laksanakan secara kuku besi dan paksaan?

Dimanakah letaknya "kemanusiaan jahiliyah" dan "hak asasi manusia" dan etika, falsafah dan seni, sedangkan di sana ia adalah realiti; daripada ihsan yang merupakan permintaan terpendam di hati orang-orang beriman kepada Allah dan hari akhirat yang hilang lenyap daripada realiti umat Islam?

Bagaimana untuk menuntut semua itu? Siapa yang menuntut? Dan daripada siapakah yang menuntut itu? Bersama siapakah ia menuntut? Dan terhadap siapakah ia menuntut?

Soalan-soalan yang dilontarkan, dan mana baginya jawapan, orang yang mengulangi kata-kata datuk nenek yang memanggil pemeliharaan lima *maqasid* (tujuan) yang utama: pemeliharaan agama, pemeliharaan diri, pemeliharaan akal, pemeliharaan keturunan dan pemeliharaan harta. Mengulangi dan menyebarkan secara degil dan tegas, seolah-olah agama adalah penguasanya di negara orang Islam; "adat" adalah stabil di mana para orang terdahulu telah meninggalkannya kepada mereka selamat dari kemusnahan masa, dan "muamalat"

tetap teratur atas apa yang mereka telah putuskannya. Jika begitu, wahai Faqih, atas apakah anda menjaga dan seterusnya memeliharanya?

IJTIHAD DAN *TAHQIQ MANATH* (PROSES PERLAKSANAAN HUKUM)

Imam al-Shatibi (semoga Allah tinggikan darjatnya) selaku pedoman kita yang bijaksana tentang cara-cara menentukan asas-asas agama ada menyebutkan bahawa rukun-rukun maslahat duniawi dan agama tertegak, dan bahawa kaedah-kaedah *maqasid syariah* dibuktikan dengan mengambil kira dari sudut kewujudannya dengan memelihara "ibadat" seperti mengucap dua *kalimah syahadah*, solat, dan keseluruhan perkara kewajiban. Selain itu, ia juga diambil kira dengan memeliharakan diri dan akal dengan melaksanakan keperluannya daripada "adat" seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal. Seterusnya, memelihara keturunan dan harta dengan mengekalkan "muamalat urus niaga" yang memenuhi syarat dan objektifnya dengan "adat".

Pemeliharaan dari "sudut kewujudannya" adalah suatu ungkapan mengenai tindakan positif yang dipertanggungjawabkan kepada para hamba dan yang sepatutnya diambil berat perlaksanaannya oleh semua anggota masyarakat dalam kehidupan seharian mereka, ekonomi, komersial, kewangan dan sosial keluarga. Kesemua perkara tersebut adalah di bawah sayap "ibadat" yang dengannya agama terpelihara.

Pemeliharaan dari "sudut kewujudannya" dengan adat dan muamalat adalah suatu ungkapan tentang pengambilan semua wasilah yang sah dari sudut syarak yang sampai kepada matlamat duniawi dengan keselamatan daripada kefakiran, ketakutan, kesejahteraan dalam diri dan akal, dan ketenangan dalam tempat tinggal dan kehidupan sosial perkahwinan. Wasilah keduniaan dijadikan peraturan oleh

syarak dapat menjamin pencapaian pelbagai tujuan duniawi, tujuan keselamatan, kestabilan dan keselamatan daripada kebimbangan material. “Ibadat” pula merupakan perbuatan yang bukan urusan hamba Allah سبحانه وتعالى dalam menentukan statusnya dan tidak pula diperbincangkan. Ibadat memberi erti dan roh kepada usaha dan pengurusan kehidupan di dunia. Ibadat memberikan erti berpandukan kepada sasaran akhirat dan memberikan roh dengan membangkitkan hati orang beriman untuk mencari hakikat sebenar penciptaannya, iaitu pengabdian kepada Allah سبحانه وتعالى dan mencari anugerah-Nya, syurga dan keredaan-Nya.

Penyusunan *maqasid syariah* secara susunan mendatar satu demi satu, (iaitu menjaga agama pemeliharaan diri, pemikiran dan seterusnya) akan menjejaskan pertalian antara cara dan matlamat duniawi dan tujuan akhirat. Perkara yang sedemikian mencacatkan semua *maqasid* Islam, sementara ulama *mujtahidin* yang mendahului kita tidak terlalu mengambil berat susunan seperti ini dalam gerak kerja *maqasid syariah*. Hal ini kerana mereka hadir dan masyarakat mereka pun penuh dengan keagamaan dan rasa kebersamaan dengan Allah dan hari akhirat. Oleh itu, ulama *mujtahidin* di zaman kita patut mengklasifikasikan *maqasid* sebagai tuntutan hidup yang mempunyai keutamaan dan saling terkait antara satu sama lain. Semuanya perlu terpenuhi supaya dapat memenuhi keperluan fizikal, psikologi dan sosial hamba sehingga ia melapangkan masa untuk jihad kepada Tuhannya.

Syeikh al-Shatibi rahimahullah ada menyebutkan usul ke-4 bagi usul *maqasid syariah* iaitu usul jinayat. Di samping “ibadat”, “adat” dan “muamalat” yang memelihara maqasi*d* dari sudut “kewujudannya” lalu datangnya “jinayat” yang memelihara *maqasid* dari sudut “ketiadaannya”. Al-Shatibi

berkata, “Pemeliharaan *maqasid* dari sudut ketiadaannya bermaksud menyelamatkannya dari “ketidakseimbangan yang terjadi atau yang dijangkakan”. Di bawah istilah “jinayat” ini, terhimpunlah suruhan kepada kebaikan dan larangan daripada kemungkaran.

Kita merasakan ungkapan penulis tersebut rahimahullah yang frasa umum menunjukkan bahawa menghadkan “al-Jinayat” dalam lingkungan amar makruf dan nahi mungkar itu adalah berpaling daripada menentukan sumber jenayah yang besar terhadap *maqasid* syarak iaitu penghakiman sekiranya penghakiman itu fasid, tidak berasaskan syura, keadilan dan ihsan. Jenayah individu tentang agama dan asas-asas agama ditangani oleh badan kehakiman, badan hisbah dan kewaspadaan awam. Ketiga-tiga ini adalah manifestasi daripada amar makruf dan nahi mungkar. Walaupun demikian, jenayah negara ke atas dakwah dan sistem pemerintahan yang tidak didasarkan kepada agama mahupun tuntutan asas agama seperti syura, keadilan dan ihsan adalah merupakan kecacatan yang teruk. Perkara yang sedemikian boleh bertambah parah sekiranya ditangani oleh badan kehakiman atau badan hisbah atau badan amar makruf yang tidak memiliki kekuatan politik kolektif untuk menolak kerajaan yang zalim dan kuku besi serta tidak mempunyai kemampuan untuk menegakkan agama Allah dengan menegakkan khilafah yang berlandaskan platform kenabian.

Pemerhatian daripada seorang faqih secara individu berkaitan *nawazil* (memahami hukum-hukum syariat berkaitan dengan isu-isu semasa yang mendesak) adalah perkara yang tertutup ke atasnya? Tidaklah begitu. Sahabat kita ini (semoga Allah meredainya) pemerhatiannya luas lagi mendalam penelitiannya. Akan tetapi, apakah helahnya sedangkan realiti itu berat dan

menjaga sesuatu yang telah berlaku sedemikian adalah sama seperti melakukan kemudaratan yang lebih rendah?

Di kalangan ulama usul ada satu ungkapan iaitu "*tahqiq manat*". *Tahqiq manat* adalah hukum yang dibuktikan sah dengan pengetahuan yang berdasarkan syarak. Dalam takrif umum di sisi ulama usul ialah: "Berlaku kesepakatan ke atas ilat yang disifatkan dengan nas atau ijmak". Kita tidak suka menyibukkan diri dengan ahli pakar (semoga Allah menyokong mereka) dalam memperincikan ungkapan-ungkapan teknikal yang mendalam. Jadi, kita katakan dengan bahasa umum yang mudah bahawa "*tahqiq manat"* adalah memahami realiti bagi mengetahui tempat-tempat berlakunya suruhan dan larangan syarak serta merealisasikan kedua-duanya pada realiti tersebut. Ia adalah perlaksanaan syarak ke atas realiti, mengubah realiti supaya bertepatan dengan kehendak syarak, menangani realiti untuk ditadbir oleh syarak bukannya oleh hawa nafsu. Tanpa pemahaman, muat turun dan perlaksanaan ini tinggallah syariah secara teori terapung di udara. Sekiranya ditakdirkan terangkat ijtihad ini (ijtihad dalam *tahqiq manat*), maka tiadalah turun hukum-hukum syarak ke atas perbuatan orang *mukallaf* melainkan hanya dalam minda.

Pada masa lalu, ijtihad adalah isu individu, keislaman orang *mukallaf* secara individu berada di bawah payung kekuasaan Islam. Ketepatan ijtihad mufti dan *qadhi* hakim dengan kepentingan umat Islam semuanya dalam hal-halnya sendiri atau masalahnya dalam lingkungan terbatas. Mujtahid dipaksa menjauhi daripada lingkungan arahan umum, bulatan kehakiman, terpencil dari urusan negara, pengumpulan wang, tentera, dan pengurusan politik. Jika mujtahid menyatakan pendapatnya tentang "*siyasah syar'iyah*", maka dia adalah orang yang menyuruh perkara kebajikan dan orang yang

mencegah kemungkaran dari luar dan dalam batas-batas yang tidak patut dia lampauinya. Sekiranya dia adalah *qadhi* hakim umum seperti Abu Yusuf, sahabat Imam Abu Hanifah atau hakim besar seperti Al-Mawardi, pengetahuannya tentang realiti itu dipertingkatkan dengan penyertaannya tanpa adanya perluasan kuasa yang memungkinkan dirinya dapat mengubah realiti ini.

Dalam kerajaan khilafah yang berlandaskan platform kenabian, ijtihad mestilah isu kolektif, secara syura. Realiti makin rumit, dan masalahnya bertambah parah, dan menjadi lebih jauh menyimpang dari agama. Dan setiap fiqah kefahaman yang kita warisi telah melampaui batas sehinggakan *manat* hukum hakamnya tiada lagi jelas. Dari manakah kita memegang realiti untuk kita memasukkannya dalam batasan syarak, bagaimana kita memperlihatkannya, bagaimana kita menguasainya, bagaimana kita beransur beralih kepada penyesuaian? Mujtahid yang berseorangan tidak mampu bangkit untuk perkara itu, tidak kira betapa mantapnya dia dalam ilmu syariah. Perlunya penglibatan daripada ahli pakar dalam bidang yang pelbagai, perlunya daripada institusi-institusi yang ditaja oleh kerajaan Islam suatu hari yang mana kerajaan bukan melakukan jenayah pada agama, hari yang mana kerajaan berasaskan syura, keadilan dan ihsan.

MENGELUARKAN PANDANGAN (*AL-ISTINBAT)* DALAM BERKHIDMAT PADA PENCAPAIAN *MAQASID SYARIAH*

Imam al-Shatibi (semoga Allah ﷻ mengasihani dia) berkata:

> "Tahap ijtihad diperolehi oleh mereka yang bercirikan dengan dua perkara: pertama adalah pemahaman tentang *maqasid syariah* secara sempurna, dan yang kedua adalah keupayaan *istinbat* berdasarkan kefahamannya tentang *maqasid* tersebut (...). Ada pun yang kedua (iaitu keupayaan *istinbat*) ia adalah seperti jalan kepada yang pertama."

Keadilan para ulama, ketakwaan dan keimanan mereka terhadap Allah ﷻ, Tuhan semesta alam, dan pegangan mereka yang teguh di dalam syariat-Nya adalah suatu perkara yang diterima oleh umum. Oleh itu, Syeikh tidak bercakap kecuali tentang pemahaman *maqasid* dan keupayaan *istinbat*, kedua-dua ini adalah kecekapan mental. Pada zaman kita terdapat banyak orang munafik yang alim tutur lidahnya. Oleh itu, syarat yang perlu diambil kira dalam perkara seperti ini adalah orang-orang *mujtahidin,* ahli syura dan perunding adalah daripada kalangan orang-orang yang beriman dan ihsan. Kita tidak mengambil keimanan mereka sebagai sesuatu perkara yang diterima sehinggalah kita mengetahuinya tentang mereka dengan bukti yang benar. Keimanan mereka yang sebenar akan diketahui melalui cabaran kehidupan di hari-hari yang susah dan sejauh mana kesabaran mereka dalam berjihad.

Supaya kita tidak tergelincir kepada banyak pancaroba "politik Islam" maka kita perlu melaksanakan *manat taklif* dengan cara

melaksanakan *maqasid syariah*. Amanat individu Muslim sebagai *manat taklif* sesuatu masa dan juga keislaman individu telah berubah seperti mana mengikut pandangan ulama masa lalu. Guru kita berkata: "*Maqasid* yang dipertimbangkan ada dua bahagian: satu tujuan syarak, dan yang keduanya adalah matlamat orang *mukallaf*."

Ya, tanggungjawab individu pada akhirnya adalah sesuatu yang diambil kira kerana dia akan datang menghadap Tuhan pada hari kebangkitan secara individu, dan dia akan dihisab atas amalan perbuatannya apakah ia telah memenuhi *maqasid* syarak dari sudut niat dan perlaksanaan. Tiada seseorang yang menanggung bebanan dosa orang lain. Akan tetapi di manakah jemaah muslim yang diseru dalam al-Quran dengan seruan 'wahai orang yang beriman' yang diberikan taklif mesej jihad antara Muhajirin dan Ansar? Dimanakah perginya binaan jemaah itu dengan generasi-generasi dan bagaimana ia pecah berkecai, dan bagaimana "jenayah" individualistik sebagai tindak balas terhadap keperluan keislaman individu?

Sesungguhnya tanggungjawab untuk berijtihad dan mengeluarkan hukum syarak pada zaman ini dan untuk kemaslahatan umat pada zaman dan suasana ini tidak mungkin dipikul melainkan oleh sekumpulan umat Islam. Kumpulan ini akan sentiasa berperanan kepada umat ini dengan direalisasikan oleh usaha para juru dakwah (semoga mereka mendapat petunjuk Allah). *Mukallaf* yang hidup secara individu terancam sekiranya hidup di dalam masyarakat yang diselubungi fitnah pada agama, maruah, akal, keturunan dan harta mereka. Mereka tidak mampu memelihara suatu pun daripada perkara tersebut sama ada dari sudut "mengadakan" atau "meniadakan".

Maka pembinaan jemaah Islam bermula secara berperingkat-peringkat sehingga kesatuan umat Islam keseluruhannya melangkaui sempadan-sempadan geografi yang terbentuk kesan daripada ujian-ujian yang berkurun dan imperialisme merupakan misi utama dalam rangka usaha kita menegakkan tuntutan-tuntutan syarak. "Tujuan syarak dan matlamat *mukallaf*" merupakan ibarat yang berbentuk teori yang unik. Jemaah juru dakwah kepada Allah yang berusaha membina masyarakat Islam yang bersatu, berhukum secara syura, adil dan ihsan, beperanan dalam jihad merealisasikan *maqasid syariah* yang menjadi asas kepada kumpulan tersebut, dan mereka berjuang kerana ingin menegakkannya, dan ia menuntut kepada pengorbanan harta dan jiwa dalam menjayakannya. Gerak kerja ijtihad pun hidup selari dengan gerak kerja pergerakan dakwah, membuka ruang gerak fiqah yang mendorong pencapaian keimanan berasaskan ihsan, digerakkan oleh amarah kerana Allah ﷾ semata, diikatkan ke atas hatinya dengan ikatan cinta kepada Allah dan Rasul-Nya ﷺ, dibuat dirinya menari keseronokan dalam mencari tujuan kehidupan oleh janji Allah yang pasti tentang kebahagiaan di akhirat yang kekal sepanjang ianya berpegang teguh kepada manhaj kenabian.

Keahlian dalam kumpulan daripada mana-mana jemaah dakwah, kemudian jemaah muslimin yang lebih besar yang bersifat global -semoga Allah memperbaiki kerenggangannya dengan sifat pemurah-Nya- merupakan syarat bagi para mujtahid untuk menjadi ahli syura, adil dan ihsan.

Sesungguhnya orang-orang beriman yang mendahului kita -semoga Allah mengampuni kita dan mereka, dan semoga kita dihimpunkan bersama mereka dalam pertemuan yang gembira pada hari akhirat-, mereka menyusun *maqasid* tertinggi dan meringkaskannya kepada lima kategori *maqasid*

yang disepakati wajib untuk dipelihara, iaitu: memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Sebahagian ulama kontemporari menambah satu kategori yang lain, iaitu memelihara maruah. Kita tidak mereka-mereka kesepakatan mereka dan kita juga tidak mempertikaikannya, tetapi kita perlu kembali kepada asas-asas sumber mereka, dengan melihat kepada pegangan mereka terhadap al-Quran dan Sunnah, dan juga dengan melihat kepadanya melalui sudut realiti dan keadaan semasa kita, dan apa yang dibenarkan kepada kita daripada keperluan yang telah tertutup pintunya pada zaman yang penuh dengan ujian dengan cengkaman dan paksaan, dan nasihat nabawi dengan melazimi mendengar dan mematuhinya sebagai bentuk pemeliharaan terhadap kesucian Islam daripada luka yang mengakibatkan kematian agama ini dan pemeliharaan terhadap kekuatan Islam daripada perpecahan supaya maruahnya sentiasa terjaga.

Dalam berpegang pada sumber al-Quran serta meraikan sudut realiti dan tuntutan semasa, kita melihat bahawa pembentukan juru dakwah yang terancang dan pembinaan negara khilafah adalah keperluan dan syarat utama untuk mengimplementasikan *maqasid*. Carilah pelaksana yang kuat dan dipercayai sebelum memulakan perbincangan tentang proses perlaksanaan.

Tarbiah, pengurusan yang teratur, zikrullah, sifat benar dan bekalan dengan ilmu yang bermanfaat, iaitu ilmu yang benar yang diturunkan secara wahyu dan ilmu realiti semasa serta ilmu penciptaan alam, merupakan keperluan asas yang wajib di mana ia menjadi sumber keimanan bagi jemaah, kekuatan dan amanah di atas syariat Allah dan *maqasid*-Nya.

Ihsan dan iman, dengannya seorang mujahid menghiasi dirinya mengharap reda Tuhannya, itu merupakan matlamat. Pada kedudukan anak tangga tertinggi yang dikehendaki

(*maqasid syariah*) sifat ihsan bermaksud kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihat-Nya.

Pada anak tangga menuju kepada matlamat kita mendapati satu tingkatan yang berkaitan dengan keduniaan, tetapi beroleh iktibar secara syarak kerana ia merupakan jalan mendapatkan tujuan agama dan akhirat. Ia juga beroleh iktibar kerana dunia adalah tunggangan orang mukmin dan tempat menyiapkan bekalan untuk hari akhirat. Al-Tirmidhi dan Ibn Majah telah meriwayatkan begitu juga al-Bukhari dalam kitab Adab al-Mufrad daripada Ubaydillah bin Mihsan bahawa Rasulullah ﷺ telah bersabda:

> «مَنْ أَصْبَحَ آمِنًا فِي سِرْبِهِ، مُعَافًى فِي جَسَدِهِ، عِنْدَهُ طَعَامُ يَوْمِهِ، فَكَأَنَّمَا حِيزَتْ لَهُ الدُّنْيَا بِحَذَافِيرِهَا».
>
> "Sesiapa yang memulakan paginya dalam keadaan dirinya berasa aman dalam kawanannya, sihat jasmani dan dia memiliki makanan pada hari itu, maka seolah-olah dia diberi dunia dengan pelbagai kenikmatannya". Sanad hadith ini hasan sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Suyuti - semoga Allah mengucurinya dengan rahmat) di dalam al-Jami' al-Sagir.

Apakah pandangan kamu tentang bagaimana kehidupan harian diperkemaskan dalam maqasid syariah apabila kita mendengarnya daripada lisan wahyu? Diseru *mukallaf* dengan kesihatannya, keamanannya, kekuatannya, dunianya dan semangatnya supaya ia menggunakannya untuk akhiratnya dan berjihad kerananya pada jalan Allah ﷻ.

Peraturan yang diletakkan oleh ulama kita dengan *sighat tajridiyah* (lafaz yang terbuka menerima tafsiran) pada bab

"adat" dan "muamalat", iaitu pada *maqasid* memelihara diri, akal, keturunan dan harta, kita dapatinya di dalam hadith nabawi dijelaskan dengan waktu (sesiapa yang memulakan paginya... makanan pada hari itu), tempat, jemaah (dalam kawanannya) dan badan.

Tuntutan dan matlamat duniawi ini, jika dipelihara untuk mencapai matlamat, tidak akan dicapai melainkan dalam kelompok masyarakat yang mengambil kira jumlah, kiraan, penghasilan, pengedaran dan keadilan di seluruh tempat yang dibenarkan oleh syarak. Tangga nilai ini terbalik di tangan sebahagian orang sehinggakan terdapat teori mengatakan bahawa Islam merupakan jalan pintas kepada pembangunan dan kemajuan ekonomi. Sekiranya seperti itu, maka agama menjadi wasilah dan ekonomi menjadi matlamat. Seterusnya, dunia melupakan akhirat.

Semoga Allah merahmati ulama kami, sesungguhnya ikutan kami kepada mereka dalam pegangan iman dan ihsan tidak menjauhkan kami daripada al-Quran di mana ia tidak difahami oleh sebahagian mereka melainkan himpunan tamadun dan rujukan pemikiran. Pemikiran yang mengecewakan ini mengalir ke atas otak-otak golongan pembaharuan dengan nama Islam tetapi ia sebenarnya aliran yang melalaikan daripada Allah dan hari akhirat. Tiada daya dan tiada kuasa melainkan dengan Allah.

Perlu bagi pembangunan, kemajuan ekonomi, penghasilan, pengedaran (distribusi), jumlah dan kiraan mengambil tempatnya yang ditetapkan syarak dalam permulaan tujuan, dalam kedudukan matlamat duniawi yang memudahkan perjalanan seorang mukmin kepada Tuhannya.

Keadilan merupakan kalimah yang menyeluruh dan tujuan asasi dalam zaman di mana pembahagian rezeki dan penghasilannya, dan pembiayaan projek pembangunan dan pengurusannya menjadi ancaman bunuh kepada ummah. Sekiranya ihsan memandu perkara tersebut, maka tiada kekhuatiran daripada penipuan. Soalan yang sering mendesak ke atas para mujtahid *usuliyyin* dan ke atas golongan pemikir untuk mengetahui sistem yang paling hampir kepada Islam adalah kapitalis atau sosialis? Islam kapitalis? Islam sosialis? Jika kita berdiam diri tentang keadilan dalam pembahagian sebagaimana diamnya golongan terdahulu, maka gerakan kapitalis menghambat kamu. Kamu berbincang tentang keadilan sedangkan kezaliman berlaku dalam setiap peringkat, maka kamu dilabel sebagai komunis yang berlindung dalam jubah Islam.

JENAYAH-JENAYAH

Seburuk-buruk peninggalan komunisme nasiolisme ialah golongan yang menzahirkan keislaman mereka dalam kata-kata dan penampilan, padahal mereka berpura-pura sehinggakan mereka mengaburi manusia seperti tipu daya iblis terhadap manusia.

Telah kami nyatakan dalam perenggan sebelum ini berkaitan tuntutan asas, iaitu keperluan menubuhkan jemaah muslimin yang bertanggungjawab membawa risalah. Kami telah nyatakan juga keperluan kepada kesatuan umat Islam dan kepentingan menubuhkan jemaah dan penyatuan umat supaya tercapai "pemeliharaan agama". Kami telah nyatakan juga tentang keperluan kepada rasa aman dalam diri, kesihatan badan, dan kecukupan sandang pangan. Kesemua bab ini meliputi aspek "adat" dan "muamalat".

Kami telah bahaskan juga berkenaan isu-isu ekonomi dalam pengeluaran hasil, pembahagian, pembangunan dan pembuatan yang wajib dilakukan untuk mewujudkan keadilan. Dengan keadilan yang menyempurnakan keperluan dunia, seorang hamba itu akan mampu untuk mencapai ketinggian dalam ibadah, iaitu ihsan.

Di dalam perenggan ini kita akan meneliti seketika kepada topik "memerhatikan *maqasid syariah* menerusi sudut "ketiadaan", iaitu dengan bagaimana memelihara dan mempertahankannya, dan "ketidakse-imbangan situasi yang dijangka berlaku ke atas *maqasid syariah*". Di dalam perenggan yang akan datang pula kita akan membincangkan insya-Allah berkenaan syura dan negara dan peranannya dalam memelihara tuntutan-tuntutan syariah.

Kerosakan yang berlaku pada agama dan *maqasid*nya kesan daripada kelemahan negara-negara kecil yang berpecahan dan bermusuhan dan juga kesan daripada keruntuhan Islam yang bersendirian yang diwarisi daripada penjajahan dan perang saraf adalah kerosakan yang keji.

Bukanlah pujian kita ke atas ulama terdahulu dan pemastian terhadap kesahihan akidah dan keimanan mereka kerana berpegang dengan keagungan silam untuk melarikan diri dari situasi semasa. Pegangan kita terhadap mereka dan apa yang mereka tinggalkan daripada ijtihad yang bermanfaat dan kaedah ilmiah yang kukuh dan kuat tidak menjadi penghalang di antara kita dari pancaran sumber yang suci. Rasulullah ﷺ membaca al-Quran dan mengajarnya serta menjelaskan kepada manusia tentang wahyu yang diturunkan kepada mereka. Pegangan kita ketika mengingati mereka adalah penjagaan terhadap mereka daripada tangan-tangan kejahatan masa kini yang bertopengkan Islam. Terdapat salah seorang daripada mereka yang nama dan fikrahnya tidak penting bagi kami, namun yang kami pentingkan adalah penyebaran tulisan-tulisannya yang mengandungi niat tersembunyi dalam memerangi agama Islam, iaitu niat yang disembunyikannya tidak mendedahkan orang-orang munafik yang sebenar, atau ditentang tanpa terselindung menjelaskan permusuhan terhadap Islam, di mana tersingkapnya niat jahat mereka membawa kepada kematian kerana umat ini menolak permusuhan terhadap agama.

Walaupun demikian, penjahat yang berselindung, seperti seorang yang akan saya nyatakan namanya dan kitabnya di akhir perenggan -dengan izin Allah-, mereka mengaitkan kata-kata dengan *turath* dan warisan para pembaharu, mendakwa dakwaan-dakwaan yang songsang dengan ijtihad dan asas ilmu usul yang diperbaharui. Gerakan kejahatan ini menamakan diri

mereka sebagai "Islam Haluan Kiri". Rakan kami adalah salah seorang daripada perancangnya, maka dengarlah.

Dia berkata dalam halaman 7:

> "... Percubaan untuk membina semula ilmu usuluddin tradisional dengan asas-asas teorinya yang umum seperti ideologi kebangkitan orang-orang Islam akan membawa perubahan pada tingkah laku masyarakat Islam".

Di dalam halaman 11 dia mengumumkan realiti perancangannya dengan menyatakan sifat turath seperti berikut:

> "Jati diri sesuatu kaum dapat dicungkil, dieksploitasi dan dilabur untuk mengembalikan pembinaan insan dan hubungannya dengan manusia".

Di halaman 16 dia menerangkan kepada rakannya daripada golongan yang bertopengkan Islam bagaimana berpegang teguh dengan syiar-syiar *turath* yang hidup pada nurani umat selepas lenyap, rosak dan gagalnya pelbagai ideologi, dan bagaimana mereka mengelabui umat Islam untuk meraih kepimpinan terhadap orang ramai:

> "*Turath* masih merupakan sesuatu nilai hidup menerusi keperluan semasa, yang boleh memberi kesan padanya (…). Pembaharuan *turath* (*tajdid al-turath*) merupakan jalan penyelesaian kepada kekaburan yang lama dan kekusutan yang diwarisi. Ia juga merupakan penghapus terhadap kekangan kemajuan dan pembangunan serta menjadi asas untuk setiap perubahan radikal terhadap realiti. Oleh itu, pembaharuan *turath* adalah perkara

> yang perlu dilakukan oleh seorang revolusioner. Sekiranya perkara ini tidak dilakukan, maka pemikiran lama akan menjadi hantu yang muncul di hadapan mata yang mewakili roh nenek moyang yang dihidupkan semula (iaitu pergerakan Islam) yang menunggu-nunggu sesuatu yang buruk berlaku pada anak-anak (iaitu roh-roh pembaharuan dalam kebangkitan gerakan Islam) ketika mana mereka keluar daripada samaran jubah mereka untuk menolak kekuasaan mereka, tidak berhukum kepada mereka dengan ketaatan dan kesetiaan, atau menjadi penyokong wilayah dan mengekalkan keadaan yang ada dengan mengeksploitasi simpanan (*turath*) ini untuk kepentingan mereka, dan menjadikan orang awam di sisi mereka, dan memutuskan peluang kembali ke atas penyokong-penyokong perubahan dan kemajuan, dan menarik hamparan daripada bawah kaki mereka."

Kata-katanya berkaitan sistem semasa yang digunakan sebagai alat paksa untuk tujuan-tujuan agama selepas diperkemaskan dengan kemasan yang dapat menipu orang ramai adalah benar yang digunakan untuk tujuan batil. Hal ini kerana maksudnya sebelum segala sesuatu adalah menzahirkan gerakan Islam yang hidup, berfungsi dan bangkit.

Dia berkata dalam halaman 20 bahawa sesungguhnya *turath* merupakan isu nasional, dan sesungguhnya agama tidaklah ia melainkan sebahagian daripada *turath*. Di halaman 34 dia menegaskan kepentingan ideologi "*Islamiyyah*" yang merujuk kepada pemikiran Muktazilah "*al-ihya'i*" dan juga didasarkan

kepada pemikiran “kebebasan akal dan kehendak” (iaitu pemikiran tanpa agama).

Di halaman 53 dia menyatakan sokongan progresif dan revolusioner:

> “Keingkaran dengan maksud ini (iaitu dengan maksud bekerja sepenuh masa untuk kerja pembaharuan menggantikan keimanan dan pengiktirafan keesaan dan penyembahan kepada Tuhan semesta alam) merupakan transformasi pilihan yang lama (iaitu reda bahawa Allah merupakan tuhan, Islam adalah agama, dan Muhammad ﷺ merupakan nabi dan rasul) daripada kata-kata kepada amal, daripada penglihatan kepada akhlak, daripada pemikiran kepada realiti, dan pilihan jalan yang sukar (iaitu) jalan syahadah (golongan komunisme dan ateisme yang menyebut orang mati mereka dengan syuhada). Keingkaran itu merupakan perubahan daripada penampilan kepada kandungan dan daripada bentuk kepada inti pati”.

Kandungan dan inti pati bagi orang seperti ini dan seumpamanya adalah pembangunan, ekonomi, penghasilan, pengedaran dan memerangi kasta. Wahai saudara-saudaraku! Adakah di dalam Islam, Islam ‘rupa’, ‘penampilan’, Islam beriman dengan keseluruhan cabangnya, Islam ihsan dengan ketinggian kedudukannya, tempat untuk meliputi keadilan dan kepentingan materialnya? Atau adakah kita daripada golongan mujtahid yang kepintarannya seperti siput babi sehingga kita disapu oleh golongan ateis!

Dalam halaman 54 orang ateis revolusioner ini menerangkan bahawa sesungguhnya manusia adalah bebas dalam pemikiran dan kehendaknya, merdeka dalam tindakannya, bertanggungjawab dalam melaksanakan keadilan dalam masyarakat. Di halaman 55 dia menerangkan bahawa sekularisme merupakan keperluan asas kerana ia menjadikan manusia satu-satunya paksi bagi segala sesuatu:

> “Sekularisme sebenarnya merujuk kepada kandungan bukan penampilan, kepada inti pati bukan bentuk (bentuk biasanya merujuk kepada agama yang wajib diikuti, manakala inti pati merupakan tuntutan revolusi pembangunan material), kepada kebenaran bukan berpura-pura dan merujuk kepada kesatuan insan bukan perpecahan serta kepada manusia bukan selainnya (iaitu selain Allah سبحانه وتعالى). Justeru sekularisme adalah asas wahyu. Maka wahyu adalah sekular pada inti patinya dan keagamaan adalah sesuatu yang muncul di permukaan kesan daripada sejarah.” Beginilah pegangan iblis muda itu murid Karl Marx.

Didorong oleh ateisme dan syiar kufur, penulis filsuf tersebut berbaris dalam barisan bersama pengkaji yang sangsi dan menafikan kewujudan Allah سبحانه وتعالى:

> “Seluruh kemanusiaan masih berterusan berusaha mengkaji tentang makna lafaz Allah. Apabila mana mereka mendalami kajian, maka bertambahlah perpecahan dan konflik pendapat mereka tentang perkara tersebut. Setiap zaman meletakkan pandangan mereka dalam memahami lafaz tersebut (bermaksud Allah maha suci dan maha tinggi merupakan rekaan zaman) dan mereka-reka

> makna daripada binaan kalimahnya. Makna dan binaan kalimah berubah seiring dengan perubahan masa dan masyarakat. Oleh itu, Allah adalah seperti roti bagi keperluan orang yang lapar, Dia adalah kebebasan bagi orang yang diperhambakan, Dia adalah keadilan bagi orang yang dizalimi, dan cinta bagi orang yang terhalang emosinya,.. Allah adalah yang memenuhi kehendak... Dia adalah "jeritan orang yang dianiaya"… Dia adalah ilmu… Dia adalah kemajuan… Dia adalah bumi… Dia adalah pembebasan… pembangunan dan keadilan… Dia adalah roti dan rezeki, dan makanan ruji, kehendak dan kebebasan." Aku mohon keampunan Allah di atas kata-kata golongan yang kafir.

Pada konteks yang berikut, penulis menyenaraikan lafaz-lafaz yang menunjukkan kepada makna-makna yang berbeza yang wajib diselesaikan. Dalam halaman 98 dikatakan:

> "Bahasa lama merupakan bahasa agama yang didominasi lafaz-lafaz yang menunjukkan kepada topik-topik agama seperti agama, rasul, mukjizat dan kenabian. Dan ia merupakan bahasa yang lemah dalam menyampaikan kandungannya dalam konteks semasa".

Dalam halaman 99 si penulis filsuf itu yang melihat dirinya sebagai tokoh pembaharuan mencadangkan agar kalimah Islam dihapuskan. Selanjutnya, lafaz 'liberal' merupakan lafaz baru yang lebih menggambarkan kandungan 'Islam' daripada lafaz yang lama.

Dalam halaman 103, Dr. Hasan Hanafi mencadangkan dalam kitabnya “al-Turath wa al-Tajdid” (cetakan pertama 1981 Dar al-Tanwir) untuk berinteraksi dengan ‘bahasa akal’, iaitu agama ateis sebagai ganti berinteraksi dan beriman dengan bahasa dan maksud agama:

> “Bahasa akal merupakan bahasa yang difahami semua manusia tanpa penerangan, ulasan, soalan atau pertanyaan… Maka amal, kebebasan, syura, tabiat dan akal semuanya adalah lafaz-lafaz logik dalam ilmu Tauhid… Adapun lafaz Allah, syurga, neraka, akhirat, hisab, balasan, titian sirat, timbangan dan telaga al-Kauthar semuanya merupakan lafaz-lafaz yang pasti tidak membawa maksud yang langsung di mana akal tidak mungkin memahaminya tanpa kefahaman, tafsir atau takwil.” Alangkah buruk apa yang mereka bawa!

DAKWAH DAN NEGARA

Dakwah yang saya maksudkan adalah para juru dakwah lelaki yang memikul harapan ummah yang berusaha mendirikan agama Allah di atas muka bumi sebagai sambutan terhadap seruan al-Quran: "Wahai orang-orang yang beriman" di mana pencapaian tuntutan syariat berkaitan dengan mereka. Dakwah tersebut sama ada dilakukan secara tersusun oleh organisasi yang bersatu dalam wilayah-wilayah yang terpisah-pisah yang diwarisi atau dilakukan oleh kumpulan-kumpulan yang bersepakat ketika mana bertambahnya persamaan dan persefahaman kepada sesuatu perpaduan, maka sesungguhnya kewajipan dakwah adalah mendirikan negara khilafah yang bersatu bermula dari negara Islam di wilayah yang lebih kecil, dengan melihat jenis sistem yang lebih baik untuk menyatukan negara Islam tersebut secara berperingkat.

Di antara tuntutan dakwah adalah mendedahkan golongan yang bertopengkan Islam seperti ahli falsafah ateis Dr. Hasan Hanafi dan menjawab kesamaran yang ditimbulkan oleh mereka. Ini merupakan pencegahan kemungkaran yang wajib dilakukan dalam setiap peringkat, tetapi selepas penubuhan negara Islam, ia bertanggungjawab memotong lidah-lidah pendusta. Saya tidak bermaksud memotong anggota lidah yang bertutur kerana memotong lidah bukan termasuk dalam hukum hudud sepertimana yang diatur oleh syarak, tetapi yang saya maksudkan adalah membanteras suara-suara kemungkaran. Bagi jenayah murtad hukum syarak tersendiri yang mesti diberlakukan dalam negara Islam.

Sesungguhnya tugas dakwah adalah membina kehidupan berteraskan Islam, dan mengukuhkan rukun-rukun agama

dalam masyarakat, iaitu memelihara *maqasid syariah* dalam aspek ibadah sebagaimana yang dijelaskan oleh ulama usul. Tugas dakwah setelah berada di bawah tanggungjawab negara adalah mematuhi matlamatnya, iaitu memulihkan medium kebendaan, harta, teknik, pengurusan sebagai khidmat memenuhi tuntutan duniawi, iaitu memelihara *maqasid* syarak dari aspek kehidupan dalam perkara "adat" dan "muamalat".

Di antara tugas terpenting negara Islam ketika mana ia menjadi alat menyemarakkan dakwah, adalah memelihara tuntutan-tuntutan Islam dan melindunginya dengan "mengelakkan daripadanya kerosakan yang berlaku atau dijangka berlaku di dalamnya."

Sesungguhnya mengembalikan hubungan di antara dakwah dan negara mengikut acuan Islam selepas kurun dikuasai para sultan yang mengancam dan ingkar terhadap al-Quran merupakan suatu tugas yang memerlukan jihad kebangkitan dan memerlukan kepada ijtihad. Di dalam tempoh pemerintahan yang mencengkam ulama-ulama kita berijtihad dalam ruangan yang sempit, oleh itu mereka menamakan "jenayah" kerana sudut yang penting itu merupakan salah satu kewajipan pemerintah, iaitu sudut mempertahankan kepentingan agama.

Mereka menguruskan penjagaan syariah keseluruhannya "daripada tiada" kepada taklif secara syarak dengan amar makruf dan nahi mungkar. Mereka telah menggambarkan amar makruf dan nahi mungkar sebagai kewajipan secara individu yang tertakluk kepada perlindungan individu, tetapi mereka tidak menggambarkannya sebagai kewajipan secara kolektif di mana jemaah muslimin telah berpecah di zaman mereka di bawah tekanan ancaman yang diwarisi dan bersifat kediktatoran.

Kita telah menyaksikan sesungguhnya ijtihad untuk masa depan Islam sejajar dengan pembangunan rukun dan pembinaan negara yang perlu dilakukan secara kolektif berpaksikan kesepakatan syura seboleh mungkin. Dengan bertaklid kepada pemikiran golongan lama dan pandangan mereka, kita tidak mampu untuk membina melainkan binaan lama yang beku kepada bentuk yang diwarisi. Dengan melepaskan tali yang mengekang orang yang menjerit sepertimana melepaskan tali-tali yang mengekang organisasi-organisasi yang rosak dan ghairah dengan slogan demokrasi dan "kebebasan bersuara", bermunculan golongan para doktor yang jahat dengan kesesatan yang baru. Dengan menjauhkan diri daripada kaedah ilmu usul di mana ilmu yang kukuh dan mantap ini "merupakan tiang gedung ilmu" sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Shaukani, bermunculan golongan awam dalam bidang ilmu, awam dalam akidah, awam dalam mencintai jawatan dan muncul untuk memberi fatwa dan menjadi pemimpin di mana setiap seorang daripada mereka menyangka bahawa dengan menyimpan kitab sunan *sittah* dalam ilmu hadith adalah syarat yang mencukupi untuk berijtihad sedangkan lidah mereka tidak mampu untuk membaca satu hadith dengan betul.

Dengan melihat konteks semasa yang sempit, iaitu konteks seorang *qadi* dan mufti di dalam isu hukum dan juga konteks guru yang menghukum, tidak mungkin untuk mereka berijtihad secara holistik merangkumi semua usul yang mampu untuk melingkungi semua ruang yang luas bagi mencapai *maqasid syariah*, di mana mereka diminta untuk membina perkara yang lemah dan mempertahankan sesuatu yang diharuskan, dan di mana mereka tertakluk kepada tanggungjawab kemasyarakatan dalam berdakwah, dan dari sudut ketuanan dakwah negara, iaitu ketuanan al-Quran ke atas pemerintah, bukan sebaliknya.

Syarat-syarat yang ditetapkan oleh ulama kami dalam menjadi mujtahid adalah mereka yang mampu mentafsirkan hukum-hukum yang terkandung dalam nas-nas yang pasti (*qat'i*) secara kewujudan dan pendalilan, yang mampu mengeluarkan hukum-hukum *zanniyyah* daripada nas-nas selain itu dengan kaedah mengukur *maslahah al-qiyasiyyah al-illiyyah* atau *maslahah al-mursalah* sebagai syarat-syarat yang benar. Selagi mana kita memenuhi syarat-syarat tersebut, maka ia mampu memenuhi pertimbangan-pertimbangan yang telah dinyatakan, lalu ia mengangkatnya kepada peringkat yang lebih tinggi daripada yang diminta.

Mereka telah bersatu -semoga Allah merahmati mereka- dan bersepakat di atas syarat-syarat yang berikut, dan kesepakatan mereka dipatuhi dan diikuti. Mereka telah bersepakat bahawa mujtahid mestilah mahir dan mengetahui nas-nas al-Quran dan Sunnah, mengetahui perkara-perkara ijmak, mahir dalam bahasa Arab, mahir dalam ilmu usul fiqah "yang merupakan tiang dan asas ijtihad", mengetahui ilmu *nasikh* dan *mansukh*, dan mereka berselisih pendapat dalam syarat-syarat yang lain, seperti syarat mengetahui dalil mantik, mengetahui ilmu usuluddin, mengetahui cabang ilmu yang lain kerana pengamalan pengetahuan tersebut memberikan kemahiran yang lazim, mengetahui ilmu *jarh wa ta'dil* bagi memahami perbahasan ulama hadith yang mempunyai sumbangan yang besar terhadap umat Islam sehingga hari kiamat –semoga Allah membalas mereka dengan sebaik-baik balasan- dan mengetahui ilmu *qiyas* serta syarat-syarat dan rukun-rukunnya kerana *qiyas* merupakan pintu kepada ijtihad dan pemikiran dan daripadanya berkembang ilmu fiqah.

Sekiranya semua syarat-syarat ini tersedia pada seorang lelaki, maka dijangka ia tidak mampu pada zaman ini untuk menguasai

wasilah-wasilah yang wajib untuk mencapai *maqasid syariah.* Oleh itu, ia wajib memahami fiqah secara terperinci berkaitan *maqasid-maqasid* ini sedangkan ia telah kabur pada akal, lemah pada tujuan dan hilang daripada perbincangan semasa. Bagaimana ia dibentuk oleh keperluan, bagaimana ia membangunkan umat yang sedang tidur, bagaimana ia menjadi kumpulan yang mendokong agama Allah, bagaimana ia memeliharanya, bagaimana ia mengorak dengannya untuk membina agama kemudian memeliharanya "daripada sudut ada dan tiada" secara dakwah dan bernegara.

Tidak cukup bagi seorang untuk hanya melaksanakan tugasan-tugasan ijtihad dan tidak hanya berdiri mengeluarkan hukum dan memahirinya, bahkan wajib bagi seorang ahli ijtihad untuk menjadi ahli dan perancang dakwah, menghidup dan menghayati roh dakwah, membawa keazamannya, dan merasa marah dengan kerosakan yang berlaku dan yang dijangka berlaku. Sekiranya mereka hanya menjadi penulis buku-buku, kertas-kertas kerja dan surat khabar, sekiranya pemikiran mereka hanya pada lisan-lisan yang petah berkata dan hati yang kosong, maka ia hanya akan menjadi bencana yang besar yang menimpa agama "dari sudut tiada".

Demi masa depan Islam, wajib ke atas para mujtahidin selepas sempurna syarat-syarat keilmuan dan keimanan, untuk melihat sesuatu perkara daripada yang besar kepada yang kecil, daripada sudut al-Quran, daripada pemerintah yang bertanggungjawab untuk berkhidmat kepada al-Quran, dan melihat jauh kepada masa depan kesatuan umat dan mendirikan keadilan dan syura, dan membawa risalah Tuhan semesta alam. Apabila mereka menjadi ahli kepada perkara tersebut sekiranya mereka bukan di kalangan ahli ihsan dengan maksud ihsan yang tinggi dan

luas sebagaimana kita menjelaskan perkara ihsan ini di dalam kitab "ihsan" dengan izin Allah.

Bukan semua fuqaha kita mempunyai pemikiran yang halus terpenjara dalam ruang-ruang yang sempit. Di kalangan mereka yang hebat adalah Imam al-Shatibi *rahimahullah* yang mempunyai fikiran yang luas dan jauh. Kita melihat beliau mengkritik dengan secara halus dan menempelak golongan yang meletakkan diri mereka dalam ijtihad secara "salah dan menyalahkan" tanpa diakui dan diiktiraf oleh mereka yang mempunyai kedudukan yang tinggi dan berautoriti dalam perkara tersebut. Beliau berkata:

> "Bukti itu (iaitu bukti sesungguhnya syarak menekankan *maqasid* dan kerananya ia datang) adalah pemerhatian syariah terhadap dalil-dalil *kulliyyah* dan *juz'iyyah* dan apa-apa yang tergolong di atasnya daripada perkara-perkara yang umum berdasarkan pemerhatian secara maknawi yang tidak boleh dibuktikan dengan dalil yang khas, tetapi dengan pelbagai dalil yang saling mengukuhkan antara satu sama lain yang berbeza tujuannya, di mana pengukuhan tersebut membentuk suatu perkara yang disepakati."

Alangkah indah, tinggi dan terperinci kata-kata ini! Pelbagai dalil yang saling menyokong antara satu sama lain yang berbeza tujuannya membentuk satu perkara. Inilah penyatuan yang kita cari dalam menyelesaikan perselisihan pemikiran yang menyebabkan perpecahan ummah dan *membid'ahkan* manusia dan kecerdikan yang rosak, sementara golongan yang terpesong menolak keimanan kepada Allah, kenabian dan hari kiamat sehinggakan berhimpun di sekeliling mereka buih

orang-orang yang tidak berharga sekitar isu revolusi di atas nama: roti, kemuliaan insan, pengeluaran dan pengagihan.

***

Inilah kata-kataku wahai saudara-saudaraku dengan harapan daripada kamu dan semua yang membacanya supaya tidak melupakanku dalam kebaikan doa-doa kamu, semoga Allah yang maha mulia berlaku ihsan kepada kami dan kepada kamu, dan kesejahteraan, kerahmatan dan keberkatan Allah ke atas kamu, dan selawat dan kesejahteraan Allah ke atas Nabi Muhammad ﷺ dan ke atas keluarga dan para sahabat baginda dengan kesejahteraan yang melimpah ruah. Kami akhiri ucapan kami dengan segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam.

RUJUKAN TAKHRIJ
AYAT AL-QURAN DAN HADIS

- Abdullah Basmeih. 2010. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman.* Disemak dan disahkan oleh Datuk Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim, cet. 14. Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.

- Ahmad bin Hanbal. 2001. *Al-Musnad.* Tahkik Shuayb al-Arnaut, cet. 1. Muassasah al-Risalah.

- Ali bin al-Ja'd bin Ubayd al-Jawhari. 1990. *Musnad Ibn al-Ja'd.* Tahkik Amir Ahmad Haydar, cet. 1. Beirut: Muassasah Nadir.

- Al-Tirmidhi, Muhammad bin Isa. 1975. *Sunan al-Tirmidhi.* Ditahkik oleh Ahmad Muhammad Shakir dan ulama lain. Cet. 2. Mesir: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi.

- Bukhari, Muhammad bin Ismail. 1422 H. *Sahih Bukhari.* Tahkik Muhammad Zuhayr bin Nasir al-Nasir, cet. 1. Dar Tawq al-Najah.

- Ibn Majah, Muhammad bin Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah.* Tahkik Shuayb al-Arnaut dan ulama lain, cet. 1. Dar al-Risalah al-Alamiyah.

- Muslim bin al-Hajjaj al-Nisaburi. (t.th). *Sahih Muslim.* Tahkik Muhammad Fuad Abd al-Baqi'. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.